JAWHAR

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI | JABATAN PERDANA MENTERI

LAPORAN TAHUNAN 2017

"Bersama Memacu Transformasi Ummah"



PENAUNG:

TUAN HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN

Ketua Pengarah

PENASIHAT:

TUAN HAJI JAAFAR BIN ISMAIL

Timbalan Ketua Pengarah



KETUA PENGARANG:

TUAN HAJI BAITIYAMIN BIN MAMAT

Pengarah Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa

PENOLONG PENGARANG:

1. EN. MOHD AZIZAN BIN ABDULLAH
   Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan
2. PN SITI ZAIDA BINTI MAHMOD
   Penolong Pengarah Penyelidikan
3. CIK JULIA BINTI MOHD NASIR
   Penolong Pengarah Penyelidikan

URUS SETIA PENERBITAN:

(BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA)

1. EN. NOOR AZURA BINTI ZAINAL
2. EN. AHMAD ARIFFIN BIN JOFERI

Sidang Pengarang merakamkan sekalung penghargaan kepada semua warga JAWHAR di atas sumbangan dan kerjasama menjayakan penerbitan Laporan Tahunan JAWHAR 2017

- **PERUTUSAN:** 5
  - -Sekapur Sireh 6
  - -Seulas Pinang 8
- **MAKLUMAT KORPORAT:** 11
  - -Sejarah Jabatan 12
  - -Profil Jabatan 13
  - -Carta Organisasi 24
  - -Warga JAWHAR 26
  - -Penghargaan Perkhidmatan 31
- **LAPORAN PERKHIDMATAN TERAS UTAMA** 39
  - -Bahagian Wakaf 40
  - -Bahagian Baitulmal 51
  - -Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa 69
- **LAPORAN PERKHIDMATAN BAHAGIAN SOKONGAN** 91
  - Bahagian Khidmat Pengurusan 92
    - Bahagian Unit Kewangan 101
    - Bahagian Teknologi Maklumat 107
    - Unit Integriti dan Komunikasi Korporat 120
- **PEMBANGUNAN SISTEM DAN PORTAL** 130
- **ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN** 136
- **CERITERA JAWHAR** 140
  - -Majlis Bersama Jabatan (MBJ) 141
  - -PUSPANITA 143
  - -Kelab Kebajikan Dan Sukan Jawhar (KKSJ) 147
  - -Penerbitan JAWHAR 161
  - -Peristiwa 2016 162
  - -Informasi Media JAWHAR 164
  - -Penyandang Ketua Pengarah JAWHAR 173

JAWHAR

JAWHAR

PERUTUSAN





Sekapur Sireh

YBHG TAN SRI DR. ALI B HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT di atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, saya diberi kesempatan dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Semoga dengan kudrat yang telah dikurniakan ini dapat saya terus berbakti kepada agama, bangsa dan Negara tercinta.

Tahniah kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) kerana telah berjaya sekali lagi menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2017 yang menjadi penanda aras dan rujukan untuk penambahbaikan program-program yang akan datang di JAWHAR. Segala usaha baik yang dilakukan oleh JAWHAR tidak lain adalah untuk menyanjung keharmonian nilai Islam dan menjaga kesejahteraan sejagat seiring dengan kehendakNya.

Fenomena globalisasi yang berlaku abad ini telah menempatkan negara-negara di dunia berhadapan dengan pelbagai cabaran baharu termasuk ekonomi terbuka, tahap daya saing yang kompetitif, perubahan dan kemajuan sains dan teknologi serta persaingan bakat (talent). Sebagai jentera Kerajaan, perkhidmatan awam menggalas tanggungjawab yang amat besar untuk sama-sama berdepan dengan realiti ini. Kewibawaan perkhidmatan awam perlu dipertingkatkan supaya sealiran dengan

perkembangan yang sedang pesat berlaku. Jabatan dan agensi awam yang lebih dinamik dan tangkas dengan penjawatnya yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi akan membolehkan perkhidmatan awam memberikan sumbangan dan menggerakkan negara ke hadapan.

Sebagai penjawat awam pula, kita jangan terlalu mudah berpuas hati dengan segala pencapaian, sebaliknya perlulah sentiasa bermuhasabah diri dan berusaha dengan lebih gigih untuk sentiasa menambahbaik dan meningkatkan perkhidmatan supaya lebih responsif dan berkesan. Program dan aktiviti yang dilaksanakan perlulah tepat, berkualiti serta strategik, dengan mengambil kira keperluan pelanggan dan stakeholders yang sentiasa berubah. Namun apa yang lebih penting ialah dalam apa jua tindakan, ianya hendaklah dilaksanakan dengan penuh integriti dan beramanah, selaras dengan nilai-nilai Islam yang murni yang didukungi.

Saya juga amat berbesar hati dengan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAWHAR 2017 ini. JAWHAR telah melakar pelbagai program-program berimpak besar kepada msayarakat terutamanya sepanjang tahun 2017 dan sudah semestinya ia menjadi satu tanda aras bagi JAWHAR agar terus komited, berdaya saing dan lebih proaktif dalam mencapai kejayaan di masa hadapan. Ucapan jutaan terima kasih juga buat semua warga JAWHAR dan agensi-agensi lain yang turut terlibat secara lansung dalam menyumbang dan menjayakan agenda dalam mengukuhkan agama Islam di Malaysia. Semoga seluruh usaha warga JAWHAR ke arah memacu transformasi ummah selari dengan mottonya mendapat keredhaan Allah SWT.InsyaAllah. Sekian terima kasih.

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA



Seulas Pinang

KETUA PENGARAH
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang**.** Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat baginda serta sekalian, pengikut-pengikut Baginda sepanjang zaman.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi di atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita masih lagi di beri kesempatan untuk menerbitkan Laporan Tahunan JAWHAR 2017. Saya juga mengucapkan syabas kepada sidang redaksi kali ini di atas kejayaan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAWHAR pada kali ini. Tahun 2017 telah pun berakhir dengan kesudahan yang cukup sempurna dan sudah tentu banyak kejayaan yang kita kecapi pada tahun tersebut. Usaha proaktif JAWHAR sekali lagi berhasil dengan penerbitan laporan tahunan bagi tahun 2017 ini untuk berkongsi peristiwa-peristiwa dan program-program yang telah dijalankan oleh JAWHAR sepanjang tahun 2017.

Sejak awal penubuhan JAWHAR pada tahun 2004 adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan mal serta haji di seluruh negara lebih sistematik, tersusun dan berkesan. Setelah lebih sedekad penubuhannya, JAWHAR telah banyak berubah dan menjadi lebih matang dalam setiap langkah menuju kejayaannya. Terdapat perubahan telah dilakukan terutamanya dari segi pemerkasaan semula peranan dan fungsi JAWHAR. JAWHAR nyata lebih bersifat *itqan* (yakin) dalam usaha mengembalikan kegemilangannya dalam menuju wawasan 2020. JAWHAR telah membuat perubahan yang ketara dalam gerak kerja dan kaedah perlaksanaan

hala tuju termasuk membuat perubahan kemas terhadap mottonya iaitu " Bersama Memacu Transformasi Ummah".

Walaupun JAWHAR hanya merupakan sebuah Jabatan yang kecil tetapi semangat dan azamnya untuk lebih dikenali adalah amat besar. Hampir setiap tahun, JAWHAR dan seluruh warganya meningkatkan daya usaha, idea, responsive terhadap perubahan-perubahan baru yang didepani dalam usaha negara untuk mencapai status Negara Maju atau "High Income Advanced Economy" yang berlandaskan Maqasid Syariah, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) mahupun Model Ekonomi Baru (MEB). Ternyata semangat daya saing yang tinggi warga JAWHAR akhirnya membuahkan hasil yang sangat baik pada tahun ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah buat semua warga JAWHAR. Akhir kata, saya menyeru kepada warga JAWHAR agar sentiasa mengambil peluang ke arah memantapkan sahsiah diri dan peribadi dan menjaga integriti sebagai penjawat awam dengan menjaga nama baik serta mendukung misi dan visi jabatan serta sentiasa memperbaiki dan menambah nilai mutu kerja ke arah yang lebih produktif dan inovatif.

Sekian, terima kasih

HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN

ISLAM TIDAK MENGIRA PANGKAT DAN DARJAT

Hadis riwayat: Muslim

Daripada Sa'ad bin Abi Waqas RA, katanya:

كنا مع النبيّ صلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ ستَّةَ نفرٍ . فقال المشركون للنبيّ صلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ : اطرُدْ هؤلاء لا يجترؤن علينا . قال : وكنتُ أنا وابنُ مسعودٍ ، ورجلٌ من هُذَيلٍ ، وبلالٌ ، ورجلان لستُ أُسمِّيهما . فوقع في نفسِ رسولِ اللهِ صلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ ما شاء اللهُ أن يقعَ . فحدَّث نفسَه . فأنزل اللهُ عزَّ وجلَّ : وَلَا تَطْرُدِ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ [6 / الأنعام / 52] .

Maksudnya:

"Ketika kami berenam bersama Nabi SAW, tiba-tiba orang-orang musyrikin berkata kepada Nabi SAW: "Usirlah mereka supaya mereka tidak berani menemui kami." Enam orang itu ialah aku, Ibnu Mas'ud, seorang lelaki daripada suku Huzail, Bilal dan dua orang lelaki yang sengaja aku tidak sebutkan namanya. Maka terlintas di hati Rasulullah SAW, apa yang dikehendaki Allah (untuk menyuruh enam sahabat itu meninggalkan majlis kerana dia mengetahui kekuatan iman mereka dan mengharapkan iman pembesar-pembesar musyrikin), tiba-tiba Allah 'Azza wa Jalla menurunkan wahyu (yang bermaksud): "Dan janganlah engkau usir orang-orang yang beribadah dan berdoa kepada Tuhan mereka pagi dan petang, sedang mereka menghendaki keredhaan semata-mata..."
(Surah al-An'am: ayat 52)."

Huraian Hadis:

* Umat Islam disuruh supaya saling memahami dan membantu antara satu dengan yang lain.

* Musuh sebenar umat Islam ialah orang-orang kafir.

* Menghormati orang soleh dan menjaga perasaan mereka adalah wajib kerana menyakiti mereka bererti menempah kemurkaan Allah SWT.

* Penghormatan kepada manusia dan penghargaan sepatutnya hendaklah berdasarkan iman dan pegangan agama bukan berdasarkan harta mahupun pangkat.

* Islam ialah agama Allah SWT untuk manusia sejagat. Justeru, tiada kelebihan bagi sesiapa atas yang lain dengan sebab harta atau pangkat.

JAWHAR

MAKLUMAT KORPORAT



SEJARAH JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh mantan Perdana Menteri Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia.

Penubuhan jabatan ini merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan.

Iltizam mantan Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat :

> *"Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti **tanah dan harta wakaf** di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab **fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam** dan membantu usaha pembangunan insan".*

Pelancaran rasmi JAWHAR telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Dr Abdullah bin Md Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (menteri yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Islam) pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H, bertempat di Dewan 2, Aras *Concourse*, Pusat Konvensyen Putrajaya.

Di dalam ucapan perasmiannya, mantan Y.B. Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut :

> *"Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk **memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan**. Ia juga bermaksud untuk **meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan** ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang".*

VISI

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji bertaraf dunia.

MISI

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah melalui tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik

OBJEKTIF

Terdapat empat objektif JAWHAR seperti berikut:

- Memperkasa dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi ummah dalam bidang Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah melalui kerjasama erat dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan;

- Mempertingkatkan tadbir urus terbaik institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah dengan Kerjasama negeri-negeri dan agensi berkaitan;

- Meningkat kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam mengenai konsep Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah pengurusan sumber am dan membangunkan potensi sumber am sebagai wadah melibatkan sosio-ekonomi ummah; dan

- Menyubur dan membudayakan *turath* (legasi) dalam amalan berwakaf di kalangan masyarakat Malaysia, penyelarasan, pemantauan dan penguatkuasaan pengurusan umrah serta meningkatkan kualiti sistem pengurusan haji bagi mengekalkan tadbir urus terbaik.

FUNGSI

Terdapat empat fungsi khusus JAWHAR seperti berikut:

- Merancang, memantau dan menyelaras permodenan dan Pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan

- Menjalinkan Kerjasama pintar dengan agensi-agensi Kerajaan, GLC dan pihak swasta dalam Pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah;

- Menjalankan kajian serta Penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu dan program-program Pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah;

- Merancang dan meyelaras keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi Pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.

PIAGAM PELANGGAN

JAWHAR beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan:

1. Melaksanakan program tahunan Jabatan mengenai institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan menjalin perkongsian pintar dengan MAIN, entiti zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji mengikut jadual yang ditetapkan;

2. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada *stakeholders* dan pelanggan secara responsif, cepat dan berintegriti tidak melebihi tempoh 2 hari bekerja;

3. Memberikan khidmat nasihat kepada *stakeholders* dan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima pertanyaan;

4. Memastikan pembayaran bil-bil dibuat dalam tempoh tidak melebihi 7 hari bekerja; dan

5. Memastikan laman web jabatan sentiasa informatif dan dikemaskini sepanjang masa.

MOTTO

" BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI UMMAH "

Motto JAWHAR menunjukkan harapan dan semangat JAWHAR dalam memacu transformasi dan Pembangunan ummmah melalui pemodenan pentadbiran bidang teras JAWHAR melalui pelaksanaan di peringkat negeri-negeri ke arah peningkatan sosio-ekonomi yang cemerlang secara keseluruhannya..

SLOGAN

"BERSAMA MEMBERDAYA KEKUATAN JAWHAR"

"BERSAMA MEMARTABATKAN UMMATAN WASATAN"

Slogan JAWHAR pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Slogan ini merupakan seruan kepada setiap warga JAWHAR agar sentiasa bekerjasama dalam setiap perancangan dan perkara yang dijalankan oleh jabatan agar hasil diperolehi adalah yang terbaik dan merupakan hasil paduan usahasama jitu daripada setiap warga JAWHAR. Hasil daya usaha yang berterusan ini mampu memberikan pencapaian yang terbaik dan seterusnya menyumbang kepada matlamat JAWHAR ke arah pembinaan tamadun ummah. Dalam melaksanakan tugasan dan tanggungjawab tersebut, setiap warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya dengan kaedah yang terbaik. Ia juga menunjukkan komitmen JAWHAR yang sangat mementingkan kualiti dalam setiap tindakan yang bakal diambil.

KOD ETIKA

Di samping motto dan slogan, pembentukan jati diri warga JAWHAR turut disandarkan kepada penghayatan dan amalan beberapa nilai serta etika kerja yang dirangkumkan membentuk perkataan **HIJRAH** serta dijadikan falsafah pengurusan JAWHAR. Prinsip Hijrah ini diterangkan seperti berikut:



SINGKATAN JAWHAR

Perkataan 'JAWHAR' berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud permata yang berharga dan tinggi nilainya. Perkataan JAWHAR itu sendiri melambangkan harapan jabatan untuk menjadi sebuah agensi terunggul dan amat berharga seperti sebutir permata yang amat bernilai. Perkataan 'JAWHAR' juga sesuai dengan aspirasi JAWHAR untuk menghasilkan *outcome* bermutu tinggi umpama sebutir permata yang amat bernilai, yakni suatu manifestasi keunggulan sebuah jabatan Kerajaan bertaraf dunia.

Perkataan JAWHAR juga melambangkan akronim kepada nama jabatan. **JA** ialah singkatan bagi perkataan **Jabatan**, huruf **W** mewakili **Wakaf** dan huruf **H** mewakili **Haji**. Zakat dan Mal diwakili oleh **HAR** yang disingkatkan daripada perkataan **Harta** iaitu asas kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

PUNCA KUASA

Punca kuasa yang membawa kepada penubuhan JAWHAR adalah seperti berikut:

Minit mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2004 telah menyatakan dalam perkara 15. Hal-hal lain (11) Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji seperti berikut;

"Jemaah Menteri mengambil maklum akan keterangan bahawa mesyuarat untuk membincangkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji yang akan diadakan pada 1 Jun 2004 bersetuju dengan nama Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji yang akan menyelaras, memantau dan menyeragam sistem wakaf, Zakat dan Urusan Haji".

Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) (Pindaan) (No.2) 2009(P.U. (A) 222).

Senarai perundangan yang berkaitan bidang teras JAWHAR adalah seperti yang digariskan dalam Jadual 4.2 berikut:

Perlembangan Persekutuan

- Jadual Kesembilan senarai II, Senarai Negeri, Butiran 1- menyatakan wakaf sebahagian yang berhubungan dengan Islam.
- Perkara 3 Fasal 2 – Raja merupakan ketua agama Islam negeri-negeri.
- Perkara 74 Fasal 2- Badan Perundangan negeri boleh membuat undang-undang mengenai Islam.
- **Perkara 12(2) – Kerajaan Persekutuan boleh menubuh atau menyenggara atau membantu dalam pembiayaan institusi agama Islam.**
- **Minit Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2004**

Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Hal ehwal Islam Negeri

- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah – wilayah Persekutuan) – Seksyen 60-66.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah – Seksyen 52-60.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis – Seksyen 89-94.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang – Seksyen 89-96.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak – Seksyen 78-88.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor – Seksyen 89-97.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor Dan Adat Istiadat Terengganu –Seksyen 63-69.
- Ordinan Majlis Islam Sarawak – Seksyen 51-55.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang – Seksyen 70-78.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah – Seksyen 45-66.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor Dan adat Melayu Kelantan - Seksyen 61-66.

Enakmen Wakaf Negeri

- Enakmen Wakaf Selangor, 1999
- Enakmen Wakaf Negeri Melaka, 2005
- Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005

Enakmen Wasiat Negeri

- Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2005

PUNCA KUASA

Enakmen Zakat Negeri

- Enakmen Zakat Tahun 1374 (1955) Kedah
- Enakmen Zakat Dan Fitrah 1993 (Pindaan 2003)-Negeri Sabah

Kanun Tanah Negara (KTN)

- Seksyen 4(2) – Peruntukan KTN tidak terpakai kepada tanah wakaf
- Seksyen 5 – Amanah tidak termasuk wakaf
- Seksyen 76 – Pengertian pemberimilikan
- Seksyen 416C – Peruntukan Peletakhakan tanah

Akta – akta berkaitan

- Akta Fungsi – fungsi Menteri 1969
- Perintah Menteri –menteri Persekutuan
- Akta Industri Perlancongan 1992
- Kanun Keseksaan
- Kanun Acara Jenayah
- Akta Syarikat 1965
- Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001
- Akta Perlindungan Pengguna 1999
- Akta Lembaga Tabung Haji 1995

BERBUAT BAIK SALAH SATU AMALAN MULIA

Salah satu daripada akhlak mulia yang dituntut Islam ialah berbuat baik atau tidak berbuat sesuatu yang membawa mudarat dan kerosakan.

Ibu bapa, pendidik atau pemimpin mestilah berusaha membentuk anak-anak mereka, murid-murid mereka dan masyarakat supaya berbuat perkara-perkara yang tidak mendatangkan kemudaratan dan kerosakan kepada orang lain.

Firman Allah SWT :

وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ

Maksudnya :
"Dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah SWT berbuat baik kepada kamu dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi."
(Al-Qasas : 77)

Asas bagi membentuk keinginan untuk membuat kebaikan, ialah mengukuhkan hubungan yang baik dengan Allah SWT.

Sebaliknya keagungan Allah SWT tidak akan terjejas sedikitpun, jika kita melakukan sesuatu bagi mengeruhkan hubungan dengan-Nya.Allah SWT tidak menerima sebarang kekurangan daripada kejahatan yang kita lakukan.

Sebaliknya kewajipan mengukuhkan hubungan baik dengan Allah SWT itu ialah untuk kebaikan kita dan membentuk akhlak yang sentiasa cenderung melakukan kebaikan.Ini kerana akhlak yang seperti ini adalah akhlak yang mulia, yang menjadikan orang yang memlikinya berada di martabat yang tinggi.

Carta Organisasi JAWHAR




Unit Integriti & Komunikasi Korporat
Pn. Lizah binti Ismail
PHEI S44
PENGARAH
bin Ismail
S54
Bahagian Baitulmal
En. Ruzman bin Ramli
PTD M52
Bahagian Khidmat Pengurusan
Dipinjamkan ke JPM
Bahagian Baitulmal
Pn. Hasanah binti Badrul
PTD M48
Seksyen Pengurusan & Kewangan
Pn. Zakiah binti Ahmad@Ahmaddiah
PTD M48
Seksyen Teknologi Maklumat
Pn. Afidah binti Haji Mohd Esa
F48
Unit Zakat
En. Murid Fadzli bin Musa
PHEI S41
Unit Sumber Am
Pn. Nurul Ain binti Mohd Harudin
PTD M41
Unit Sumber Am
Pn. Hafizah binti Abdul Shukor
PHEI S44
Seksyen Teknologi Maklumat
Pn. Nurul Ain binti Mhd Sharif
F44
Unit Pentadbiran
Cik Julia binti Mohd Nasir
N41
Unit Sumber Manusia & Latihan
Pn. Farahatun binti Ahmad
PTD M44
Unit Kewangan
Pn. Nor Sharina binti Abdul Rahim
W44

PEJABAT KP		
1	Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman	0388837401 musadad@jawhar.gov.my
2	Pn. Shatina Ariani binti Ahmad	0388837402 ariani@jawhar.gov.my
PEJABAT TKP		
3	Tuan Haji Jaafar bin Ismail	03-88837404
4	Pn. Damiley binti Abdul Kahar	03-88837405 damiley@jawhar.gov.my
BAHAGIAN WAKAF		
5	En. Hairolanuar bin Mohamad	03-88837477 hairolanuar@jawhar.gov.my
6	Cik Zarina binti Ibrahim	03-88837476 zarina@jawhar.gov.my
7	Kosong	03-88837453
8	Pn. Maya Fahida binti Mohd Esa	03-88837455 maya@jawhar.gov.my
9	Kosong	03-88837457
10	Kosong (Jurutera)	03-88837478
11	En. Mohd Nazri bin Ahmad	03-88837576 mdnazri@jawhar.gov.my
12	En. Zaim bin Sulaiman	03-88837413 zaim@jawhar.gov.my
13	En. Ahmad Hafiz bin Ab. Kadir	03-88837492 hafiz@jawhar.gov.my
14	En. Mohd Fazarul bin Mohd Safain	03-88837496 fazarul@jawhar.gov.my

15	Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan	03-88837466 rohaizah@jawhar.gov.my
BAHAGIAN BAITULMAL		
16	En. Ruzman bin Ramli	03-88837476 ruzman@jawhar.gov.my
17	Pn. Hasanah binti Badrul	03-88837444 hasanah@jawhar.gov.my
18	Pn. Hafizah binti Abdul Shukor	03-88837417 hafizah.as@jawhar.gov.my
19	En. Murid Fadzli bin Musa	03-88837415 mfadzli@jawhar.gov.my
20	Pn. Nurul Ain binti Mohd Harudin	03-88837417 nurul.ain@jawhar.gov.my
21	Pn. Nor Fadilah binti Harun	03-88837439 norfadilah@jawhar.gov.my
22	Cik Siti Maryam binti Md. Noor	03-88837435 sitimaryam@jawhar.gov.my
23	Pn. Noriah binti Othman	03-88837474 noriah@jawhar.gov.my
24	En. Ammar bin Aziz	03-88837482 ammar@jawhar.gov.my
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA (BPKA)		
25	En. Mohd Faizal bin Ab Hamid	0388837407 faizal@jawhar.gov.my
26	En. Mohd Azizan bin Abdullah	0388837411 azizan@jawhar.gov.my
27	Pn. Suhailah binti Ishak @ Abdul Manaf	suhailah@jawhar.gov.my
28	Pn. Siti Zaida binti Mahmod	03-88837468 zaida@jawhar.gov.my
29	En. Khairul Anuar bin Khalid	03-88837490 khairulanuar@jawhar.gov.my

30	Pn. Marziana binti Mat Hassan	03-88837474 marziana @jawhar.gov.my
31	Kosong	Kosong
32	Pn. Noor Azura binti Zainal	0388837435 noorazura@jawhar.gov.my
33	En. Saifol Iskandar bin Md Kasim	03-88837475 saifol@jawhar.gov.my
34	En. Ahmad Ariffin bin Joferi	03-88837422 ariffin@jawhar.gov.my
35	En. Mohd Salman bin Mohd Sopi	03-88837429 salman@jawhar.gov.my
UNIT INTERGRITI DAN KOMUNIKASI KORPORAT (UIKK)		
36	Pn. Lizah binti Ismail	03-88837507 lizah@jawhar.gov.my
37	En. Mohamed Khairudin bin Abdul Rashid	03-88837428 khairudin@jawhar.gov.my
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BTM)		
38	Pn. Afidah binti Haji Mohd Esa	03-88837418 afidah@jawhar.gov.my
39	Pn. Nurain binti Mhd Sharif	03-88837465 nurain@jawhar.gov.my
40	En. Zamfitri bin A Rahman	03-88837419 zamfitri@jawhar.gov.my
41	Pn. Nurulhani binti Mat Nawi	03-88837458 nurulhani@jawhar.gov.my
42	Pn. Ili Raidah binti Mahat	03-88837446 raidah@jawhar.gov.my
43	En. Mohamad Basri bin Razak	03-88837410 basri@jawhar.gov.my

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN		
UNIT KEWANGAN		
44	Pn. Nor Sharina binti Abdul Rahim	03-88837459 sharina@jawhar.gov.my
45	Pn. Norfadzlina binti Abdul Latif	03-88837439 norfadzlina@jawhar.gov.my
46	Pn. Zini binti Othman	03-88837427 zini@jawhar.gov.my
47	En. Issyemmuddeen bin Iesa	03-88837408 issyemmuddeen@jawhar.gov.my
48	En. Rohaizit bin Abdul Rashid	03-88837434 rohaizit@jawhar.gov.my
49	Pn. Nurhashikin binti Suandi	03-88837412 nurhashikin@jawhar.gov.my
50	Pn. Azfarizan binti Baharudin	03-88837477 azfarizan@jawhar.gov.my
UNIT PENTADBIRAN, SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN		
51	Pn. Zakiah binti Ahmad@Ahmaddiah	03-88837480 zakiah@jawhar.gov.my
52	Pn. Farahatun binti Ahmad	03-88837441 farahatun@jawhar.gov.my
53	Cik Julia binti Mohd Nasir	03-88837470 julia@jawhar.gov.my
54	Pn. Norhasmidah binti Mat Amin	03-88837445 hasmidah@jawhar.gov.my
55	Pn. Norzila binti Kamaruddin	03-88837454 norzila@jawhar.gov.my
56	Pn. Hawariah binti Mohamad Anuar	03-88837423 hawariah@jawhar.gov.my
57	En. Hasrolnizam bin Rosli	03-88837471 hasrolnizam@jawhar.gov.my

58	En. Idzharudin bin Ibrahim	03-88837472 idzharudin@jawhar.gov.my
59	Pn. Hasnita binti Che Abdullah	03-88837462 hasnita@jawhar.gov.my
60	Cik Nurrul Hafiza binti Zainal	03-88837400 nurrul@jawhar.gov.my
61	Pn. Juliana binti Senin	03-88837578 juliana@jawhar.gov.my
62	Pn Fadzilah binti Wahab	03-88837424 salman@jawhar.gov.my
63	Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan	03-88837466 rohaizah@jawhar.gov.my
64	Pn. Normaini binti Ayob	03-88837495 normaini@jawhar.gov.my
65	En. Hasbullah Huzaini bin Che Hassan	03-88837499 huzaini@jawhar.gov.my
66	En. Mohd Fazri bin Zulkalnaini	03-88837421 fazri@jawhar.gov.my
67	En. Mohd Fadhil Khariry bin Abdullah Kassim	03-88837499 fadhil@jawhar.gov.my
68	En. Mohd Aliff bin Kuniel	03-88837400 aliff@jawhar.gov.my
69	En. Mohd Ishak bin Abu	03-88837433 ishak@jawhar.gov.my
70	En. Mohd Firdaus bin Kasim	03-88837502 firdaus@jawhar.gov.my
71	En. Zainuddin bin Abdul Samad	03-88837421 din@jawhar.gov.my
72	En. Mohamad Azgar bin Mohd Tahir	03-88837499 azgar@jawhar.gov.my
73	En. Mohamed Khallam bin Ismail	03-88837501 khallam@jawhar.gov.my
74	En. Aizan bin Ibrahim	03-88837456 aizan@jawhar.gov.my

PENGHARGAAN DAN PERKHIDMATAN

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2017 PERINGKAT JPM			
BIL.	**NAMA**	**JAWATAN**	**BAHAGIAN**
1	Pn Lizah binti Ismail	Ketua Unit	Integriti dan Komunikasi Korporat
2	Pn Siti Zaida binti Mahmod	Penolong Pengarah	Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
3	En Ahmad Hafiz bin Abd Kadir	Pembantu Hal Ehwal Islam	Wakaf
4	En Rohaizit bin Abdul Rashid	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Khidmat Pengurusan
5	Pn Shatina Ariani binti Ahmad	Penolong Pengarah	Khidmat Pengurusan

1



2



3



4



5



ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN JAWHAR TAHUN 2017				
BIL	**NAMA**		**BAHAGIAN**	**BULAN**
1	En. Zamfitri bin A Rahman		STM, BKP	JANUARI
2	Pn. Norlizah binti Mainoordin		BKP	FEBRUARI
3	Pn. Marziana binti Mat Hassan		BPKA	MAC
4	Pn. Siti Zaida binti Mahmod		BPKA	APRIL
5	Pn. Hasnita Che binti Abdullah		BKP	MEI
5	En. Ahmad Hafiz bin Ab. Kadir		WAKAF	JUN

7	En. Mohd Salman bin Mohd Sopi		BPKA	JULAI
8	Pn. Norfadzlina binti Abdul Latif		BKP	OGOS
9	Pn. Norzila binti Kamaruddin		BKP	SEPTEMBER
10	Pn. Hawariah binti Mohamad Anuar		BKP	
11	Pn. Noor Azura binti Zainal		BPKA	OKTOBER
12	Pn. Nurul Ain binti Mohd Harudin		BAITULMAL	NOVEMBER
13	Pn. Zini binti Othman		KEW, BKP	DISEMBER

SENARAI PEGAWAI JAWHAR YANG BERTUKAR KELUAR TAHUN 2017

BIL	NAMA		TARIKH KELUAR	KE JABATAN/ KEMENTERIAN
1.	En. Mohd Mustafidurohman bin Mohd Syahroni		01 Januari 2017	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
2.	En. Azizi bin Salleh		01 Januari 2017	Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri (AADK)
3.	En. Muhammad Suardi bin Shafien		01 Januari 2017	Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI)
4.	Tuan Haji Zainal bin Mohd Yusoh A.M.N		10 Februari 2017	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
5.	En. Mohd Zamri bin Ridzuan		20 Februari 2017	Bahagian Istiadat Dan Urusetia Antarabangsa (JPM)
6.	Pn. Norlizah binti Mainoordin		15 Mei 2017	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
7.	En. Anwar bin Umar Ruszaman		17 September 2017	Kementerian Luar Negeri

8.	Pn. Asrul Shuhada binti Mohd Salleh		15 Oktober 2017	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)

SENARAI PEGAWAI JAWHAR YANG BERTUKAR MASUK TAHUN 2017

BIL	NAMA		TARIKH MASUK	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
1.	En. Ammar bin Aziz		01 Januari 2017	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
2.	En. Ahmad Hafiz bin Abd. Kadir		01 Januari 2017	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
3.	Pn. Nurulhani binti Mat Nawi		03 Januari 2017	Pusat Kegiatan Guru, Salak(PKJ), Bahagian Pendidikan, Negeri Selangor, Kementerian Pendidkan Malaysia
4.	En. Mohd Nazri bin Ahmad		10 Februari 2017	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)
5.	En. Mohd Azgar bin Mohd Tahir		20 Februari 2017	Unit Perancangan Ekonomi (EPU)

6.	Pn. Norzila binti Kamaruddin		03 April 2017	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
7.	Pn. Farahatun binti Ahmad		15 Mei 2017	Mahkamah Kuala Lumpur
8.	En. Ahmad Ariffin bin Joferi		11 Jun 2017	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
9.	Tuan Haji Jaafar bin Ismail		02 Ogos 2017	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
10.	Pn. Norhasmidah binti Mat Amin		25 September 2017	Lantikan Baru

11.	En. Hairolanuar bin Mohamad		15 Oktober 2017	Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M)
12.	Pn. Nor Sharina binti Abd. Rahim		06 November 2017	Jabatan Perkhidmatan Awam
13.	Cik Suhailah binti Ishak @ Abd Manaf		15 Disember 2017	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
14.	Tuan Haji Salleh bin Hassan		20 Disember 2017	Jabatan Peguam Negara

JAWHAR

LAPORAN PERKHIDMATAN TERAS UTAMA



JAWHAR

BAHAGIAN WAKAF



KELEBIHAN BERWAKAF/ MENUNAIKAN WAKAF

Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya (‘ain).

Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT oleh pewakaf. Firman Allah SWT :

وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ بِهِمْ عَلِيمًا ﴿٣٩﴾

Maksudnya :
“Dan apakah (kerugian) yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hal akhirat, serta mendermakan sebahagian dari apa yang telah dikurniakan Allah SWT kepada mereka? Dan (ingatlah) Allah SWT sentiasa mengetahui akan keadaan mereka.”
(Surah An-NIsa : 39)

Terdapat berbagai-bagai kelebihan yang dapat diperoleh daripada ibadah wakaf. Antaranya adalah pewakaf dapat menzahirkan pengabdian diri kepada Allah SWT dan mendekatkan diri dengan Allah SWT.
Selain itu, mendapat kebajikan yang berkekalan semasa hidup dan selepas pewakaf meninggal dunia serta berkongsi manfaat di kalangan masyarakat Islam seperti membina masjid dan sekolah untuk menghidupkan syiar Islam dan aktiviti keilmuan.

BAHAGIAN WAKAF



Dari Kiri : En Mohd Nazri bin Ahmad, En. Mohd Fazarul bin Safain, Cik Zarina binti Ibrahim (Ketua Penolong Pengarah), En Hairolanuar Bin Mohamad (Pengarah), Pn. Maya Fahida binti Mohd Esa, En Ahmad Hafiz Bin Ab. Kadir

LAPORAN PROGRAM BAHAGIAN WAKAF BAGI TAHUN 2017

1. LAWATAN DAN PERBINCANGAN WAKAF OLEH TETUAN TAWFEEK BADJENIK & PARTNERS

18 Januari 2017, Putrajaya, JAWHAR telah menerima lawatan daripada Tetuan Tawfeek Badjenid & Partner yang merupakan sebuah firma guaman yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pembangunan wakaf khususnya di negeri Pulau Pinang. Tujuan lawatan adalah untuk bertukar-tukar idea dan berkongsi pengalaman berkaitan dengan pembangunan hartanah wakaf di Malaysia.

Lawatan dan perbincangan ini telah diketuai oleh Tuan Ahmad Musadad Hj Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dan dihadiri sama pegawai-pegawai JAWHAR daripada Bahagian Wakaf manakala bagi pihak Tetuan Tawfeek Badjenid telah diketuai oleh Tuan Tawfeek Badjenid sendiri bersama pasukannya.

Semasa sesi perbincangan tersebut beberapa perkara berkaitan aspek undang-undang dalam pembangunan projek wakaf telah dibincangkan termasuk juga mengenai cadangan skim pembiayaan perumahan penjawat awam oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) ke atas pembelian rumah yang dibangunkan di atas tanah wakaf.

Di akhir sesi lawatan tersebut, JAWHAR telah merakamkan penghargaan kepada Tetuan Tawfeek Badjenid & Partner di atas usaha firma guaman tersebut bersama terlibat dalam pembangunan hartanah wakaf di Malaysia khususnya perumahan Taman Wakaf Seetee Aisah di Pulau Pinang yang telah diduduki pada tahun 2012 yang lalu.









2. SESI PERBINCANGAN BERSAMA ASTRO OASIS UNTUK SIRI DOKUMENTARI "IMARAH WAKAF" 2017

Pada 10 Mac 2017 (Jumaat) – JAWHAR telah mengadakan perbincangan bersama pihak produksi dari Astro Oasis Iaitu En. Wan Kamaruddin dan En Azizul serta Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) bagi membincangkan Program "Imarah Wakaf" yang dicadangkan untuk disiarkan di kaca tv pada Bulan Ramadhan akan datang. Perbincangan ini juga turut dihadi bersama Ybhg Dato' Prof. Sudin Haron, CEO YWM serta 4 orang pegawainya. Pada 10 Mac 2017 (Jumaat) – JAWHAR telah mengadakan perbincangan bersama pihak produksi dari Astro Oasis Iaitu En. Wan Kamaruddin dan En Azizul serta Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) bagi membincangkan Program "Imarah Wakaf" yang dicadangkan untuk disiarkan di kaca tv pada Bulan Ramadhan akan datang. Perbincangan ini juga turut dihadiri bersama Ybhg Dato' Prof. Sudin Haron, CEO YWM serta 4 orang pegawainya.

Siri dokumentari ini dirancang adalah untuk memberikan makluman yang tepat kepada masyarakat Malaysia tentang pembangunan institusi wakaf didalam negara. Usaha ini juga, adalah amat perlu dengan berganding bahu bersama pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

JAWHAR selaku penyelaras, akan mengadakan mesyuarat bersama MAIN dalam masa yang terdekat supaya dokumentari ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.







3. Bengkel Pemurnian Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan di Hotel Muar Traders, Muar, Johor

Cadangan penerbitan Buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (BPPWIP) ini adalah inisiatif daripada JAWHAR susulan setelah menerima beberapa siri kunjungan hormat daripada pihak Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan beberapa agensi berkepentingan yang telah melahirkan pandangan dan idea mengenai penerbitan satu buku panduan dan struktur urus tadbir bagi pelaksanaan wakaf institusi pendidikan. Tambahan pula ia adalah sebagai sokongan kepada IPTA Awam yang pada masa kini giat memulakan aktiviti wakaf di negeri masing-masing iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Sehubungan dengan itu, JAWHAR mengambil langkah proaktif bagi menerbitkan panduan khusus mengenai pengurusan wakaf di pelbagai lapangan institusi awam / swasta / pendidikan menengah / pendidikan rendah / pondok serta sebagai sumber rujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal wakaf di negeri masing-masing serta semua pihak yang berkepentingan dalam hal ehwal pengurusan wakaf institusi di Malaysia.

Program ini merupakan usahasama JAWHAR bersama Pusat Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), UPM melalui Strategi Lautan Biru (NBOS) disamping kerjasama daripada MAIN dan pelbagai IPTA, IPTS dan pihak berkepentingan yang lain bagi merealisasikan penerbitan buku garis panduan ini. Berikut merupakan beberapa siri Pra Bengkel, Bengkel serta Pasca Bengkel bagi penyediaan BPPWIP:

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Pra Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan	8 Mei 2017	UPM Serdang
2.	Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan	4 hingga 7 Julai 2017	INTAN, Wilayah Timur, Kemaman, Terengganu

3.	Pasca Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan	25 Julai 2017	Bilik Seminar JAWHAR
4.	Pra Bengkel Pemurnian Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan	3 Ogos 2017	Bilik Seminar JAWHAR
5.	Bengkel Pemurnian Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan	23 hingga 25 Ogos 2017	Hotel Trade Muar, Johor
6.	Pasca Bengkel Pemurnian Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan siri	10 Oktober 2017	Bilik Seminar JAWHAR
7.	Pra Bengkel Penyemakan Garis Panduan Pengurusan Manual Wakaf Institusi Pendidikan	1 November 2017	Bilik Seminar JAWHAR
8.	Bengkel Penyemakan Garis Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan	6 hingga 9 November 2017	Hotel Seri Warisan, Taiping, Perak
9.	Pasca Bengkel Penyemakan Garis Panduan Pengurusan Manual Wakaf Institusi Pendidikan	27 November 2017	Bilik Seminar JAWHAR
10.	Pra Bengkel *Proof-Reading* Garis Panduan Manual Pengurusan Wakaf Institut Pendidikan	12 Disember 2017	Bilik Seminar JAWHAR
11.	Bengkel Pengesahan *Proof-Reading* Garis Panduan Manual Pengurusan Wakaf Institut Pendidikan	Januari , Februari Mac April Mei 2018	Hotel Wakaf, JAWHAR
12.	Pasca Bengkel *Proof-Reading* Garis Panduan Manual Pengurusan Wakaf Institut Pendidikan	Januari , Februari Mac April Mei 2018	Bilik Seminar JAWHAR
13.	Pencetakan Garis Panduan Manual Pengurusan Wakaf Institut Pendidikan	Jun 2018	JAWHAR
14.	Pelancaran Garis Panduan Manual Pengurusan Wakaf Institut Pendidikan bersama MAIN / IPTA / IPTS / Jabatan / Agensi Berkepentingan	Julai 2018	JPM
15.	Pengagihan Garis Panduan kepada Garis Panduan Manual Pengurusan Wakaf Institut Pendidikan bersama MAIN / IPTA / IPTS / Jabatan / Agensi Berkepentingan	Ogos 2018	Seluruh Malaysia









(i) Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan di INTAN, Wilayah Timur, Kemaman, Terengganu










(ii) Bengkel Penyemakan Garis Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan di Hotel Seri Warisan, Taiping, Perak








4. PROGRAM MUNAQASYAH ILMU SIRI I TAHUN 2017

Bahagian Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah melestarikan hasratnya bagi mengadakan Program Munaqasyah Ilmu Siri I Tahun 2017 bertemakan ”Kelestarian Pembangunan Hartanah Wakaf Sumber Kekayaan dan Kekuatan Ummah” pada 21 Julai 2017 bertempat di Bilik Seminar JAWHAR, W.P Putrajaya.

Program ini merupakan kolaborasi JAWHAR bersama pihak UDA Land (North) Sdn. Bhd. dalam memperkasakan bidang teras wakaf khususnya di dalam merancakkan aktiviti pembangunan hartanah wakaf di seluruh Malaysia. Program ini turut bertujuan untuk memberikan pendedahan, kefahaman dan perkongsian pengalaman pihak UDA Land (North) Sdn. Bhd. kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) mengenai kejayaan pembangunan projek-projek hartanah wakaf yang dibangunkan oleh pihak UDA Land (North) Sdn. Bhd. bersama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPrk).

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR. Sesi Program Munaqasyah Ilmu ini dimulakan dengan taklimat ringkas daripada beberapa penceramah jemputan iaitu Tuan Haji Fakhruddin bin Abd Rahman daripada MAINPP, Encik Zaindudin Deni daripada UDA Land (North) Sdn. Bhd., Puan Raudzah binti Hassan daripada Tawfeeq Badjenid & Partners dan Encik Syed Alwi bin Mohamed Sultan daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad.



5. PROGRAM MUNAQASYAH ILMU SIRI II TAHUN 2017

Bahagian Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan Program Munaqasyah Ilmu Siri II Tahun 2017 bertemakan “Waqaf Saham, Waqaf Akhirat: Setiap Wakaf Menjana Kebaikan” pada 31 Oktober 2017 bertempat di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, W.P Putrajaya.

Program ini merupakan kolaborasi JAWHAR bersama Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp), Johor Corporation dalam memperkasakan bidang teras wakaf khususnya di dalam merancakkan aktiviti pembangunan hartanah wakaf dan meningkatkan kesedaran penjawat awam dalam amalan berwakaf khususnya.

Program ini juga bertujuan untuk memberikan pendedahan, kefahaman dan perkongsian pengalaman pihak WANCorp kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam di Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan mengenai kejayaan pembangunan projek-projek hartanah wakaf yang dibangunkan oleh pihak WANCorp. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Hairolanuar bin Mohamad, Pengarah Bahagian Wakaf, JAWHAR. Sesi Program Munaqasyah Ilmu ini dimulakan

dengan takzirah ringkas daripada penceramah jemputan iaitu Al-Fadhil Ustaz Muhadir bin Hj. Joll yang merupakan Penasihat Syariah Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan seterusnya sesi perkongsian ilmu dan pengalaman bertajuk “Amal Jariah Berterusan Melalui Saham Wakaf Larkin Sentral (SWLS)” oleh Puan Hajah Norishah binti Mohd Seth, Pengurus Besar WANCorp, Johor Corporation.












JAWHAR

BAHAGIAN BAITULMAL



KEDUDUKAN LUQATAH DALAM ISLAM

Dari segi bahasa, luqatah bermaksud ialah sesuatu yang ditemui di tanah.Menurut istilah Syarak, luqatah bermaksud harta yang ditemui di suatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan tidak dikenali pemiliknya.

Apabila seseorang itu menemui barangan luqatah, dia digalakkan mengambilnya jika yakin mampu bersifat amanah dan bimbang barangan tersebut tidak akan ditemui oleh pemiliknya.Ini dilakukan bagi menjaga hak saudaranya.

Jika dia tidak yakin akan bersikap amanah dan bimbang dia sendiri akan mengambil terus barangan tersebut, makruh baginya untuk mengambilnya.Manakala jika dia merasakan dirinya tidak akan bersikap amanah dan akan mengambilnya untuk memlikinya dan bukan untuk dikembalikan, haram baginya untuk mengambilnya.
Daripada Zaid Ibn Khalid al-Juhani RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda :

فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا فَعَرَفَ عِفَاصَهَا ، وَعَدَّدَهَا وَوِكَاءَهَا ، فَأَعْطِهَا إِيَّاهُ . وَإِلاَّ ، فَهِيَ لَكَ.

Maksudnya :
"Jika pemilik asal datang dan mengaku harta luqatah tersebut adalah miliknya serta boleh menyatakan sifat-sifatnya dengan betul dan menyakinkan, maka harta tersebut dikembalikan kepadanya.Sekiranya tidak, maka ia milikmu."
(Riwayat Muslim)

Menurut pandangan Jumhur Fuqaha, harus bagi penemu harta luqatah memiliki harta tersebut selepas tempoh hebahan sama ada beliau seorang yang kaya atau fakir.
Jika harta tersebut telah dijual, dia boleh memliki harganya.Sekiranya pemilik asal ditemui beliau hendaklah mengembalikan harta atau harganya kepada pemilik tersebut sewajarnya.

BAHAGIAN BAITULMAL



Berdiri dari kiri: Pn. Nurul Ain binti Mohd Harudin, Cik Siti Maryam binti Md Noor, Pn. Nor Fadilah Harun Pn. Hasanah binti Badrul (Ketua Penolong Pengarah) Pn. Noriah binti Othman, Pn. Hafizah binti Abdul Shukor,
Duduk dari kiri: En. Murid Fadzli bin Musa , En Ruzman bin Ramli (Pengarah), En. Ammar bin Aziz

LAPORAN PROGRAM BAHAGIAN BAITULMAL BAGI TAHUN 2017

1. MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM ZAKAT BERSAMA MAIN DAN AMZ

Bahagian Baitulmal JAWHAR telah mengadakan tiga siri Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) sepanjang tahun 2017 bertempat di Dewan Syura Utama Jannatul Firdaus, JAWHAR sebagaimana berikut:

i) Mesyuarat Bil. 1/2017 pada 14 Februari 2017 (Selasa);
ii) Mesyuarat Bil. 2/2017 pada 11 Julai 2017 (Selasa); dan
iii) Mesyuarat Bil. 3/2017 pada 7 November 2017 (Selasa).

Ketiga-tiga siri mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan disertai oleh wakil-wakil semua MAIN dan AMZ seluruh Malaysia serta para pegawai Bahagian Baitulmal JAWHAR selaku urus setia.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan pelaksanaan program-program zakat melalui kerjasama antara JAWHAR, MAIN dan AMZ seluruh Malaysia sepanjang tahun 2017 serta isu-isu yang berbangkit.

Antara agenda utama yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah penganjuran program Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan, Karnival Usahawan Asnaf dan Konvoi Kembara Zakat 2017, penerbitan Dokumentari “al-Barakah: Ikon Asnaf Zakat” Musim Ke-2, Kajian Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam di Negeri-Negeri Seluruh Malaysia, penerbitan manual pengurusan berkaitan zakat, penyelarasan zakat fitrah seluruh negara, pengemaskinian statistik kutipan dan agihan zakat seluruh Malaysia serta isu-isu semasa berkaitan zakat.

Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah berjaya menjana idea-idea baru dan perkongsian pengalaman sesama wakil semua agensi yang terlibat dalam usaha memartabatkan pengurusan zakat di Malaysia. Mesyuarat ini diharapkan dapat terus meningkatkan lagi jalinan kerjasama dan hubungan silaturahim antara pihak JAWHAR, MAIN dan AMZ seterusnya memacu pembangunan institusi Baitulmal ke arah yang lebih mantap terutamanya dalam bidang zakat demi *maslahah ummah*, insya-Allah.



2. MAJLIS PENYERAHAN KUNCI SURAU BARAKAH AL-KHIR

Bahagian Baitulmal JAWHAR dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah mengadakan Majlis Penyerahan Kunci Surau Barakah al-Khir pada 10 September 2017 (Ahad) bertempat di Kg. Batu 8, Jalan Jeniang, Gurun, Kedah yang telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Surau ini yang telah diselaraskan pembangunannya oleh LZNK telah siap dibina sepenuhnya pada pertengahan bulan Jun 2017 menggunakan dana sumbangan daripada semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia. Surau ini merupakan projek kekal yang menjadi ikon dalam program Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2016 yang telah berlangsung pada 14 hingga 16 Oktober 2016 di negeri Kedah.

Majlis Penyerahan Kunci Surau Barakah al-Khir telah bermula pada jam 4.00 petang sejurus ketibaan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini turut dihadiri oleh:

1) YBhg. Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Hj. Abd Halim, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK);

2) YBhg. S.S. Dato' Syeikh Fadzil bin Hj. Awang, Mufti Kerajaan Negeri Kedah;

3) Tuan Hj. Jaafar bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR mewakili Ketua Pengarah JAWHAR;

4) En. Ridzuan bin Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LZNK mewakili Ketua Pegawai Eksekutif LZNK;

5) Tuan Hj. Halim bin Ahmad, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mewakili Ketua Pengarah JAKIM;

6) Tuan Syeikh Hj. Alwi bin Othman, Pegawai Agama Daerah Kuala Muda; dan

7) Tetamu-tetamu jemputan serta masyarakat setempat di sekitar Kg. Batu 8, Jalan Jeniang, Gurun, Kedah.

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam ucapan beliau telah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan surau ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Beliau juga turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada Encik Mansor bin Salim, iaitu insan yang telah bermurah hati mewakafkan tanah yang dibangunkan di atasnya surau ini demi manfaat masyarakat setempat. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri berpandangan bahawa tindakan tersebut patut dicontohi oleh semua pihak dan berdoa agar pewakaf tanah ini diberi ganjaran oleh Allah SWT dengan sebaik-baik ganjaran serta mendapat pahala jariah yang berterusan di sisi-Nya.

Di akhir majlis, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyerahkan replika kunci Surau Barakah al-Khir kepada YBhg. Timbalan Yang Dipertua MAIK, seterusnya replika kunci tersebut diserahkan pula kepada Imam Surau Barakah al-Khir sebagai simbolik penyerahan surau ini secara rasmi kepada masyarakat setempat. Secara keseluruhannya, majlis ini telah berjalan dengan lancar dan diharapkan dengan terbinanya surau ini, penduduk di sekitar Kg. Batu 8 dapat melaksanakan ibadah dengan lebih mudah dan selesa serta ia akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh masyarakat setempat demi kelangsungan syiar Islam di sekitar kawasan ini, insya-Allah.










SURAU AL-BARAKAH
KONVOI KEMBARA ZAK

3. DOKUMENTARI "AL-BARAKAH: IKON ASNAF ZAKAT" MUSIM KE-2

Bahagian Baitulmal JAWHAR dengan kerjasama Bahagian Media, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia sekali lagi telah menerbitkan rancangan Dokumentari "al-Barakah: Ikon Asnaf Zakat" (Musim Ke-2) sebanyak 14 episod yang memaparkan kisah-kisah kejayaan para asnaf di seluruh Malaysia hasil bantuan yang diberikan daripada dana zakat.

Program ini merupakan sambungan kepada dokumentari dengan tajuk yang sama bagi musim pertama yang telah disiarkan bermula pada 26 Julai 2015 hingga 1 November 2015 (setiap Ahad), jam 6.30 petang di saluran TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang telah mencatatkan kejayaan dan *rating* yang sangat tinggi, iaitu dengan purata 1.2 juta penonton bagi setiap episod.

Dokumentari "al-Barakah: Ikon Asnaf Zakat" Musim Ke-2 yang berdurasi selama 25 minit ini telah ditayangkan di TV1 pada setiap hari Ahad, jam 6.30 petang bermula pada 25 Disember 2016 hingga 26 Mac 2017 dengan menampilkan 28 orang tokoh asnaf (termasuk dua orang tokoh asnaf dari musim pertama).

Rancangan ini menonjolkan kepada masyarakat tentang kisah-kisah kejayaan para asnaf zakat mentransformasikan diri mereka keluar daripada kepompong kemiskinan, seterusnya mereka mampu berdikari dan akhirnya ramai di antara mereka yang menjadi penyumbang kepada dana zakat bagi membantu asnaf-asnaf yang lain.

Program ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pihak berkuasa zakat negeri melalui MAIN dan AMZ telah melakukan usaha yang terbaik dan berkesan bagi membantu mentransformasikan taraf hidup para asnaf melalui sumbangan zakat yang disalurkan oleh seluruh umat Islam.

4. KONVOI KEMBARA ZAKAT 2017

Bahagian Baitulmal JAWHAR telah mengadakan program Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2017 pada 24 hingga 26 September 2017 (Ahad hingga Selasa) bertempat di Negeri Sembilan. KKZ 2017 dengan tema "Kembara al-Barakah di Bumi Perpatih" merupakan program kali ke-6 yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012 lagi.

KKZ 2017 ini merupakan program anjuran bersama JAWHAR, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia serta agensi-agensi lain yang turut terlibat, antaranya Bahagian Media, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan sebagainya. Penyertaan KKZ pada kali ini mencecah 200 orang peserta dengan menggunakan lebih 40 buah kenderaan pacuan empat roda (4x4), kenderaan pelbagai guna (MPV), kereta dan van, selain penyertaan daripada 18 buah motosikal berkuasa tinggi oleh Satria Bikers Group (SBG) dan juga 10 orang Rakan FB PZNS yang turut memeriahkan acara.

Tujuan utama program KKZ 2017 ini diadakan adalah untuk mempromosikan JAWHAR selaku agensi penyelaras di peringkat persekutuan serta MAIN dan AMZ selaku agensi yang menguruskan zakat di peringkat negeri kepada umat Islam di seluruh Malaysia, dengan mengetengahkan program-program agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIN dan AMZ agar masyarakat mendapat maklumat mengenai peranan yang telah dimainkan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia.

Selain itu, program KKZ ini juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman sesama para peserta konvoi serta mengeratkan jalinan kerjasama dan persefahaman antara semua agensi terlibat terutamanya JAWHAR, MAIN dan AMZ sebagai entiti yang telah diberikan amanah untuk mengendalikan urusan berkaitan zakat di Malaysia. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi melaksanakan program melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

Majlis Pelepasan (*Flag-Off*) KKZ 2017 telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Ahmad Musadad bin Hj. Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR pada 25 September 2017 (Isnin) jam 9.00 pagi di Klana Beach Resort, Port Dickson. Selepas upacara *flag-off*, semua peserta KKZ 2017 telah berkonvoi menuju ke lokasi-lokasi yang telah ditetapkan iaitu:

1) Kg. Tanjong Agas dan Kg. Sungai Raya, Port Dickson untuk aktiviti gotong rotong, ziarah dan penyampaian sumbangan kepada asnaf setempat;

2) Kg. Orang Asli (KOA) Ulu Chembong, Rembau untuk lawatan ke pusat kraftangan Temuan

Abo Craft dan majlis pecah tanah "Rumah al-Barakah" untuk satu keluarga orang asli;

3) KOA Pabai, Rembau untuk aktiviti ramah mesra, ziarah dan penyampaian sumbangan kepada masyarakat orang asli setempat;

4) Darul Asnaf, Kuala Pilah untuk program minum petang dan penyampaian bantuan kepada para pelajar yang merupakan anak-anak asnaf;

5) Dataran Asnaf, Kompleks MAINS, Seremban untuk program Malam Mahabbah yang dirasmikan oleh YBhg. S.S. Dato' Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Ahmad, Mufti Negeri Sembilan;

6) Pusat Pembangunan Asnaf MAINS dan kilang roti En. Abdul Hamid (usahawan asnaf MAINS) di Seremban untuk aktiviti lawatan; dan

7) Kompleks al-Sa'adah, Rahang untuk program lawatan dan Majlis Penutup KKZ 2017.

Secara keseluruhannya, program KKZ 2017 ini telah berjaya dianjurkan dengan jayanya dan mencapai objektif yang telah ditetapkan serta mendapat respons yang sangat positif daripada semua pihak yang terlibat. Program yang amat bermakna ini wajar diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang demi meninggikan syiar Islam melalui ibadah zakat dan seterusnya memperkasakan lagi sosioekonomi umat Islam di Malaysia.











5. SAMBUTAN BULAN ZAKAT KEBANGSAAN DAN SEMINAR PEMBANGUNAN ASNAF SERANTAU 2017

Bahagian Baitulmal JAWHAR telah berjaya menganjurkan program Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau 2017 pada 23 hingga 24 November 2017 (Khamis hingga Jumaat) bertempat di Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Program ini merupakan anjuran bersama JAWHAR dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Lembaga Tabung Haji (TH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia, Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Masjid Negara, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) dan juga agensi-agensi lain yang berkaitan.

Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan pada tahun ini dengan tema “Bersama Membangun Asnaf Serumpun” merupakan program kali ke-9 dilaksanakan oleh JAWHAR sejak tahun 2008 lagi. Manakala Seminar Pembangunan Asnaf Serantau 2017 pula merupakan program kali pertama diadakan bersempena dengan Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2017 melibatkan para peserta yang terdiri daripada para pegawai, amil dan asnaf zakat dari seluruh Malaysia dan juga wakil negara-negara anggota MABIMS (Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Singapura).

Pada hari pertama iaitu 23 November 2017 (Khamis), Seminar Pembangunan Asnaf Serantau 2017 telah dimulakan dengan Sesi Bicara Mufti dengan tajuk “Zakat: Antara Hak, Kewajipan dan Amanah” yang telah disampaikan oleh YBhg. S.S. Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan. Kemudian, program ini diteruskan lagi dengan Sesi Perkongsian 1 (Negara Malaysia) dengan tajuk “Program Pemerkasaan Asnaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan” yang telah dibentangkan oleh YBhg. Dato’ Hj. Paimuzi bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.

Seterusnya, Majlis Perasmian Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau 2017 telah disempurnakan oleh YB Senator Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mewakili YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada jam 12.00 tengah hari. Serentak dengan majlis perasmian ini, turut diadakan tayangan video sekitar program Konvoi Kembara Zakat 2017 dengan tema “Kembara al-Barakah di Bumi Perpatih” dan juga video pelancaran Laman Web

SWADD yang telah disediakan oleh pihak BIMB.

Bagi menghargai jasa dan komitmen semua pihak yang terlibat dalam urusan zakat, YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga telah menyampaikan Anugerah Zakat Kebangsaan 2017 kepada sembilan penerima yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Anugerah Zakat Kebangsaan iaitu:

1) Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan 2017 (Kategori Akademik) diberikan kepada YBrs. Dr. Ahmad Husni bin Hj. Hasan, pencalonan daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk);

2) Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan 2017 (Kategori Usahawan) diberikan kepada Cik Nurhayati binti Abdullah, pencalonan daripada MAIPk;

3) Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan 2017 (Kategori Usahawan Khas) diberikan kepada Pn. Nur Aisyah Tey binti Abdullah, pencalonan daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM);

4) Anugerah Zakat Kebangsaan 2017 (Kategori Syarikat GLC) diberikan kepada UEM Group Berhad, pencalonan daripada MAIWP;

5) Anugerah Zakat Kebangsaan 2017 (Kategori Syarikat Sendirian Berhad) diberikan kepada YP Plantation Holding Sdn. Bhd., pencalonan daripada Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ);

6) Anugerah Zakat Kebangsaan 2017 (Kategori Syarikat Awam Berhad) diberikan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, pencalonan daripada Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS);

7) Anugerah Inovasi Zakat Terbaik 2017 (Kategori Kutipan) diberikan kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS);

8) Anugerah Inovasi Zakat Terbaik 2017 (Kategori Agihan) diberikan kepada MAIPk; dan

9) Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan 2017 (Anugerah Khas Juri) diberikan kepada Cik Hamidah binti Ab Razak, pencalonan daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Pada sebelah petang, program ini diteruskan lagi dengan tiga sesi perkongsian daripada wakil negara-negara anggota MABIMS iaitu:

1) "Program Pemerkasaan Asnaf: Pengalaman Brunei" yang telah dibentangkan oleh YM Awang Hj. Hamzah bin Hj. Sabtu, Penolong Setiausaha, Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam;

2) "Program Pemerkasaan Asnaf: Pengalaman Indonesia" yang telah dibentangkan oleh YBhg. Bapak Fuad bin Nasar, Dikrektorat Zakat dan Wakaf, Kementerian Agama Republik Indonesia; dan

3) "Program Pemerkasaan Asnaf: Pengalaman Singapura" yang telah dibentangkan oleh Pn. Muzaiyanah binti Hamzah, Ketua Unit Strategik Pembangunan Sosial, Majlis Ugama Islam Singapura.

Pada hari kedua pula iaitu 24 November 2017 (Jumaat), Sesi Bicara Asnaf telah diadakan dengan tema "Bersama Membangun Asnaf Serumpun" yang dikendalikan oleh Ustaz Ridzuan bin Awang dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selaku moderator. Sesi Bicara Asnaf pada kali ini menampilkan empat tokoh asnaf selaku ahli panel iaitu:

1) En. Abdul Razak bin Hamid, Tokoh Asnaf Wilayah Persekutuan;
2) Pn. Dayang Salmiah binti Hj. Tarang, Tokoh Asnaf Negara Brunei;
3) Pn. Nur Aisyah Tey binti Abdullah, Tokoh Asnaf Negeri Melaka; dan
4) Cik Nurhayati binti Abdullah, Tokoh Asnaf Negeri Perak.

Seterusnya, program ini diteruskan lagi dengan Sesi Bicara Ilmuwan dengan tajuk "Asnaf Diperkasa Zakat Berjaya" yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias, penceramah bebas. Majlis penutup telah diadakan pada jam 10.45 pagi dengan ucapan wakil daripada setiap negara anggota MABIMS iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Singapura diakhiri dengan ucapan penutup oleh YBhg. Dato' Hj. Paimuzi bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP mewakili Malaysia.

Serentak dengan program ini juga, Karnival Usahawan Asnaf 2017 (KUASA ASNAF '17) yang merupakan program kali ke-3 di peringkat kebangsaan turut diadakan pada tarikh yang sama iaitu 23 hingga 24 November 2017 (Khamis hingga Jumaat) bermula pada jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang bertempat di perkarangan Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur yang diurusetiakan oleh pihak MAIWP selaku tuan rumah bagi program karnival pada tahun ini.

KUASA ASNAF '17 telah berjaya menghimpunkan sekitar 70 gerai pameran dan jualan yang melibatkan gerai jualan produk para usahawan asnaf zakat dari seluruh negara dan juga negara anggota MABIMS, jualan makanan dan pakaian, jualan produk selebriti, Klinik Hukum oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, pameran serta perkhidmatan agensi-agensi kerajaan dan sebagainya. Tujuan KUASA ASNAF '17 ini diadakan adalah untuk mempromosikan produk asnaf zakat yang dibawa khas dari seluruh negara sebagai manifestasi bukti kejayaan hasil usaha yang tidak kenal jemu oleh pihak institusi zakat untuk mentransformasikan golongan asnaf supaya dapat berjaya dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

Secara keseluruhannya, program Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau 2017 telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta telah mencapai objektif-objektif yang telah digariskan terutamanya dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama dan perkongsian maklumat antara semua pihak yang berkaitan dengan pengurusan zakat di Malaysia dan juga negara-negara anggota MABIMS di samping mempromosikan produk-produk usahawan asnaf yang dibawa dari seluruh negara. Program ini wajar diteruskan lagi pada tahun-tahun hadapan kerana ia merupakan satu platform penting dalam usaha membuka mata masyarakat tentang kepentingan ibadah zakat khususnya bagi membantu memperkasa sosioekonomi umat Islam melalui dana zakat.



6. MANUAL PENGURUSAN ASNAF AL-GHARIMIN

Bahagian Baitumal JAWHAR dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) telah berjaya menerbitkan Manual Pengurusan Asnaf al-Gharimin (MPAG) pada tahun 2017 bertujuan untuk menerangkan perihal pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* (orang-orang yang berhutang) sebagaimana yang disebut secara jelas dalam Surah al-Taubah, ayat 60 tentang lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat.

MPAG disediakan sebagai garis panduan yang komprehensif kepada agensi-agensi berkaitan dan umat Islam seluruhnya, serta merupakan manifestasi daripada salah satu peranan JAWHAR sebagai sebuah agensi persekutuan dalam membantu institusi-institusi zakat di Malaysia bagi meningkatkan tadbir urus terbaik dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat secara sistematik.

Dalam usaha untuk menghasilkan MPAG, beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan bersama pakar-pakar rujuk dan juga pihak-pihak berkaitan, antaranya:

1) YBrs. Prof. Madya Dr. Arieff Salleh bin Rosman dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
2) YBrs. Prof Madya Dr. Hasan bin Bahrom dari Universiti Teknologi MARA (UiTM);
3) wakil Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia; dan
4) wakil agensi-agensi berkaitan.

Draf MPAG juga telah dibentangkan dalam dua siri Mesyuarat Panel Pakar Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi tujuan semakan serta penambahbaikan bagi memastikan isi kandungannya selari dan bertepatan dengan kehendak hukum Syarak. Dengan terbitnya MPAG ini, diharapkan agar ia dapat menjadi garis panduan yang seragam dan komprehensif kepada pihak MAIN dan AMZ dalam agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* di negeri masing-masing sesuai dengan peranannya selaku pemegang amanah harta umat Islam di Malaysia.

7. KADAR ZAKAT FITRAH SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 2017

BIL.	NEGERI	KADAR ZAKAT FITRAH 2017
1.	Kedah	RM7.00
2.	Kelantan	RM7.00
3.	Pahang	RM7.00
4.	Perak	RM7.00
5.	Perlis	RM7.00
6.	Pulau Pinang	RM7.00
7.	Sabah	RM7.00
8.	Sarawak	RM7.00
9.	Selangor	RM7.00
10.	Terengganu	RM7.00
11.	Wilayah Persekutuan	RM7.00
12.	Johor	RM7.00
13.	Melaka	RM6.70
14.	Negeri Sembilan	RM6.50



8. ANALISIS HARGA EMAS SEMASA BAGI PENENTUAN NILAI NISAB ZAKAT 2017M / 1438H

Bahagian Baitumal turut memainkan peranan dalam menyediakan maklumat dan analisis bulanan harga emas di pasaran. Analisis harga emas semasa bagi penentuan nisab zakat emas bulanan merupakan salah satu prosedur kualiti di bawah MS 1900:2005. Maklumat yang diperolehi daripada pihak institusi kewangan akan dianalisis bagi penentuan nilai nisab berdasarkan perkiraan ke atas nilai 85 gram emas (bersamaan 20 dinar (miskal) dan diedarkan sebelum atau pada 15 haribulan setiap bulan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) sebagai rujukan. Jadual 1 menunjukkan maklumat purata harga emas bagi tahun 2016M/1437H.

Jadual 1 : HARGA PURATA HARIAN EMAS (85 GRAM) BULANAN BAGI TAHUN 2016M/1437H

BIL	BULAN MASIHI 2016	HARGA (RM)	BULAN HIJRAH 1437	HARGA (RM)
1	Januari	13,019.85	Muharram	13,287.84
2	Februari	13,778.36	Safar	12,528.72
3	Mac	13,810.62	Rabiul Awwal	12,669.21
4	April	13,223.25	Rabiul Akhir	13,043.25
5	Mei	13,866.09	Jamadil Awwal	14,017.51
6	Jun	14,225.24	Jamadil Akhir	13,518.36
7	Julai	14,663.17	Rejab	13,429.79
8	Ogos	14,715.16	Syaaban	13,850.75
9	September	14,882.27	Ramadhan	14,355.97
10	Oktober	14,411.71	Syawal	14,697.08
11	November	14,591.99	Zulkaedah	14,676.70
12	Disember	14,010.59	Zulhijjah	14,902.44
	Jumlah	169,198.30	Jumlah	164,977.62
	Purata setahun	14,099.86	Purata setahun	13,748.13



Berdasarkan Graf 1, didapati kadar purata nisab harga emas telah berlaku penurunan dari tahun 2012 sehingga 2014. Kadar purata nisab harga emas telah berlaku peningkatan pada tahun 2015 dan 2016. Sebagai perbandingan pada tahun 2013 telah menurun sebanyak RM1,843.82 (16%). Manakala pada tahun 2014 masih lagi mengalami penurunan sebanyak 7.5% bersamaan RM913.87 dan pada tahun 2015 telah berlaku sedikit peningkatan sebanyak RM1,026.32 (9.1%). Peningkatan sebanyak 14.30% (RM1,764.89) telah berlaku pada tahun 2016. Kadar penurunan dan peningkatan kadar purata harga emas ini berlaku disebabkan harga harian pasaran emas yang berbeza dari semasa ke semasa. Peningkatan dan penurunan kadar purata harga emas ini akan sentiasa berubah pada masa akan datang berdasarkan kepada penawaran dan permintaan.

JAWHAR

BAHAGIAN PENYELIDIKAN & KERJASAMA ANTARABANGSA



KELEBIHAN MENUNAIKAN HAJI

Sebagaimana ibadat sembahyang, puasa dan zakat mempunyai fadilat/ hikmah masing-masing, maka demikian juga ibadat haji mempunyai hikmah/fadilatnya sendiri.

Di antara fadilat atau hikmah itu adalah membentuk dan menyemaikan semangat persamaan antara berbagai-bagai bangsa dan kaum serta memupuk perasaan persamaan taraf ke dalam jiwa setiap mukmin di dunia.Dengan diwajibkan memakai hanya dua kerat/keping kain, satu untuk diikat di pinggang sebagai menutup aurat dari pusat hingga ke kaki dan sekeping lagi untuk diselimutkan di badan, maka akan lenyaplah perbezaan di antara yang berpangkat dan berdarjat dengan orang biasa, orang kaya dan orang miskin.

Firman Allah SWT :

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya :
Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."
(Surah al-Hujarat : 10)

Musim haji merupakan satu perjumpaan agung bagi umat Islam seluruh dunia di mana selain berkenal-kenalan dapat pula membincangkan hal ehwal umat Islam mengenai perpaduan, persaudaraan, kerjasama, muslihat dan kebajikan mereka bersama.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA (BPKA)



Dari Kiri: Pn. Noor Azura Zainal, Pn. Marziana Mat Hassan, Pn. Siti Zaida Mahmod, Pn. Shukreyah binti Zawawi (Ketua Penolong Pengarah), Tuan Haji Baitiyamin bin Mamat (Pengarah), En Saifol Iskandar bin Md Kasim, En Ahmad Ariffin bin Joferi dan En Mohd Salman Mohd Sopi.

LAPORAN PROGRAM BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA BAGI TAHUN 2017

A. UNIT KERJASAMA ANTARABANGSA

1. JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) ZON MALAYSIA- TIMUR (SABAH) BIL 3/2017

Semporna, pada 26 Julai 2017 (Rabu) buat julung kalinya JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Zon Malaysia Timur Bil 3/2017 tahun ini dianjurkan di luar semenanjung Malaysia dengan memilih Semporna, Sabah sebagai destinasi program.

JID pada kali ini juga merupakan cabaran terbesar yang terpaksa dialami apabila JID pada kali ini terpaksa di teruskan tanpa bekalan elektrik akibat daripada terputusnya bekalan tersebut di seluruh daerah Semporna malam tadi disebabkan ribut dan angin kencang yang telah melanda daerah ini.

JID pada kali ini juga dijayakan dengan kerjasama dan dukungan kolaborasi dari pelbagai pihak sebagai rakan strategic program JAWHAR termasuk Wakil pejabat-pejabat Agama, pegawai dan kakitangan agensi kerajaan, qariah masjid daerah Semporna, wakil Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) para ibu bapa, guru-guru dan para pelajar Sekolah Menengah Agama (SMKA) Tun Sakaran, Semporna, Sabah yang menyaksikan kehadiran melebihi 300 orang dari jangkaan jemputan yang disasarkan.

Selain dari menjadi medan halaqah ilmu, JID kali ini turut menyaksikan kunjungan warga JAWHAR ke perkampungan Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna serta perbincangan dengan Pihak NGO HALUAN Malaysia cawangan Sabah untuk menyantuni masyarakat setempat serta meninjau ruang dan peluang kerjasama pembangunan sosio ekonomi ummah melalui instrumen wakaf dan zakat merentasi Kerjasama Persekutuan-Negeri.

JID kali ini telah disempurnakan perasmiannya oleh JAWHAR dimana teks ucapan Ketua Pengarah, YBrs Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman telah dibacakan oleh YBrs En Mohd Faizal bin Ab Hamid, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA), JAWHAR dengan tema Maqasid Syariah Dalam Dimensi Haji dan Umrah. Ianya memberi penerangan tentang ibadat haji dan umrah serta memberi pendedahan agar umat Islam dapat menghindarkan diri daripada terus menjadi mangsa penipuan umrah.



2. KERJASAMA STRATEGIK JAWHAR DAN INTAN KAMPUS WILAYAH SELATAN (IKHWAS): SEMINAR MAQASID SYARIAH

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) telah menganjurkan Seminar Maqasid Syariah pada 29 Mac 2017 bertempat di Dewan Jemerlang, INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor yang bertemakan *"Maqasid Syariah Dalam Konteks Wakaf, Zakat dan Haji".* Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan telah disertai oleh lebih 400 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam sekitar Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Seminar pada kali ini diadakan dalam bentuk ceramah dengan menampilkan 2 orang penceramah yang terdiri daripada YBrs. Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh, Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan YBrs. Tuan Haji Khairul Anuar Bin Khalid, Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR). Tema kali ini membincangkan topik Maqasid Syariah yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang Maqasid Syariah dalam Konteks Wakaf, Zakat dan Haji. Program yang berlangsung selama setengah hari ini mendapat sokongan dan sambutan yang baik daripada peserta yang hadir. Majlis berakhir pada jam 12.30 tengahari dengan sesi penyampaian cenderahati oleh Pengarah INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS).



3. KONVENSYEN USAHAWAN ISLAM: "PELUANG KERJAYA DALAM INDUSTRI UMRAH"

Negeri Sembilan, 1 Oktober 2017 (Ahad) – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan Konvensyen Usahawan Islam : "Peluang Kerjaya Dalam Industri Umrah". Konvensyen ini memfokuskan kepada perkhidmatan pelaksanaan umrah oleh agensi pelancongan dan pelaksanaan ibadah umrah. Para peserta yang hadir semasa konvensyen ini terdiri daripada kalangan pelajar USIM dan beberapa institusi pendidikan berdekatan serta orang awam. Dianggarkan lebih dari 300 orang menyertai konvensyen ini yang diadakan di Dewan Kuliah Fakulti Ekonomi dan Mualamat, USIM.

Konvensyen ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR. Beliau dalam ucapannya menyatakan bahawa peserta khususnya pelajar yang hadir pada konvensyen ini boleh membantu di masa akan datang untuk menyediakan perkhidmatan umrah yang lebih baik serta menyebarkan kesedaran kepada orang awam berkenaan pelaksanaan umrah. Beliau juga berharap agar ilmu yang diperolehi di dalam konvensyen ini dapat memberikan manfaat kepada semua peserta.

Sesi pertama dimulakan dengan ceramah berkenaan aktiviti perkhidmatan umrah di Malaysia oleh YBrs. Encik Mohd Faizal bin Abdul Hamid, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama

Antarabangsa (BPKA) JAWHAR. Sesi ini memfokuskan kepada peluang-peluang kerjaya sebagai pengendali pakej umrah dan pasaran pengendalian pakej umrah oleh agensi pelancongan. Manakala sesi kedua ceramah disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Khairul Anuar bin Khalid, Penolong Pengarah Haji dan Umrah JAWHAR. Fokus ceramah sesi kedua ini adalah terhadap pelaksanaan ibarah umrah dan isu-isu semasa serta yang pernah terjadi semasa melaksanakan ibadah umrah yang merupakan tanggungjawab seorang mutawwif.











4. KURSUS TRAINING OF TRAINERS (TOT) OLEH UMRAH SPECIALIZED ENHANCEMENT COURSE (USEC)

Buat julung kalinya Bahagian Pembangungan Industri Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) dengan kerjasama Association of Tourism Training Institue Malaysia (ATTIM) telah mengadakan kursus Train of Trainer (TOT) sesi pertama 2016. Objektif utama kursus TOT ini dijalankan adalah melahirkan penceramah yang berkaliber dalam pelaksanaan Kursus Lesen Khas Pengendali Umrah (USEC). Kursus USEC yang bakal diadakan adalah sebagai pra-syarat lesen pengendali umrah. Selain itu, USEC bertujuan antara lain untuk menyeragamkan pengendalian umrah, melahirkan pengurus dan pembimbing umrah yang mahir serta berintegriti dan seterusnya meningkatkan profesionalisme agensi pengelola umrah.

Kursus TOT yang berlangsung selama lima hari bermula dari 20 – 24 Julai 2016 bertempat di Aras 18 Bangunan KPK ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Mas Ermieyatie binti Shamsudin. Seramai kira-kira 20 orang peserta daripada pelbagai agensi telah terlibat dalam kursus yang diadakan ini. Antara agensi yang telibat ialah MATTA, BUMITRA, KPK, Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan JAWHAR. JAWHAR telah diwakili oleh Encik

Khairul Anuar bin Khalid Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa daripada Unit Umrah. Selain mendapat pengiktirafan daripada KPK - ATTIM, kursus yang dijalankan ini juga mendapat pengiktirafan daripada Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang mana PSMB juga turut serta dalam menyampaikan ceramah semasa sesi kursus ini berlangsung.

5. KERJASAMA STRATEGIK JAWHAR DAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPS): KOLOKIUM PENGHAYATAN MUAMALAT ZON UTARA

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS) telah menganjurkan Kolokium Penghayatan Muamalat Zon Utara pada 11 Mei 2017 bertempat di Dewan Kebudayaan dan Keseniaan Negeri Perlis, Kangar, Perlis.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Rektor Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS) dan telah disertai oleh lebih 500 orang peserta yang terdiri daripada Imam, bilal, Pelajar-pelajar KUIPs dan Penjawat Awam sekitar Negeri Kedah dan Perlis. Seminar pada kali ini diadakan dalam bentuk ceramah dengan menampilkan 2 orang penceramah yang terdiri daripada YBrs. Encik Mohd Faizal bin Ab. Hamid, Pengarah, Bahagian Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR). dan YBrs. Ustaz Ismail Hassan Batu Bara, Pensyarah KUIPS. Tema kali ini membincangkan topik Penipuan Pakej Umrah dan Konsep Faraid : Fahami Pembahagian atau Berkelahi Berpanjangan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang permasalahan berkaitan pembahagian harta dan muamalat umrah.

Program yang berlangsung selama setengah hari ini mendapat sokongan dan sambutan yang baik daripada peserta yang hadir. Majlis berakhir pada jam 12.30 tengahari dengan sesi penyampaian cenderahati oleh YBhg. Rektor Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS).







B. UNIT PENYELIDIKAN

1. JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID)

JAWHAR Intellectual Discourse (JID) merupakan satu sesi perkongsian ilmu yang dianjurkan oleh Unit Penyelidikan dengan kerjasama setiap bahagian teras JAWHAR.Program ini diadakan sekali setiap tiga (3) bulan. JID diadakan seluruh Malaysia yang tertumpu kepada penjawat-penjawat awam mahupun penduduk setempat. Ia telah berjaya menarik penyertaan purata seramai 200-300 orang peserta bagi setiap sesi di sekitar Putrajaya, Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan pusat-pusat Islam lain. Sepanjang tahun 2017, 4 siri JID telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

SIRI/ TARIKH	TEMA
JID Bil.1/2017 11 Mei 2017	**UMRAH DAN BAITULMAL** **TEMA: "PENIPUAN PAKEJ UMRAH DAN KONSEP FARAID"** Pembentang : (i) YBrs. Encik Mohd Faizal bin Ab. Hamid, Pengarah, Bahagian Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa, JAWHAR; (ii) YBrs. Ustaz Ismail Hassan Batu Bara, Pensyarah KUIPS.
JID Bil.2/2017 29 Mac 2017	**WAQAF, ZAKAT DAN HAJI** **TEMA: SEMINAR MAQASID SYARIAH"** Tajuk : **"Maqasid Syariah Dalam Konteks Wakaf, Zakat dan Haji"** Pembentang : (i) YBrs. Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh, Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); (ii) YBrs. Tuan Haji Khairul Anuar Bin Khalid, Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR).

SIRI/ TARIKH	TEMA
JID Bil.3/2017 26 Julai 2017	**HAJI & UMRAH** **TEMA: "KESEMPURNAAN IBADAT HAJI: ANTARA ADAT DAN IBADAT"** Pembentang : (i) Y.Brs. Tuan Mohd Faizal bin Ab Hamid , Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa, JAWHAR (ii) Y.Brs. Tn Hj Khairul Anuar bin Khalid, Penolong Pengarah, Unit Haji, Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa JAWHAR
JID Bil.4/2017 1 Oktober 2017	**UMRAH** **TEMA: "PELUANG KERJAYA DALAM INDUSTRI UMRAH"** Pembentang : Y.Brs. Tn Hj Khairul Anuar bin Khalid, Penolong Pengarah, Unit Haji, Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa JAWHAR

2. KOMUNAL 1.0: WADAH DIBERDAYAKAN, MUAMALAH DIBUDAYAKAN DAN EKONOMI UMMAH DI BUDI-DAYAKAN.

Tanggal 6-7 Mei 2017, bertempat di MATRADE Kuala Lumpur, JAWHAR telah melakarkan satu sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya menganjurkan Konvensyen Mualamah Nasional (KOMUNAL1.0) yang dirasmikan serentak dengan Majlis Konvokesyen ke 11, Institut Profesional Baitulmal (IPB), sebuah institut pengajian tinggi awam milik penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), oleh YB Menteri di JPM, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom. Acara tahunan pertama kali ini, dianjurkan bersama JAWHAR, IPB-MAIWP dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), bersempena dengan Sambutan Jubli Perak IPB-MAIWP. Di samping itu, penganjuran KOMUNAL1.0 turut mendapat kerjasama daripada Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

KOMUNAL 1.0 turut menganjurkan "Kolokium Wakaf, Zakat&Haji Dalam Dimensi Muamalat" yang terbuka untuk semua yang hadir ke Konvokesyen IPB dan KOMUNAL1.0. Pada kolokium

ini 10 kertas kerja telah dibentangkan oleh para penceramah jemputan daripada pelbagai agensi agama di bawah naungan YB Menteri di JPM dan universiti awam.

Ketua Pengarah JAWHAR, Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, ketika menyampaikan Ucaptama Kolokium, mengharapkan menerusi kolokium tersebut, para penganjur, pembentang dan peserta dapat melakukan muhasabah dan penilaian terhadap sistem muamalat dalam Wakaf, Zakat dan Haji, tiga institusi tonggak yang sangat signifikan kepada kemajuan Umat Islam. Natijah daripadanya juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dalam membangunkan ekonomi Ummah sejagat.

"KOMUNAL" yang merupakan abreviasi daripada "KONVESYEN MUAMALAH NASIONAL", berasal daripada perkataan Inggeris, "COMMUNAL" yang bermaksud, "perasaan atau sentimen bersama berdasarkan ikatan warisan kekeluargaan dan kemasyarakatan serta kepercayaan dan keyakinan kepada satu falsafah hidup".

Justeru, KOMUNAL1.0 lahir atas kesedaran bahawa satu usaha yang bersepadu di antara para cendekiawan dan profesional institusi-institusi muamalah: pengurusan, ekonomi dan kewangan Islam peringkat nasional, perlu digembleng bagi mencapai satu persefahaman dan persamaan wadah *(platform)* yang konstruktif lagi progresif bagi melonjakkan kemajuan Umat Islam. Secara langsung dan tidak langsung, ini dapat mengukuhkan lagi hubungan dan jalinan kerjasama antara mereka dan masyarakat terbanyak.

Di samping kolokium, KOMUNAL1.0 turut menyediakan wadah mini karnival atau bazar untuk para usahawan menjual barangan dan perkhidmatan kepada para pengunjungnya. Dalam hal ini, sebanyak 12 buah agensi dan institusi ternama daripada pelbagai latar belakang perniagaan dan perkhidmatan telah membuka kaunter booth sepanjang KOMUNAL1.0 ini berlangsung. Menerusi aktiviti dan program yang telah dirancang dan diatur seperti mini karnival bazar (pasar atau mini mall) yang disertai oleh usahawan dan usahawati yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan. Semoga menerusi inisiatif KOMUNAL1.0 yang kolektif ini, berpotensi untuk memberikan manfaat tijaari *(business)* dan manfaat ijtimai' *(society)* kepada Ummah. Di samping itu, dapat menggembleng model kerjasama glokal *(global and local communal)* untuk menggalakkan manfaat tersebut pada peringkat yang lebih tinggi, serta berupaya meningkatkan prospek Ekonomi dan Kewangan Islam untuk menyumbang ke arah memperoleh kestabilan ekonomi global dan perkongsian kemakmuran ekonomi dalam skala yang lebih besar.



3. MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA (MTHQA) KALI KE-59

Kuala Lumpur, pada 15 – 20 Mei 2017 yang lalu, JAWHAR buat kali ke-lima pada tahun ini telah dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa Jamuan yang menguruskan penyediaan makanan sepanjang berlangsungnya Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran peringkat Antarabangsa (MTHQA) kali ke-59 yang telah di adakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Jawatankuasa kerja jamuan ini turut dianggotai oleh wakil daripada Agensi luar seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Arkib Negara, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Istana Negara dan wakil PWTC.

Penyediaan jamuan tersebut telah diperuntukkan bagi jamuan secara buffet dan bungkus kepada pegawai petugas/urusetia, media, jemputan awam dengan bas, peserta, Jemaah Hakim, VIP dan VVIP sepanjang majlis ini berlangsung. Para petugas yang terdiri daripada Pegawai dan pelaksana JAWHAR telah bertungkus lumus memberikan Perkhidmatan yang terbaik sepanjang majlis berlangsung.



4. BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMENTASI MS ISO 9001 : 2015

26 April 2017 – Satu Bengkel Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015 telah diadakan di Akademi Kastam DiRaja Malaysia (AKMAL) Cawangan Pulau Langkawi pada 26 – 29 April 2017 oleh Unit Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). Seramai 30 orang telah terlibat menjayakan bengkel ini terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan di Jabatan.

Bengkel Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015 yang diadakan bertujuan untuk meminda dan menyediakan dokumentasi MS ISO bagi memantapkan tadbir urus dan pengurusan jabatan, memberi pemahaman dan penghayatan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti di kalangan warga JAWHAR. Bengkel ini juga dapat memberi latihan berterusan (setiap tahun) kepada Juruaudit Dalam MS ISO JAWHAR mengenai proses dokumentasi dan pelaporan sistem pengurusan kualiti JAWHAR yang berkesan;

Bengkel ini dikendalilkan oleh Perunding ISO yang dilantik oleh JAWHAR iaitu YBrs. Encik Mohd Shazwan Ariff bin Mohamad Khasim yang meliputi isu-isu berkaitan latar belakang pembangunan Standard ISO, Interpretasi dan Aplikasi Klausa Standard, Pengurusan Risiko, Proses Perancangan/Pelaksanaan mendapat pensijilan dan pengenalan kepada ISO yang baru iaitu MS ISO 9001:2015.



5. BENGKEL PERMURNIAAN MPK JAWHAR DAN DOKUMENTASI ISO 9001:2015

Terengganu, 20 Oktober 2017 – bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur, Besut, Terengganu, telah diadakan Bengkel Permurniaan MPK JAWHAR dan Dokumentasi ISO 9001:2015. Bengkel yang dikendalikan olen Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa ini bertujuan untuk memperkemaskan lagi kandungan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi tujuan SPK dan ISO yang akan menjadi pemacu JAWHAR untuk bergerak lebih cemerlang pada masa yang akan datang.

Bengkel selama 3 hari 2 malam ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR. Di dalam ucapannya, beliau berharap agar sesi bengkel kali ini akan dapat menyusun dan memperkemas MPK yang akan menjadi rujukan kepada pegawai dan kakitangan JAWHAR dalam melaksanakan tugasan harian. Penyusunan yang mantap dapat membantu perjalanan kerja yang

lancar sekaligus menjadi pendokong kemajuan JAWHAR. Bengkel ini dihadiri oleh 22 orang peserta yang mewakili setiap bahagian JAWHAR.YBrs. Tuan Haji Zulkifli bin Hamzah selaku Perunding ISO bagi bengkel ini telah memberikan tunjuk ajar dan kritikan yang membina. Dua perkara ini sangat penting kepada semua peserta bengkel yang hadir demi memastikan MPK yang dihasilkan bukan sahaja dapat menjadi rujukan bagi tempoh jangka panjang bahkan kesan positif kepada seluruh warga JAWHAR.

Sesi bengkel dimulakan dengan semakan seimbas lalu penambahbaikan MPK hasil daripada bengkel yang diadakan di INTAN Kampus Wilayah Selatan yang lepas. Dalam sesi kedua, setiap wakil bahagian membentangkan fungsi, skop dan proses kerja bahagian masing-masing. Sepanjang sesi ini, pihak perunding turut membantu dengan memberikan idea-idea baru yang bersifat realistik dan tips agar setiap bahagian dapat menyusun proses kerja yang lebih kemas di samping kritikan membina untuk penambahbaikan.

Bengkel seperti ini yang banyak memberikan kefahaman dan penghayatan berkaitan MPK akan diadakan dari semasa ke semasa demi memantapkan urus tadbir dan pengurusan JAWHAR selain menjadikan perjalanan kerja yang lancar sesuai dengan Pelan Strategik JAWHAR.



6. PRA - BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK JAWHAR 2017-2020 OLEH MAMPU

Pada 22 Mac 2017 (Rabu) yang lalu, Unit Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menganjurkan satu Bengkel Pembangunan Pelan Strategik JAWHAR yang bertempat di bilik Latihan JAWHAR. Bengkel ini telah dihadiri oleh 15 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan JAWHAR. Bengkel selama sehari ini telah dikendalikan oleh Pegawai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu Puan Azra Haida binti Baharom.

Objektif bengkel ini di adakan adalah untuk menilai semula pencapaian Pelan Strategik JAWHAR 2012 – 2016 dan membuat cadangan-cadangan penambahbaikan sebagai input untuk penyediaan Pelan Strategik yang baru dan membincang, memutus dan memperakukan cadangan pelaksanaan tugasan (kaedah dan strategi program/aktiviti) bagi mengukuh dan memantapkan lagi institusi-institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah di dalam negara.

Bengkel ini juga turut di adakan bagi memberikan pendedahan kepada semua pegawai JAWHAR tentang bagaimana sesebuah organisasi itu perlu menyediakan satu pelan strategik yang mantap dan berkesan dalam usaha mencapai matlamat wawasan 2020.



7. BENGKEL PENYEDIAAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK 2017-2020

Pada 23 hingga 26 April 2017 yang lalu, satu Bengkel Penyediaan Pembangunan Pelan Strategik JAWHAR 2017 – 2020 telah berlangsung di Pulau Langkawi, Kedah dengan disertai oleh seramai lapan belas (18) orang pegawai dan kakitangan JAWHAR. Bengkel yang dianjurkan oleh unit penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa (BPKA) turut disertai oleh Ketua Pengarah JAWHAR iaitu Tuan Haji Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman dan penceramah jemputan khas iaitu En Hassan Hafizi Bin Hanapi yang merupakan bekas pegawai di JAWHAR pada suatu ketika dahulu merupakan pegawai *'incharge'* yang menyediakan dan menyelaras Pelan Strategik JAWHAR.

Bengkel yang diadakan selama 3 hari ini telah menggabungkan idea-idea yang bernas dan pandangan-pandangan yang mantap dari pelbagai lapisan warga JAWHAR yang hadir. Idea bengkel ini amat memberi manfaat kepada seluruh warga JAWHAR yang hadir kerana penyediaan pelan strategik ini akan dijadikan panduan kepada warga JAWHAR dalam memacu kejayaan untuk mencapai hasrat kerajaan ke arah wawasan 2020.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan bengkel telah dikendalikan oleh Pengarah BPKA En Mohd Faizal Bin Ab Hamid yang telah memberikan gambaran dan penerangan yang jelas tentang hala tuju JAWHAR.

Semoga bengkel ini dapat membawa seluruh warga JAWHAR ke arah kejayaan yang lebih membanggakan selaras dengan Perancangan Pelan Srategik yang telah dibangunkan.



8. BENGKEL DOKUMENTASI MS ISO 9001:2015 JAWHAR

KLUANG 1 Ogos 2017– Satu Bengkel Pemurniaan Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015 telah diadakan di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor Darul Takzim pada 1 – 3 Ogos 2017 oleh Unit Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan Dan Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). Seramai 30 orang telah terlibat menjayakan bengkel ini terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan di Jabatan.

Bengkel Pemurniaan Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015 yang diadakan bertujuan untuk meminda dan menyediakan dokumentasi MS ISO bagi memantapkan tadbir urus dan pengurusan jabatan, memberi pemahaman dan penghayatan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti di kalangan

warga JAWHAR. Bengkel ini juga dapat memberi latihan berterusan (setiap tahun) kepada Juruaudit Dalam MS ISO JAWHAR mengenai proses dokumentasi dan pelaporan sistem pengurusan kualiti JAWHAr yang berkesan;

Bengkel ini dikendalilkan oleh Perunding ISO yang dilantik oleh JAWHAR iaitu YBrs. Tuan Haji Zulkifli bin Hamzah yang meliputi isu-isu berkaitan Latar belakang pembangunan Standard ISO, Interpretasi dan Aplikasi Klausa Standard, Pengurusan Risiko, Proses Perancangan/Pelaksanaan mendapat pensijilan baru dan pengenalan kepada ISO yang baru iaitu MS ISO 9001:2015.







9. PROGRAM BERSAMA SANTUNI MASYARAKAT (1.0)

Pendang, 24-25 Disember 2017 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mencipta dimensi baru melalui Program Bersama Santuni Masyarakat (BERSAMA 1.0) di Pondok Chegar, Pendang, Kedah.

Program anjuran bersama JAWHAR, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Bank Islam Malaysia Berhad dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Perlis, Lembaga Zakat Selangor, turut disertai oleh Agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Program dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR yang turut meninjau tapak pameran-pameran keselamatan jalan raya dan kesihatan yang disertai oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta Jabatan dan Agensi kerajaan dan swasta.

JAWHAR turut menampilkan forum agama melalui platform Forum JAWHAR BERSAMA yang dimoderatorkan oleh Tuan Syeikh Wan Addas bin Wan Abd Hamid, Pegawai Pejabat Agama Islam Daerah Pendang, Kedah. Barisan panel yang mengupas tajuk “Uncang Akhirat” ialah YBhg. Prof. Dato’ Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Rektor Kolej Universiti INSANIAH, YBrs. Tuan Haji Sheikh Zakaria bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif, LZNK dan YBrs. Dr. Sheikh Hazizan bin Mad Desa, Pegawai Pejabat Agama Daerah Kuala Muda, Kedah.

Masyarakat setempat didedahkan dengan fungsi dan peranan JAWHAR, LZNK, YaPEIM dan Yayasan Waqaf Malaysia melalui tayangan video korporat di samping taklimat berkaitan kesedaran penipuan pakej umrah, pengurusan wakaf Negeri Kedah, pembangunan ekonomi umat Islam dan wakaf pelaburan abadi.

Majlis perasmian penutup disampaikan oleh YBhg. Dato’ Setia Jaya Dato’ Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim, Timbalan Yang Dipertua, MAIK. Program berakhir dengan penyerahan bantuan kepada warga emas dan pelajar sekolah



10. URUSAN PARLIMEN

Unit Penyelidikan yang merupakan urus setia bagi urusan berkaitan Parlimen jabatan telah membuat penyelarasan berkesan bagi memastikan perkara tersebut berjalan dengan lancar sepanjang tahun 2017. Penyelarasan yang telah dilakukan termasuklah menyelaraskan jawapan dari semua bahagian terhadap semua pertanyaan lisan dan bukan lisan kepada jabatan, menyelaraskan jawapan jabatan bersama Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menguruskan kehadiran pegawai bertugas bagi setiap sesi mesyuarat dan maklumbalas segera bagi setiap isu yang dibangkitkan dalam dewan persidangan.Unit ini juga bertanggungjawab dalam penyediaan maklumat berkaitan urusan Parlimen, pengemaskinian buku statistik dan lain-lain dokumen yang diperlukan sebagai rujukan pegawai bertugas. Penyelarasan telah dilakukan bagi mesyuarat parlimen Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas seperti berikut:

PERKARA	TARIKH	BILANGAN HARI
Mesyuarat Pertama		
Dewan Rakyat	6 Mac – 6 April	20 Hari
Dewan Negara	17 April – 27 Mei	9 Hari
Mesyuarat Kedua		
Dewan Rakyat	24 Julai – 10 Ogos	12 Hari
Dewan Negara	14 Ogos – 22 Ogos	6 Hari
Mesyuarat Ketiga		
Dewan Rakyat	23 Oktober – 30 November	25 Hari
Dewan Negara	4 Disember – 19 Disember	10 Hari
KHAS		
Pembentangan Rang- Undang-undang perbekalan (Belanjawan) 2017 oleh YAB Menteri Kewangan jam 4.00 petang	21 Oktober	1 Hari

Semua maklumat berkaitan urusan parlimen juga telah dikemaskini dalam sistem Sis-Parlimen. Sistem ini merupakan singkatan bagi sistem Parlimen yang dibangunkan bertujuan untuk membantu pengurusan dan penyimpanan maklumat yang diperoleh daripada catatan oleh pegawai bertugas, seterusnya bagi proses penyediaan laporan semasa persidangan berlangsung di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Sistem ini diperkenalkan bagi meningkatkan mutu urusan parlimen di JAWHAR supaya lebih efisien dan berkesan.

11. PENERBITAN

Bagi maksud perkongsian ilmu dan pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji, beberapa bahan penerbitan telah dihasilkan. Penerbitan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

PENERBITAN	KANDUNGAN
Jurnal Pengurusan	Vol. 10, No. 1, 2017 Vol. 10, No. 2, 2017
Buletin	Buletin JAWHAR Bil.1/2017 Buletin JAWHAR Bil.2/2017 Buletin JAWHAR Bil.3/2017
Laporan Tahunan	Laporan Tahunan JAWHAR 2016
Manual	Manual Al-Gharimin
Penerbitan Khas	Kalendar 2018 Monograf Wakaf Irsod Pelan Strategik JAWHAR 2017-2020 Buku Sedekad JAWHAR versi Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris

12. KEURUSETIAAN MESYUARAT

Unit ini juga terlibat sebagai penyelaras bagi menyediakan maklumbalas Jabatan terhadap Mesyuarat-mesyuarat utama yang di adakan. Penyelarasan maklumbalas di sediakan bagi mesyuarat-mesyuarat seperti berikut:

- Mesyuarat *Post Cab* atau Pasca Kabinet Jabatan Agama Islam
- Mesyuarat Majlis Raja-Raja
- Mesyuarat Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS)
- Mesyuarat Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI)
- Persidangan Ketua Jabatan (PKJ)

- Mesyuarat Penyelarasan JAWHAR dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN)
- Mesyuarat pengurusan Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- Mesyuarat Mingguan TKSU Kanan bersama ketua-ketua bahagian dan agensi di bawah JPM
- Lain-lain maklumbalas berkaitan JAWHAR








JAWHAR

LAPORAN PERKHIDMATAN BAHAGIAN SOKONGAN



JAWHAR

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



SYURA DAN KEPENTINGANNYA

Riwayat: al-Tabrani, al-Suyuti & Ibnu Hibban
Daripada 'Abdullah bin 'Abbas RA, bahawasanya
Rasulullah SAW bersabda:

مَن أراد أمرًا ، فشاور امْرَءًا مُسلِمًا ، وَفَّقَهُ اللهُ لِأَرْشَدِ أمورِه .

Maksudnya:

"Sesiapa yang hendak melaksanakan sesuatu urusan, lalu dia bermesyuarat dengan seseorang Muslim yang lain, nescaya Allah akan memberikan taufik kepadanya bagi memperelokkan segala urusannya."

Huraian Hadis:

Dalam proses membuat keputusan, perkara yang paling asas ialah membuat perbincangan yang mengambil kira tentang nilai, matlamat dan sumber untuk melaksanakan sesuatu tindakan.

Mengambil keputusan menerusi syura adalah lebih terjamin ketetapan dan kewajarannya. Ia berbeza daripada keputusan yang dibuat bersendirian di mana keputusan yang dibuat sering kali menimbulkan kesilapan dan sukar pula mendapat kerjasama yang ikhlas daripada orang yang terlibat.

Dalam sesuatu amalan syura, kebenaran tidak diukur daripada suara ramai sahaja. Ini berbeza dengan pilihan raya di mana syura adalah interaksi pemikiran di kalangan orang yang berkeahlian bagi menghasilkan sesuatu pendapat dan pandangan yang benar. Sedangkan pilihan raya ialah proses bagi menentukan keinginan dan sokongan daripada kalangan rakyat terhadap sesuatu perkara atau seseorang yang dicalonkan untuk mewakili mereka. Oleh itu, dalam syura suara majoriti bukanlah mutlak, tetapi yang diambil kira adalah hujah berdasarkan ilmu yang menzahirkan sesuatu kebenaran.

Kebenaran yang mutlak datangnya daripada Allah SWT. Oleh itu, sekiranya manusia yang mengamalkan syura dalam lingkungan petunjuk Allah SWT dan Rasul-Nya SAW iaitu bermusyawarah serta menggunakan kaedah yang ditentukan Allah SWT, keputusan mereka akan lebih hampir kepada kebenaran. Ia cukup selamat dijadikan landasan untuk bertindak dan beramal.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



(I) UNIT PENTADBIRAN
(II) UNIT SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN
(III) UNIT KEWANGAN

Berdiri dari hadapan: Pn Normaini binti Ayob, Pn Norzila binti Kamaruddin, Pn Hasnita binti Che Abdullah, Pn Nor Fazilah binti Wahab, Pn Norhasmidah binti Mat Amin, Pn Zakiah binti Ahmad @ Ahmaddiah (Pengarah), En Wan Mohd Norulzaman bin Mohd Noor, En Mohamed Khallam bin Ismail, En Idzharudin bin Ibrahim, En Rohaizit bin Abdul Rashid, Pn Azfarizan binti Baharudin, Pn Nor Sharina binti Abdul Rahim, Pn Zini binti Othman, Pn Noraida binti Basrudin, Pn Rohaizah binti Rojulan.

(I) UNIT PENTADBIRAN & UNIT SUMBER MANUSIA DAN LATIHAN

1. Program Latihan Praktikal

JAWHAR turut menyediakan tempat bagi para mahasiswa dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk menjalani latihan praktikal. Senarai nama mahasiswa yang telah menjalani latihan praktikal di JAWHAR bagi tahun 2017 adalah seperti berikut :

BIL	NAMA	BAHAGIAN	IPTA/IPTS	TEMPOH
1	Noradibah binti Ismail	Baitulmal/ WAKAF/BKP	Universiti Sains Islam Malaysia	23.01.2017 – 11.06.2017
2	Nur Ayuni Izzati binti Abd Halim	Wakaf/UIKK/ BKP	Universiti Utara Malaysia	13.02.2017 – 12.06.2017
3	Nor Hafizah binti Mokhtaruddin	BKP	Universiti Sains Islam Malaysia	20.02.2017 – 12.06.2017
4	Ahmad Fakhrusy Syakirin bin Hashim	BPKA & Wakaf	Universiti Sains Islam Malaysia	20.02.2017 – 12.06.2017
5	Mohamad Ridzuan bin Abd Razak	Wakaf & BPKA	Institut Profesional Baitulmal	24.04.2017 – 12.08.2017
6	Norafiqah binti Sanit	Wakaf & Baitulmal	Institut Profesional Baitulmal	2.10.2017 – 26.01.2018
7	Muhammad Fauzan bin Zainal Abidin	BKP & BPKA	Institut Profesional Baitulmal	2.10.2017 – 26.01.2018
8	Nik Khairul Izzati binti Nik Muhamad Faris	UIKK & BKP	Institut Profesional Baitulmal	2.10.2017 – 26.01.2018`

9	Nurain Shafiqah binti Azahar	Baitulmal & UIKK	Institut Profesional Baitulmal	2.10.2017 – 26.01.2018
10	Ahmad Luqman bin Mohd Fauzi	BPKA & Wakaf	Institut Profesional Baitulmal	2.10.2017 – 26.01.2018
11	Nurmuhammad Shafiq bin Azahari	Seksyen Teknologi Maklumat	Kolej Vokasional Kuala Selangor	27.11.2017 – 27.04.2018

2. Pelaksanaan Bengkel/Kursus/Seminar/Latihan

Bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kompetensi pegawai, JAWHAR juga telah menganjurkan beberapa kursus dan bengkel melalui kerjasama dengan pihak luar. Antara program yang telah dianjurkan adalah seperti berikut :

BIL.	PROGRAM	TARIKH/TEMPAT	TUJUAN
1	Bengkel Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2016 dan SKT 2017	13.05.2017 / Dewan Syura Jannatul Firdaus, JAWHAR	Memberi penjelasan mengenai proses dan kaedah penyediaan SKT di JAWHAR
2	Taklimat : Do's & Dont's For Upcoming Election	27.07.2017 / Bilik Latihan, JAWHAR	Memberi pendedahan kepada peserta tentang tujuan pilihanraya dan proses-proses pilihanraya

3	Kursus Pengukuhan Pasukan dan Pemantapan Integriti JAWHAR	04.10.2017 - 06.10.2017 / Pusat Latihan YADIM, Hulu Langat, Selangor	Menanam motivasi dan jati diri dalam diri pegawai dan kakitangan bagi membina budaya cemerlang
4	Taklimat Tatacara Merekod Buku Polis Bantuan	08.11.2017 / Bilik Latihan, JAWHAR	Memberi pendedahan kepada Polis Bantuan JAWHAR tentang cara-cara merekod Buku Polis Bantuan
5	Lawatan Ke Galeri/Percetakan Al-Quran di Yayasan Restu, Shah Alam	05.12.2017 / Yayasan Restu, Shah Alam	Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada peserta tentang cara-cara Al-Quran di cetak





3. Pelaksanaan Hari Bersama Ketua Pengarah

Program ini dijalankan bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim sesama warga Jabatan disamping menjadi medium bagi menyampaikan sebarang amanat, arahan, dasar semasa kerajaan dan perkongsian maklumat. Program ini diurus setiakan oleh BKP dan juga urusetia bersama bahagian-bahagian lain seperti berikut :

BIL.	BAHAGIAN	TARIKH/BULAN
1	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	26.01.2017
2	BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA	24.05.2017
3	BAHAGIAN WAKAF	21.06.2017
4	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	20.07.2017
5	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	16.11.2017









4. Urus Setia Sempena Perhimpunan Bulanan Bersama YBhg. Tan Sri TKSUK Jabatan Perdana Menteri.

JAWHAR telah menjadi urusetia sempena Perhimpunan Bulanan Bersama YBhg. Tan Sri TKSUK Jabatan Perdana Menteri bagi Bulan September 2017 pada 27 September 2017 di Auditorium Kompleks B1, JPM. Pasukan Koir JAWHAR telah menyampaikan tiga buah lagu semasa perhimpunan tersebut, iaitu Lagu Negaraku, Maju & Sejahtera serta Sehati Sejiwa. Taklimat Penipuan Pakej Umrah turut disampaikan oleh Encik Mohd Faizal bin Ab. Hamid, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa, JAWHAR.







5. Program Gotong-Royong

i. Siri 1/2017

Satu program gotong royong siri pertama telah diadakan di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 31 Mac 2017 dan bermula seawal jam 9.00 pagi. Objektif perlaksanaan program ini adalah bertujuan menggalakkan semua warga JAWHAR lebih mementingkan kebersihan selain dapat mengeratkan silaturrahim. Gotong-royong ini melibatkan pembersihan di semua bahagian dan dipantau oleh penyelia masing-masing.

ii. Siri 2/2017

Lanjutan daripada Program Gotong-royong Siri 1/2017, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Program Gotong- Royong siri 2/2017 pada 8 November 2017 dimana ianya melibatkan semua warga Jabatan. Program ini bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang. Tujuan program gotong-royong kali ini diadakan bagi menceriakan pejabat ke arah pelaksanaan Ekosistem Konduksif Sektor Awam (EKSA) di JAWHAR.

6. Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017

Sambutan Hari Raya Aidilfitri telah disambut dengan meriah sekali pada 20 Julai 2018. Majlis ini diadakan serentak dengan Hari Bersama Ketua Pengarah bagi Bulan Julai 2017. Pelbagai juadah telah disediakan oleh setiap bahagian dan dimeriahkan lagi dengan pertandingan pakaian tercantik bagi kategori lelaki dan wanita. Majlis ini dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan secara bersama dengan Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR (KKSJ) dan PUSPANITA JAWHAR.





7. Sambutan Maal Hijrah 1439H/2017M

JAWHAR telah menyertai Sambutan Maal Hijrah 1439H peringkat kebangsaan yang telah diadakan dengan jayanya pada 22 September 2017 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tema sambutan Maal Hijrah pada tahun ini adalah "Kesatuan Ummah, Kesejahteraan Negara".

8. Sambutan Maulidur Rasul 1439H/2017M

JAWHAR telah menyertai Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan dengan jayanya pada 30 November 2017 bertempat di Masjid Wilayah, Kuala Lumpur. Tema sambutan adalah "Kesatuan Ummah, Kesejahteraan Negara".

(II) UNIT KEWANGAN

• Pendahuluan

Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) diberikan tanggungjawab dalam memastikan pengurusan Kewangan dan Akaun JAWHAR diuruskan dengan baik iaitu mematuhi semua peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa. Justeru itu, Unit Kewangan perlu memastikan peruntukan yang diluluskan digunakan secara cermat, berhemah serta mematuhi prosedur serta pekeliling berkuatkuasa. Selain peruntukan mengurus, JAWHAR juga menerima peruntukan pembangunan untuk projek Pembangunan Hartanah Wakaf di bawah RMKe-10 dan disambung di bawah RMKe-11 yang diuruskan oleh Bahagian Wakaf JAWHAR.



Laporan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2017

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2017

Pada tahun 2017, JAWHAR telah diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM14,783,115.00. Namun demikian jumlah peruntukan mengurus JAWHAR yang dikemaskini sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM10,472139.73. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM10,396,956.00 adalah di bawah Dasar Sedia Ada manakala bakinya RM75,183.73 di bawah Dasar *One-Off.* Pecahan di bawah Dasar Sedia Ada dan Dasar *One-Off* adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1.



Carta 1: Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus JAWHAR Bagi Tahun 2017

Sehingga 31 Disember 2017, JAWHAR telah membelanjakan sebanyak RM9,646,258.61 atau 92.11% daripada peruntukan yang telah dikemaskini seperti dalam Carta 2.



Carta 2: Prestasi Keseluruhan Perbelanjaan JAWHAR sehingga 31 Disember 2017

• Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2017

Pada tahun 2017, JAWHAR diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM22,500,000.00. Namun demikian peruntukan dikemaskini sehingga 31 Disember 2017 adalah RM9,039,588.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2017 adalah RM9,039,587.78 atau 100% seperti dalam Carta 3.



Carta 3: Prestasi Keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan JAWHAR Sehingga 31 Disember 2017

• Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2013 Hingga Tahun 2017

Prestasi perbelanjaan Mengurus JAWHAR bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah agak konsisten walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2014, 2016 dan 2017. Penurunan sebanyak 5.77% adalah selaras dengan dasar penjimatan dan mengoptimumkan perbelanjaan yang digariskan oleh Kerajaan. Perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus dari tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 4.



Carta 4: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAWHAR Dari Tahun 2013 Hingga Tahun 2017 (Peratus)

Bagi perbelanjaan Pembangunan pula, terdapat peningkatan ke atas prestasi perbelanjaan 2017 dibandingkan dengan 2016 iaitu dalam peratusan 4%. Perbandingan prestasi perbelanjaan Pembangunan dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 5.



Carta 5: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan JAWHAR Dari Tahun 2013 Hingga Tahun 2017 (Peratus)

Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang diterima dari tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah seperti di Jadual 1.

TAHUN	PERUNTUKAN	DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS
2013	Mengurus	15,527,624.00	15,330,818.13	98.73%
	Pembangunan	10,041,200.00	10,041,125.70	100%
2014	Mengurus	11,599,805.00	11,004,202.00	95.19%
	Pembangunan	15,223,450.00	13,715,157.00	90.09%
2015	Mengurus	10,776,047.00	10,684,399.59	99.15%
	Pembangunan	6,753,400.00	6,735,404.98	99.73%
2016	Mengurus	9,688,240.00	9,594,157.23	97.88%
	Pembangunan	10,968,437.00	10,528,791.16	95.99%
2017	Mengurus	14,783,115.00	9,646,259.00	92.11%
	Pembangunan	9,039,588.00	9,039,587.18	100%

Jadual 1:Perbandingan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan JAWHAR Dari Tahun 2013 Hingga Tahun 2017

• Pembayaran Bil 14 Hari

Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2006, pembayaran bil 14 hari sentiasa diberi penekanan dalam pengurusan kewangan JAWHAR. Sepanjang tahun 2017, JAWHAR telah berjaya memproses sebanyak 754 bil bernilai 5,571,363.59 di dalam tempoh 14 hari seperti ditunjukkan di **Jadual 2**.

Jadual 2: Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna

Tempoh	Bilangan Bil	Nilai	Peratus
Tidak Lebih 7 hari	752	**4,591,307.18**	**99.34%**
8 hingga 14 hari	2	**979,638.25**	**0.26%**
> 14 hari	3	**418.16**	**0.40%**
Jumlah	757	**2,868,247**	**100.00%**

Pencapaian-Pencapaian Unit Kewangan sepanjang 2017

Pencapaian Unit Kewangan JAWHAR sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

i. **Naziran eSPKB**

Jawhar telah mencapai prestasi cemerlang (93.21%) di dalam pengurusan kewangan berdasarkan naziran eSPKB bagi tempoh 1 Julai 2016 sehingga 30 Jun 2017.

Penutup

Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2017 adalah memuaskan kerana kebanyakan perbelanjaan bagi program yang dirancang dapat digunakan selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa. Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang sama-sama membantu kecemerlangan pencapaian pengurusan kewangan dan pembangunan pada tahun 2017 JAWHAR. Semoga kerjasama dan sokongan yang jitu ini dapat diteruskan bagi memastikan pengurusan kewangan dan pembangunan Jabatan ini dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan pada masa akan datang.



JAWHAR

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



BERAT SAMA DIPIKUL RINGAN SAMA DIJINJING

Daripada Abu Musa al-Asy'ari RA katanya, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya kaum Asy'irin apabila kehabisan atau hampir habis bekalan makanan di dalam peperangan atau bekalan makanan keluarga di Madinah berkurangan, mereka mengumpulkan apa yang ada pada mereka dalam sehelai kain, kemudian mereka membahagikan sesama mereka di dalam satu bekas dengan sama rata. Mereka itu dari golonganku dan aku dari golongan mereka."

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Keterangan :

Asy'irin adalah kaum Abu Musa al-Asy'ari, dinisbahkan kepada datuk mereka al-Asy 'ari bin Qahtan.

Huraian Hadith:

1. Semangat berat sama dipikul ringan sama dijinjing adalah penting dalam sebuah masyarakat untuk menghidupkan perpaduan sesama manusia.
2. Islam menyanjung tinggi orang yang sanggup berkorban membantu saudaranya yang susah walaupun terpaksa menghadapi kesusahan.
3. Umat Islam dilarang bersifat mementingkan diri sendiri kerana ia boleh mendatangkan kesan yang buruk dalam masyarakat.
4. Hadith ini menyatakan kelebihan kaum Asy'irin, kerana Rasulullah SAW telah memberi pengiktirafan bahawa mereka adalah sebahagian daripada dirinya dari sudut hampirnya akhlak dan cara mereka dengan akhlak Junjungannya.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



Berdiri dari kiri: En Zamfitri bin A. Rahman, En Mohamad Basri bin Razak, Duduk (Dari kiri) : Pn Nurain binti Mhd Sharif, Pn Afidah binti Haji Mohd Isa (Pengarah), Pn Ili Raidah binti Mahat, Pn Nurulhani binti Mat Nawi.

• Informasi Kesedaran ICT

Bermula tahun 2017, Seksyen Teknologi Maklumat telah mengambil langkah dengan menyebarkan semua info-info berkaitan ICT dalam bentuk poster secara berkala melalui emel kepada warga JAWHAR. Informasi ini bertujuan memberi input serta maklumat pengguna khususnya kepada semua warga JAWHAR agar lebih cakna dengan info-info berkaitan ICT.





*Antara contoh Informasi Kesedaran ICT dalam bentuk poster

Melalui info-info yang direka dalam bentuk poster ini, maklumat berkaitan ICT dapat dijelaskan dengan lebih mudah difahami. Info-info yang disebarkan ini merangkumi semua info berkaitan ICT seperti Kesedaran ICT Hijau, Penyelenggaraan dan Penggunaan Peralatan ICT yang betul, keselamatan ICT, rangkaian, sistem dan lain-lain lagi.

• Penambahbaikan Sistem-Sistem Dalaman JAWHAR

Dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan ICT terbaik serta meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya bagi menyokong fungsi teras JAWHAR, STM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas Sistem-sistem dalaman JAWHAR sedia ada.

Penambahbaikan dan penyelenggaraan dilakukan sepanjang masa mengikut keperluan pengguna. Antara sistem yang terlibat ialah SISCAR, SISMEET, SISCOURSE, SISFILE, SISPARLIMEN, SISHELP, DAN BANK INOVASI.



*Paparan antara muka sistem-sistem dalaman JAWHAR

• Pengemaskinian maklumat

Pengemaskinian maklumat merupakan antara aktiviti penting yang dilaksanakan sepanjang masa bagi memastikan maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini, tepat dan sedia digunakan pada bila-bila masa sahaja.

Dalam hal ini, STM amat mengambil berat dan memberi perhatian terhadap aktiviti-aktiviti pengemaskinian maklumat ke atas laman web serta portal-portal JAWHAR seperti berikut:

1. Laman Web JAWHAR



Aktiviti pengemaskinian maklumat di laman web JAWHAR dilakukan dari semasa ke semasa mengikut kesediaan maklumat. Ini selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh MAMPU menerusi Pemantauan Pengemaskinian Laman Web Sektor Awam dan Penilaian Laman Web *Provider-Based Evaluation* (ProBE) bagi memastikan Laman Web mendapat rating yang baik.

2. Portal e-Khairat



Portal e-Khairat bertujuan untuk kemudahan dan manfaat masyarakat supaya tidak tertipu dan tidak mensia-siakan sumbangan wang yang disedekahkan demi kepentingan agama, namun disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pengemaskinian maklumat dilakukan bagi memastikan maklumat derma khairat yang dipaparkan adalah masih dalam tempoh sah kutipan. Bermula Ogos 2017, portal e-Khairat telah beroperasi di Pusat Data Sektor Awam (PDSA).

3. Laman web Puspanita



Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Laman Puspanita JAWHAR dilakukan mengikut aktiviti semasa yang dijalankan oleh Puspanita. Aktiviti yang dilakukan adalah pengemaskinian maklumat aktiviti setiap biro.

• Bengkel Penyelenggaraan ICT

Seksyen Teknologi Maklumat Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) buat julung kalinya telah menganjurkan satu Bengkel Penyelenggaraan Komputer bertempat di Bilik Seminar JAWHAR. Bengkel telah disertai oleh 15 peserta terdiri daripada kakitangan JAWHAR. Bengkel telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR, Tuan Haji Jaafar Bin Ismail.



*Sesi bergambar bersama urus setia dan semua peserta yang terlibat

Fasilitator bagi bengkel ini adalah Encik Mohamad Basri Bin Razak dari Seksyen Teknologi Maklumat dan dibantu oleh rakan-rakan yang lain dari Seksyen Teknologi Maklumat. Peserta bengkel telah dibahagikan kepada 4 kumpulan dan setiap kumpulan telah dibekalkan dengan satu set komputer yang telah dibuka dan diceraikan bahagian-bahagian utamanya.



*Para peserta sedang khusyuk mendengar penerangan yang diberi oleh fasilatator.

Tujuan bengkel adalah supaya setiap peserta dapat mempelajari dan melakukan sendiri aktiviti pemasangan semula komputer supaya menjadi set kompter yang lengkap semula dan dapat berfungsi dengan baik. Di akhir kursus, semua kumpulan didapati telah berjaya menyelesaikan tugasan mereka dengan jayanya dan bengkel disudahi dengan sesi penyampaian hadiah.



*Para peserta sedang menyiapkan tugasan yang diberi

• Bengkel Semakan Laman e-Dalil



Satu Bengkel Semakan Laman e-Dalil telah diadakan pada 17-18 April 2017 bertempat di Bilik Seminar Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Bengkel yang dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Syariah JAWHAR bersama Seksyen Teknologi Maklumat selaku pembangun laman e-Dalil bertujuan untuk menyemak kandungan dan mengesahkan kandungan dalam Laman e-Dalil sebelum disiarkan kepada masyarakat umum. Laman e-Dalil merupakan kompilasi ayat-ayat Al-Quran dan hadis berkaitan bidang teras JAWHAR iaitu wakaf, zakat dan haji.



*Taklimat ringkas oleh Pn. Afidah Hj. Mohd Isa, KPP STM

Bengkel dimulakan dengan bacaan doa diikuti taklimat ringkas yang disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Seksyen Teknologi Maklumat, Puan Afidah Binti Haji Mohd Isa. Bengkel yang berlangsung selama dua hari ini berjaya mencapai matlamatnya apabila kesemua kandungan telah disemak dan kesilapan yang dikenalpasti telah ditandakan untuk tindakan pembetulan.



*Peserta bengkel mendengar penerangan yang disampaikan

• Khidmat Sokongan Teknikal, Siaraya dan Promosi

Selain terlibat dalam pembangunan dan penambahbaikan sistem aplikasi, penyediaan infrastruktur ICT serta rangkaian keselamatan ICT, STM juga terlibat dalam memberikan khidmat teknikal dalam menjayakan program-program, aturcara – aturcara dan aktiviti – aktiviti yang dijalankan oleh JAWHAR. Antara program utama yang terlibat ialah:-

i. Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Pembangunan Asnaf Serantau 2017
ii. JAWHAR Intellectual Discourse JID)
iii. Konvensyen Muamalat Nasional (KOMUNAL1.0) 2017

STM bertanggungjawab dalam penyediaan buku atur cara, *banner, bunting, backdrop, flyers*, montaj dan sebagainya.

Selain itu, STM juga terlibat dengan sesi fotografi sepanjang program-program berlangsung.



*Contoh Backdrop sempena Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan & Seminar Pembangunan Asnaf 2017



*Contoh Buku Program BZK dan SPAS 2017



*Contoh banner yang disediakan untuk dimuatkan di Laman Web JAWHAR



*Contoh Backdrop dan Bunting sempena KOMUNAL 1.0


NEGARAKU
Konvensyen
MUAMALAT
NASIONAL 2017
KOMUNAL 1.0
Sempena Sambutan Jubli Perak Institut Professional Baitulmal, MAIWP
MATRADE • 6-7 MEI 2017 • 9-10 SYA'BAN 1438H
Anjuran Bersama :
Dengan Kerjasama :

JAWHAR

UNIT INTEGRITI & KOMUNIKASI KORPORAT



AMANAH TERHADAP DIRI SENDIRI

Sepertimana yang disebutkan bahawa diri manusia itu dan segala anggotanya menjadi amanah Allah SWT seperti akal, mata, telinga, kaki, tangan dan lain-lain anggota.Setiap diri kita mempunyai tanggungjawab dan kewajipan daripada segi rohaniah dan juga lahiriah. Menjaga kerbersihan diri, kesihatan diri dan memberikan hak-hak anggota merupakan sebahagian daripada amanah terhadap diri sendiri ditentukan dalam agama Islam.

Sabda Rasullullah SAW :

إِنَّ لِجَسَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا.....

Maksudnya :
"Bahawa untuk badanmu ada haknya yang wajib kamu berikan kepadanya."
(Riwayat al-Dar Qutni)

Kebersihan rohaniah dan memelihara anggota daripada digunakan untuk perkara yang dilarang oleh Allah SWT menjadi tanggungjawab dan tuntutan yang terkandung dalam pengertian amanah.

Mata yang dikurniakan oleh Allah SWT adalah amanah untuk kita pelihara daripada melihat perkara yang dilarang.

Telinga hendaklah digunakan untuk tujuan yang baik dan menghindarkan dari mendengar umpatan.

Lidah menjadi amanah Allah SWT hendaklah dijaga dan di pelihara daripada segala kejahatan.

UNIT INTEGRITI & KOMUNIKASI KORPORAT



Dari kiri: En Mohamed Khairudin bin Abdul Rashid dan Pn. Lizah binti Ismail (Ketua Unit)

PENGENALAN

Unit Integriti & Komunikasi Korporat (UIKK), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah ditubuhkan pada 1 April 2014 selaras dengan transformasi JAWHAR yang berfungsi dalam merancang, membangun dan memajukan sosio-ekonomi ummah melalui pengurusan wakaf dan penyelarasan zakat, haji dan mal yang dinamik dan sistematik dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.

Objektif Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat

Satu usaha kawalan dalaman oleh JAWHAR untuk menguruskan integriti dalam organisasi, pemantauan aduan/maklum balas pelanggan dan pengurusan strategik media.

Fungsi Unit Integriti Dan Komunikasi Korporat:

i) Merancang, menyelaras dan melaksanakan program berkaitan integriti dan pembangunan insan selaras dengan modul Penerapan Nilai-nilai Islam (PNI), Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) dan Pelan Integriti Nasional (PIN);

ii) melaksanakan aktiviti perhubungan awam seperti pemantauan aduan/maklum balas pelanggan, pengurusan lawatan dan maklumat jabatan; dan

iii) menguruskan aktiviti yang melibatkan media massa.

CARTA ORGANISASI UIKK



YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman
Ketua Pengarah



Puan Lizah Binti Ismail
Ketua Unit



En Mohamed Khairuddin bin Abdul Rashid
Pembantu Ketua Unit

AKTIVITI UNIT INTEGRITI & KOMUNIKASI KORPORAT

(A) **Merancang, menyelaras dan melaksanakan program berkaitan integriti dan pembangunan insan selaras dengan modul Penerapan Nilai - nilai Islam (PNI), Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) dan Pelan Integriti Nasional (PIN).**

i) Ceramah Agama/ Majlis Bacaan Surah Yaasin Pada Setiap Hari Jumaat
ii) Ceramah Agama Pada Bulan Ramadhan
iii) Ceramah Integriti

Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam "Al-Quran….Surat Cinta Allah" Sempena Ramadan 1438H yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Mohd Mustakim bin Mohamood @Fauzi (Pejabat Mufti WP) pada 8 Jun 2017 jam 9.00-10.00 pagi.







Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam "Bersedekahkah kita" Sempena Ramadan 1438H yang disampaikan oleh YBrs.Ustaz Muhd Redza Bin Ahmad (JAKIM) pada 26 Mei 2017 jam 9.00-10.00 pagi.





Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam " Ramadhan: Satu Imbauan" Sempena Ramadan 1438H yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Nik Mohd Sukiman bin Nik Yusof (SPRM) pada 2 Jun 2017 jam 9.00-10.00 pagi.







B) Melaksanakan akiviti perhubungan awam: pengurusan lawatan dan maklumat korporat jabatan.

(i) Lawatan Dari Luar Negara

(II) Lawatan Dalam Negara

Kunjungan Hormat Mufti Kerajaan Rusia dan Penasihat Agama Perdana Menteri Kerajaan Tatarstan ke JAWHAR pada 3 April 2017 bertempat di JAWHAR.









Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam ke JAWHAR pada 5 April 2017.







Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Kolej Universiti Poly-Tech MARA ke JAWHAR pada 11 April 2017 bertempat di JAWHAR.







Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Institut Profesional Baitulmal pada 11 April 2017 bertempat di JAWHAR.






Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja dari Delegasi Duta Palestin di Malaysia pada 14 Jun 2017 bertempat di JAWHAR.




Lawatan sambil belajar pelajar-pelajar dari Universiti Utara Malaysia ke JAWHAR pada 16 Jun 2017 jam 11.00-10.45 pagi.






Kunjungan Hormat dan Jalinan Strategik Delegasi dari ANGKASA ke JAWHAR pada 31 Julai 2017 bertempat di JAWHAR.





Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja dari IMZ (INDONESIA) ke JAWHAR pada 9 Ogos 2017 bertempat di JAWHAR.





Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja dari Dr Sami Salahat, Founder or IIIW ke JAWHAR pada 10 Ogos 2017 bertempat di JAWHAR.





Kunjungan Hormat dan Jalinan Kerjasama Yayasan Restu terhadap Ketua Pengarah JAWHAR pada 11 Oktober 2017 bertempat di JAWHAR.





Kunjungan Hormat AWQAF SULAIMAN AL RAJHI HOLDING COMPANY LIMITED ke JAWHAR pada 12 Oktober 2017 bertempat di JAWHAR.




Kunjungan Hormat Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP ke JAWHAR pada 6 November 2017 bertempat di JAWHAR.





Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah pada 19 Mac 2017 bertempat di Pejabat Pembangunan Negeri, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Alor Setar, Kedah.






Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas Setiausaha Sulit DYMM Sultan Kedah pada 19 Mac 2017 bertempat di Wisma Darulaman.





Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 20 Mac 2017 bertempat di Bangunan KOMTAR.




Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas YDP YADIM pada 3 April 2017 bertempat di Kompleks Islam Putrajaya.




Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang pada 20 Mac 2017 bertempat di Menara UMNO, Pulau Pinang.





Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas Majlis Agama Islam Johor beserta Mufti Johor dan Penasihat Agama Negeri Johor pada 9 April 2017 bertempat di Majlis Agama Islam Negeri Johor.





Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas KPE LHDN pada 24 Mei 2017 bertempat di Ibu Pejabat LHDN, Cyberjaya.






Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas Ketua Pengarah YaPEIM pada 11 April 2017 bertempat di Pejabat YaPIEM, Grand Season Avenue.





Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas Timb.YDP MAIN Kedah dan Pengarah JHEAI Kedah pada 6 Julai 2017 bertempat di Majlis Agama Islam Negeri Kedah.








Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR menghadiri Program Pemimpin bersama rakyat dan Majlis Sambutan Hari Raya YBM pada 6 Julai 2017 bertempat di Dewan Serbaguna Gua Cempedak, Yan, Kedah.

Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas TKSUK pada 21 September 2017 bertempat di JPM.







Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas MAIN Perlis pada 7 Julai 2017 bertempat di MAIN Perlis.





Kunjungan Hormat Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR ke atas MAIN Kelantan pada 17 Oktober 2017 bertempat di MAIN Kelantan.





Ketua Pengarah bersama Delegasi JAWHAR menghadiri Program Hijrah Minda bersama DYMM Tuanku Raja Muda Perlis pada 7 Julai 2017 bertempat di Padang Besar, Perlis.









PEMBANGUNAN SISTEM DAN PORTAL

Laman Web



Merupakan laman web rasmi JAWHAR yang berperanan sebagai platform dalam memaparkan informasi berkaitan JAWHAR kepada orang ramai.

Laman Web Puspanita JAWHAR



Merupakan laman web yang memaparkan aktiviti serta program yang dilaksanakan oleh ahli-ahli puspanita JAWHAR .

Portal e-Khairat



Sebuah portal yang dibangunkan khas bagi kemudahan dan manfaat masyarakat supaya tidak tertipu dan tidak mensia-siakan sumbangan wang yang disedekahkan demi kepentingan agama, namun disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Portal Pengurusan Maklumat Zakat Dan Baitulmal Malaysia



Portal Pengurusan Maklumat Zakat Dan Baitulmal Malaysia merupakan satu portal yang memaparkan statistik am berkaitan zakat dan baitulmal di Malaysia. Statistik yang dipaparkan dari laman ini diperoleh dari Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia dan akan dikemaskini dari masa ke semasa bagi memudahkan orang awam membuat rujukan mengenai statistik zakat dan baitulmal di Malaysia. Antara maklumat yang dipaparkan ialah Statistik Kutipan Zakat Harta dan Fitrah, Statistik Agihan Zakat, Kadar Nisab Zakat Harta dan Fitrah serta Statistik Tanah Baitulmal dan Harta Sumber Am.

i-SPAAA



Sistem yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk memudahkan pengadu membuat aduan-aduan berkaitan tindakan – tindakan dan keputusan-keputusan pentadbiran agensi-agensi Kerajaan.

SISTEM INTRANET JAWHAR

Sistem Tempahan Kenderaan (SISCAR)



Satu sistem maklumat pengurusan kenderaan jabatan yang memproses permohonan kakitangan bagi keperluan penggunaan kenderaan jabatan dari semasa ke semasa mengikut peraturan dan menyediakan pelaporan pergerakan pemandu dan kereta jabatan secara sistematik.

Sistem Tempahan Kenderaan (SISMEET)



Satu sistem maklumat pengurusan bilik mesyuarat jabatan yang memproses permohonan kakitangan bagi keperluan penggunaan bilik mesyuarat dari semasa ke semasa mengikut peraturan dan menyediakan pelaporan penggunaan bilik mesyuarat jabatan secara sistematik.

SISPARLIMEN



Merupakan sistem pengurusan dan pelaporan Parlimen bertujuan untuk merekodkan laporan yang dibentang di Parlimen Malaysia berkaitan dengan JAWHAR.

SISHELP



Sistem aduan pelanggan yang khusus untuk masalah berkaitan kerosakan peralatan komputer dan masalah penggunaan sistem. Dengan adanya sistem ini ia dapat membantu pegawai dan kakitangan JAWHAR melaporkan sebarang aduan mengenai masalah yang berkaitan.

SISCOURSE



Sistem Pengurusan Latihan (SISCOURSE) memberi kemudahan kepada pengguna memasukkan latihan secara online disamping memastikan sistem pengurusan latihan adalah secara teratur dan sistematik untuk tujuan tindakan atau rujukan.

SISLETTER



Sistem pengurusan yang merekodkan surat atau memo rasmi jabatan secara online di dalam pangkalan data bagi memudahkan pengurusan capaian maklumat surat mengikut kategori yang ditetapkan.

SISFILE



Sistem pengurusan fail memberi kemudahan kepada pengguna meminjam fail secara online disamping memastikan sistem pengurusan fail adalah secara teratur dan sistematik untuk tujuan tindakan atau rujukan.

BANK INOVASI



- Sistem Pengurusan Inovasi JAWHAR adalah satu sistem aplikasi sokongan yang penting dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada warga JAWHAR menyalurkan cadangan dan cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan membantu membantu memudahkan pelaporan penghasilan inovasi oleh pihak pengurusan JAWHAR / KIK.
- Ia merupakan pengkalan data inovasi bagi menyimpan dan mengurus segala idea-idea kreatif atau inovasi yang dihasilkan di JAWHAR. Idea-idea yang dicetuskan oleh warga JAWHAR diperoleh dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau diadaptasi untuk diguna.

Laman Perkongsian Ilmu JAWHAR



Portal Perkongsian Ilmu JAWHAR merupakan satu laman yang mengumpulkan hasil penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dimana ia berkonsepkan perkongsian ilmu.

SISTEM PENDAFTARAN PROGRAM JAWHAR



Penjawat awam boleh memohon program anjuran JAWHAR secara dalam talian. Kemudahan ini bukan saja dapat memudahkan proses permohonan program tetapi juga akan menggalakkan lebih ramai lagi penjawat awam untuk mengikuti program yang dianjurkan oleh JAWHAR.

SISTEM PEMANTAUAN PENGURUSAN ASET (SPPA)



Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) adalah aplikasi yang dibangunkan untuk tujuan kawalan dan pemantauan aset bagi semua kementerian dan jabatan di Malaysia. Terdiri daripada dua modul utama iaitu Sistem Pengurusan Aset (SPA) dan Sistem Pengurusan Stor (SPS).

JAWHAR

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



BERBUDI MULIA

Berbudi mulia sama maksudnya dengan berperangai mulia dan berkelakuan terpuji. Gerak geri dan kelakuan yang bersopan serta dipandang elok dan indah, tidak pula menyakiti dan menyinggung perasaan orang lain,adalah lahir daripada budi pekerti yang mulia.

Orang yang berbudi mulia, sentiasa melahirkan gerak geri yang menyenangkan orang lain, yang membawa kebaikan dan teladan baik serta mendorong mereka untuk memilih jalan kebaikan dan melakukan amalan yang menambah ketaqwaan kepada Allah SWT. Gerak gerinya dihormati dan kelakuannya diteladani yang kedua-duanya, memberikan amalan kebaikan, kebenaran dan keredhaan Allah SWT.

Antara budi pekerti mulia yang diajar oleh Islam ialah memberi dan membalas ucap selamat ketika bertemu.Ucap selamat adalah pendahuluan yang berkesan untuk manusia berkomunikasi. Ia memecahkan halangan kesombongan atau perasaan rendah diri untuk manusia berkomunikasi. Ia merupakan saluran penting untuk manusia bekerjasama melaksanakan tugas sebagai kalifah di bumi.
Allah SWT berfirman :

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا۟ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Maksudnya :
“ Dan apabila kamu diberikan ucap selamat, hendaklah kamu balas dengan ucap selamat yang lebih baik atau yang sama dengannya. Sesungguhnya Allah selalu membuat perhitungan atas tiap-tiap sesuatu.”
(An-Nisa : 86)

Justeru cara bercakap dan berbicara merupakan perilaku yang menggambarkan budi pekerti seseorang. Ini termasuklah bahan percakapan kita, gaya serta kesesuaiannya dengan masa, tempat dan keadaan. Islam sangat prihatin terhadap cara kita bercakap dan berbicara. Ini kerana percakapan merupakan saluran komunikasi yang akan mencorakkan hubungan kita ANTARA manusia dan hubungan kita dengan Allah SWT.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan bagi kecemerlangan dalam pengurusan kerja bagi tahun 2017. Antara anugerah yang telah diterima adalah seperti berikut:

1. KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN

1.1 Anugerah Prestasi Cemerlang Audit Naziran Tahun 2016/2017 Jabatan Perdana Menteri

Unit kewangan telah menerima anugerah penjawat cemerlang bagi bulan Julai 2014 untuk kategori berkumpulan oleh Jabatan Perdana Menteri.

2. KECEMERLANGAN PENGURUSAN PENTADBIRAN

2.1 Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2016 (100% KPI HRMIS Tahun 2016) Jabatan Perdana Menteri

Pada setiap tahun, pasukan Audit HRMIS daripada Unit Hrmis, Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan membuat naziran terhadap pencapaian penggunaan Hrmis bagi setiap Jabatan dan agensi di bawah JPM. Pada tahun 2016, pemeriksaan telah dijalankan dan keputusannya adalah JAWHAR telah mencapai 100% capaian mengikut tempoh yang telah ditetapkan bagi kemasukan data Hrmis bagi tahun tersebut.



Jabatan Perdana Menteri

ANUGERAH KECEMERLANGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS TAHUN 2016

★ ★ ★ ★ ★

Kepada

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

Atas Pencapaian Cemerlang

100% KPI HRMIS TAHUN 2016

TAN SRI OTHMAN BIN HJ MAHMOOD
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

JAWHAR

CERITERA JAWHAR

I. MBJ

II. PUSPANITA

III. KKSJ



MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan sentiasa bergerak cergas di JAWHAR. Ianya telah menjadi platform yang baik kepada pihak Pekerja dan Pihak Majikan dalam menyuarakan pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Ia juga telah dapat mengekalkan keharmonian di kalangan warga JAWHAR ke arah suasana kerja yang lebih kondusif dan ceria.

Pegawai-pegawai dalam Majlis ini adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, dua orang Setiausaha Bersama, seorang Penolong Setiausaha. Naib Pengerusi hendaklah terdiri dan dipilih oleh Pihak Pekerja. Pihak Pekerja dan Pihak Majikan hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

JAWHAR telah berjaya melaksanakan Mesyuarat MBJ sebanyak 4 kali sepanjang tahun 2017 dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah JAWHAR. Berikut merupakan mesyuarat yang telah diadakan sepanjang tahun 2017.

Bil. Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Tempat
Bil. 1/2017	7 Mac 2018	Bilik Gerakan, JAWHAR
Bil. 2/2017	15 Ogos 2018	Bilik Gerakan, JAWHAR
Bil 3/2017	19 September 2018	Bilik Gerakan, JAWHAR
Bil 4/2017	18 Disember 2018	Bilik Gerakan, JAWHAR

Di JAWHAR, korum bagi Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan adalah terdiri daripada 8 orang ahli dan 10 orang ahli pihak pekerja. Sekiranya pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat atas sebab-sebab tertentu, pengerusi boleh mewakilkan pegawai terkanan di kalangan ahli-ahli pihak pegawai.

Agenda bagi mesyuarat Majlis Bersama Jabatan hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausa-setiausaha tersebit kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.

Isu dan cadangan yang sering dibangkitkan semasa mesyuarat MBJ sentiasa selari dengan perlembangan yang meliputi 6 kategori berikut:-



Dari segi keputusan Mesyuarat, keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua pihak.

CARTA ORGANISASI MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BAGI SESI 2017



WAKIL PEKERJA	WAKIL MAJIKAN
Pn Lizah binti Ismail	En Mohd Faizal bin AB Hamid
Pn Marziana binti Mat Hassan	En Ruzman bin Ramli
Pn Siti Zaida binti Mahmod	En Hairolanuar bin Mohamad
En Murid Fadzli bin Musa	Pn Afidah binti Haji Mohd Isa
En Rohaizit bin Abdul Rashid	Pn Zakiah binti Ahmad @ Ahamaddiah
En Idzharudin bin Ibrahim	Pn Hasanah binti Badrul
En Mohd Salman bin Mohd Sopi	Pn Nor Sharina binti Abdul Rahim

Di bawah PUSPANITA cawangan kecil JAWHAR, terdapat 4 biro yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program yang melibatkan ahli Puspanita. Dengan keanggotaan seramai 36 orang, Puspanita JAWHAR mampu mengadakan pelbagai aktiviti yang menarik dan berfaedah bagi ahlinya. Tujuan di adakan program-program tersebut adalah untuk merapatkan silaturrahim, memberi ruang dan peluang kepada ahli untuk menunjukkan bakat, menyerlahkan kebolehan ahli dan memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan mereka. Berikut di senaraikan program-program yang dianjurkan oleh Puspanita JAWHAR mengikut biro-biro yang telah ditetapkan seperti berikut:

PUSPANITA CAWANGAN JAWHAR 2017

Di bawah PUSPANITA cawangan kecil JAWHAR, terdapat 4 biro yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program yang melibatkan ahli Puspanita. Dengan keanggotaan seramai 36 orang, Puspanita JAWHAR mampu mengadakan pelbagai aktiviti yang menarik dan berfaedah bagi ahlinya. Tujuan di adakan program-program tersebut adalah untuk merapatkan silaturrahim, memberi ruang dan peluang kepada ahli untuk menunjukkan bakat, menyerlahkan kebolehan ahli dan memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan mereka. Berikut di senaraikan program-program yang dianjurkan oleh Puspanita JAWHAR mengikut biro-biro yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. LAPORAN AKTIVITI BIRO SUKAN

Bil	Tarikh Aktiviti	Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2017
1.	10 Disember 2017 (Ahad)	**Nama Program** : Pertandingan Inter Boling JAWHAR **Tempat :** IOI City Mall, Putrajaya **Objektif :** Untuk merapatkan jurang dan mengeratkan tali silaturahim untuk semua warga JAWHAR. Selain itu juga, Pertandingan ini merupakan aktiviti wajib tahunan bagi KKSJ. **Bilangan yang terlibat** : 70 Orang dan dirasmikan oleh Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman **Kos program** : RM 2,480.00

Gambar Aktiviti :









2.	12,14 & 15 Disember 2017 (Selasa, Khamis & Jumaat)	**Nama Program :** Pertandingan Sukan Dalaman JAWHAR 2017 **Tempat :** JAWHAR **Objektif:** Merapatkan silaturahim semua warga JAWHAR **Bilangan yang terlibat:** 70 orang **Kos program:** RM 200.00










2. LAPORAN AKTIVITI BIRO EKONOMI

Bil	Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2017
1.	**AHLI JAWATANKUASA KECIL** i. Ketua Biro : Pn Nor Fadilah binti Harun ii. Pen Ketua Biro : Pn Zini binti Othman iii. Ahli : Cik Siti Maryam binti Md. Noor : Pn Noriah binti Othman : Pn Nurhashikin binti Suandi : Pn Norfadzlina binti Abd Latif
2.	Tugas utama biro ini adalah untuk menambahkan sumber kewangan Kelab. Biro Ekonomi telah bersepakat untuk meneruskan legasi **"Mini Mart KKSJ."** Mini Mart tersebut berada di aras 8 & 9, JAWHAR.
3.	Laporan Pendapatan.

PERBELANJAAN MINI MART KKSJ (BIRO EKONOMI - 2017)

TARIKH	PERIHAL	JUMLAH	TARIKH	PERIHAL	JUMLAH
12.04.2017	Modal daripada bendahari KKSJ	300.00	12.04.2017	Belanja	169.60
02.05.2017	Kutipan	202.80	19.04.2017	Nescafe Tin	59.00
11.05.2017	Kutipan	66.20	02.05.2017	Belanja	62.95
13.07.2017	Kutipan	49.00	08.05.2017	Belanja	50.00
17.08.2017	Kutipan terkumpul	361.45	11.08.2017	Air Mineral	18.90
14.09.2017	Kutipan	90.00	13.07.2017	Belanja	186.70
04.10.2017	Kutipan	110.00	17.08.2017	Belanja	224.45
	Kutipan terkumpul	274.00	14.09.2017	Belanja	63.00
16.10.2017	Kutipan	200.00	09.10.2017	Belanja	166.25
12.11.2017	Kutipan	117.15	12.07.2017	Belanja	17.30
13.12.2017	Kutipan	200.00	16.10.2017	Belanja	46.60
31.12.2017	Kutipan	26.75	12.11.2017	Belanja	37.15
			12.11.2017	Bayar kepada Zura	30.00
			04.12.2017	Belanja	365.45
			31.12.2017	Baki h/b	**500.00**
		1,997.35			**1,997.35**
28.02.2018	Baki b/b	**500.00**			

Baki berakhir pada 26.02.2018 ialah sebanyak RM500.00. Sebanyak RM200.00 telah diserahkan kepada Bendahari sebagai keuntungan manakala RM300.00 pulangan deposit.

3. LAPORAN AKTIVITI BIRO AGAMA

Bil	Tarikh Aktiviti	Aktiviti / program yang dijalankan sepanjang 2017
1.	Bulan Februari, Mei, September dan November	Majlis Ilmu sempena Bulan Ramadhan bersama Unit Integriti (UiKK) JAWHAR.
2.	29 Mei hingga 13 Jun 2017	Sesi Tadarus Al Quran bulan Ramadhan dan Khatam Al-Quran kepada kakitangan JAWHAR yang bertempat di Surau Aras 8 dan 9
3.	7 Julai 2017	Kuiz Pengetahuan Agama Islam dengan Kerjasama Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR yang bertempat di bilik seminar JAWHAR
	 	
4.	22 Disember 2017	Kuiz Al-Quran bertulis bertempat di Dewan Syura Jannatul Firdaus
	 	
5.	Sepanjang Tahun	Pengajaran Al-Quran secara Talaqqi (berhadapan) kepada semua ahli Puspanita dan KKSJ yang berminat bertempat di Surau Aras 8 dan 9, JAWHAR.

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JAWHAR (KKSJ)

CARTA ORGANISASI



1. LAPORAN AKTIVITI BIRO EKONOMI

Bil	Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2017
1.	**AHLI JAWATANKUASA KECIL** i. Ketua Biro : Pn Nor Fadilah binti Harun ii. Pen Ketua Biro : Pn Zini binti Othman iii. Ahli : Cik Siti Maryam binti Md. Noor : Pn Noriah binti Othman : Pn Nurhashikin binti Suandi : Pn Norfadzlina binti Abd Latif
2.	Tugas utama biro ini adalah untuk menambahkan sumber kewangan Kelab. Biro Ekonomi telah bersepakat untuk meneruskan legasi **"Mini Mart KKSJ."** Mini Mart tersebut berada di aras 8 & 9, JAWHAR.
3.	Laporan Pendapatan.

PERBELANJAAN MINI MART KKSJ (BIRO EKONOMI - 2017)

TARIKH	PERIHAL	JUMLAH	TARIKH	PERIHAL	JUMLAH
12.04.2017	Modal daripada bendahari KKSJ	300.00	12.04.2017	Belanja	169.60
02.05.2017	Kutipan	202.80	19.04.2017	Nescafe Tin	59.00
11.05.2017	Kutipan	66.20	02.05.2017	Belanja	62.95
13.07.2017	Kutipan	49.00	08.05.2017	Belanja	50.00
17.08.2017	Kutipan terkumpul	361.45	11.08.2017	Air Mineral	18.90
14.09.2017	Kutipan	90.00	13.07.2017	Belanja	186.70
04.10.2017	Kutipan	110.00	17.08.2017	Belanja	224.45
	Kutipan terkumpul	274.00	14.09.2017	Belanja	63.00
16.10.2017	Kutipan	200.00	09.10.2017	Belanja	166.25
12.11.2017	Kutipan	117.15	12.07.2017	Belanja	17.30
13.12.2017	Kutipan	200.00	16.10.2017	Belanja	46.60
31.12.2017	Kutipan	26.75	12.11.2017	Belanja	37.15
			12.11.2017	Bayar kepada Zura	30.00
			04.12.2017	Belanja	365.45
			31.12.2017	Baki h/b	**500.00**
		1,997.35			**1,997.35**
28.02.2018	Baki b/b	**500.00**			

Baki berakhir pada 26.02.2018 ialah sebanyak RM500.00. Sebanyak RM200.00 telah diserahkan kepada Bendahari sebagai keuntungan manakala RM300.00 pulangan deposit.

2. LAPORAN AKTIVITI BIRO SUKAN

Bil	Tarikh Aktiviti	Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2017
1.	10 Disember 2017 (Ahad)	**Nama Program** : Pertandingan Inter Boling JAWHAR **Tempat :** IOI City Mall, Putrajaya **Objektif :** Untuk merapatkan jurang dan mengeratkan tali silaturahim untuk semua warga JAWHAR. Selain itu juga, Pertandingan ini merupakan aktiviti wajib tahunan bagi KKSJ. **Bilangan yang terlibat** : 70 Orang dan dirasmikan oleh Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman **Kos program** : RM 2,480.00

Gambar Aktiviti :



2.	21–22 Oktober 2017 (Sabtu & Ahad)	**Nama Program** : Kejohanan Badminton Pusat Zakat Negeri-Negeri (Zakat Cup 2017) **Tempat :** Kompleks Sukan Wangsa Maju. Kuala Lumpur **Objektif :** Merapatkan silaturahim antara MAIN dan Pusat Zakat di seluruh Malaysia. **Bilangan yang terlibat** : 17 orang **Kos program** : RM 600.00

Gambar Aktiviti :



3.	12,14 & 15 Disember 2017 (Selasa, Khamis & Jumaat)	**Nama Program :** Pertandingan Sukan Dalaman JAWHAR 2017 **Tempat :** JAWHAR **Objektif:** Merapatkan silaturahim semua warga JAWHAR **Bilangan yang terlibat:** 70 orang **Kos program:** RM 200.00

Gambar Aktiviti :










3. LAPORAN AKTIVITI BIRO AGAMA

Sepanjang tahun 2017, beberapa program telah di anjurkan di bawah Biro Agama seperti berikut:

1. Majlis Ilmu Sempena Bulan Ramadhan sebanyak 4 kali anjuran bersama UIKK.

2. Sesi Tadarus sepanjang bulan Ramadhan dan khatam al-Quran kepada Kakitangan JAWHAR.
   Tarikh : 29 Mei hingga 13 Jun 2017
   Tempat : Di surau aras 8 & 9

3. Kuiz Pengetahuan Agama Islam Kerjasama dengan Puspanita
   Tarikh : 7 Julai 2017
   Tempat : Bilik Seminar JAWHAR







4. Kuiz al-Quran Bertulis
   Tarikh : 22 Disember 2017
   Tempat : Bilik Mesyuarat Jannatul Firdaus




5. Pengajaran al-Quran secara talaqqi (berhadapan) kepada ahli KKSJ yang berminat.

Tarikh : Sepanjang tahun
Tempat : Di surau / Di bilik Ketua Biro.

6. Lawatan Sambil Belajar Kelab Kebajikan dan Sukan (KKSJ) dan Puspanita JAWHAR ke Rehlah Nabawiyyah, Yayasan Restu, Selangor.

Tarikh : 14 Disember 2018
Tempat : Yayasan Restu.











4. LAPORAN AKTIVITI BIRO KEBAJIKAN

SAMBUTAN HARI BERSAMA KETUA PENGARAH (HBKP)

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan sambutan ulangtahun kelahiran semua pegawai dan kakitangan JAWHAR dua bulan sekali atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh urusetia HBKP. Biro Kebajikan KKSJ bertindak sebagai urusetia dalam pembelian Kek kelahiran dan cenderahati pada setiap ulangtahun kelahiran. Selain daripada itu, Biro Kebajikan turut memberi beberapa sumbangan kepada HBKP iaitu;

i. Sumbangan Kelahiran anak pertama di JAWHAR;
ii. Kecemerlangan akademik anak pegawai dan kakitangan;
iii. Sumbangan Pertukaran Pegawai bertukar keluar dari JAWHAR; dan
iv. Sumbangan musibah (derma kilat) bagi pegawai dan kakitangan JAWHAR.

Pada tahun 2017, Sambutan HBKP telah diadakan sebanyak 7 kali seperti berikut:

Bulan	Tarikh Sambutan HBKP
Januari- Februari	26 Januari 2017
Mac- April	21 Mac 2017
Mei	24 Mei 2017
Jun	21 Jun 2017 (bersekali Iftar Jamaie)
Julai	20 Julai 2017 (bersekali Jamuan Hari Raya)
Ogos	18 Ogos 2017
September hingga November	16 November 2017
Disember	Tiada













MAJLIS HARI RAYA JAWHAR

Sambutan Majlis Hari Raya JAWHAR telah diadakan pada 20 Julai 2017 bersekali dengan HBKP Julai 2017. Bagi memeriahkan program Sambutan Hari Raya tersebut Biro Kebajikan KKSJ telah menyumbang sebanyak RM 150.00 bagi pembelian makanan pada Majlis tersebut.














Sepanjang tahun 2017, Biro Kebajikan JAWHAR telah membantu keseluruhan program-program Kelab Kebajikan dan Sukan (KKSJ) yang di adakan dari segi pemberian dan sumbangan kepada pegawai dan kakitangan. Di antara sumbangan-sumbangan program yang telah di adakan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA		JUMLAH
1.	**SAMBUTAN HARI BERSAMA KETUA PENGARAH (HBKP)**		
	i. Kek kelahiran	12 bulan x RM90	RM1080
	ii. Cenderahati Ulangtahun Kelahiran (April-Dis)	52 orang x RM10	RM 520
	iii. Sumbangan Pertukaran Pegawai Keluar Jawhar - En Zamri - Hj Zainal - Pn Norlizah - Pn Noraini - Pn Kamalia - Pn Asrul Shuhada - En Anuar - Pn Norashikin	8 orang x RM50	RM 400
	iv. Sumbangan Kelahiran Anak Pertama di JAWHAR - En Basri - Pn Juliana - Pn Kamalia - Pn Maya Fahida -	4 orang x RM100	RM 400
	v. Kecemerlangan anak - Ustazh Hafizah	1 orang x RM30	RM 30
2.	**SUMBANGAN MUSIBAH BAGI KELUARGA DAN KAKITANGAN JAWHAR** i. Sumbangan Musibah bagi Kakitangan JAWHAR - En Hasbullah - Pn Maya - Pn Fadilah - Pn Fazlina - En Asgar	5 orang x RM50	RM 250
	ii. Derma Kilat	(tidak menggunakan bajet KKSJ)	
3.	**MAJLIS HARI RAYA JAWHAR** i. Sumbangan makanan	RM 150	RM 150
	TOTAL		**RM 2830**

TETAMU JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) turut tidak ketinggalan menerima kunjungan tetamu-tetamu antarabangsa dan tempatan sepanjang 2017. Kunjungan hormat dan lawatan ini memberi peluang untuk JAWHAR menjalinkan kerjasama, perkongsian pengalaman, mengukuhkan silaturahim serta bertukar-tukar pendapat dan kepakaran.

A. TETAMU LUAR NEGARA

SAMBUTAN TETAMU DARI LUAR NEGARA

BIL	DELEGASI	TARIKH	TUJUAN
1	Mufti Kerajaan Rusia Dan Penasihat Agama Perdana Menteri Kerajaan Tatarstan Ke JAWHAR	3 April 2017	Kunjungan Hormat
2	Delegasi Duta Palestin Di Malaysia Ke JAWHAR	14 Jun 2017	Kunjungan Hormat
3	IMZ (Indonesia) Ke JAWHAR	9 Ogos 2017	Kunjungan Hormat
4	Dr Sami Salahat Founder Or IIIW Ke JAWHAR	10 Ogos 2017	Kunjungan Hormat
5	Sulaiman Al Rajhi Holding Company Limited Ke JAWHAR	12 Oktober 2017	Kunjungan Hormat













B. TETAMU DALAM NEGARA

SAMBUTAN TETAMU DARI DALAM NEGARA			
BIL	**DELEGASI**	**TARIKH**	**TUJUAN**
1	Tetuan Tawfeek Badjenid & Partners	18 Januari 2017	Kunjungan Hormat
2	Association of Islamic Banking Institution Malaysia (AIBIM)	9 Mac 2017	Kunjungan Hormat
3	Astro Aosis untuk siri dokumentari 'Imarah Wakaf'	10 Mac 2017	Mesyuarat
4	Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)	2 Mac 2017	Kunjungan Hormat
5	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6 Mac 2017	Kunjungan Hormat
6	Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	5 April 2017	Kunjungan Hormat
7	Kolej Universiti Poly-Tech Mara	11 April 2017	Lawatan Kerja
8	Pelajar-Pelajar Dari Universiti Utara Malaysia Ke JAWHAR	16 Jun 2017	Lawatan Sambil Belajar
9	Jalinan Strategik Delegasi Dari Angkasa	31 Julai 2017	Kunjungan Hormat
10	International Centre For Waqf Research	4 Ogos 2017	Kunjungan Hormat & Lawatan Kerja
11	Pelajar-Pelajar Dari Kolej Universiti Islam Malaysia	3 Oktober 2017	Lawatan Sambil Belajar
12	Yayasan Restu ke JAWHAR	11 Oktober 2017	Kunjungan Hormat
13	Pusat Pungutan Zakat (PPZ) - MAIWP	6 November 2017	Kunjungan Hormat
14	Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya.	7 November 2017	Kunjungan Hormat

















PENERBITAN


LAPORAN
TAHUNAN 2016
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI | JABATAN PERDANA MENTERI
"Bersama Membina Tamadun Ummah"


JAWHAR
Sedekad Membina
Tamadun Ummah
JABATAN WAKAF ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI


PELAN STRATEGIK
2017-2020
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI | JABATAN PERDANA MENTERI


Monograf
Wakaf
Irsod
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI


BULETIN
JAWHAR
PRAGMATIK. RESPONSIF. OBJEKTIF
MAJLIS PENYERAHAN KUNCI SURAU AL BARAKAH


BULETIN
JAWHAR
PRAGMATIK. RESPONSIF. OBJEKTIF
Sesi Perbincangan Bersama Pasti Sesi Untuk Sirit Dokumentari
"Wakaf Wakaf" 2017
AL BARAKAH MENYIFI KEMBARA ZAKAT KEDAH 2016


BULETIN
JAWHAR
PRAGMATIK. RESPONSIF. OBJEKTIF
UCAPTAMA KOMUNAL
Kunjungan Hormat
ke JAWHAR
KUNJUNGAN HORMAT MUFTI KERAJAAN RUSIA


JURNAL PENGURUSAN JAWHAR
Vol. 11, No. 1, 2017
ISSN 1985-2010


JURNAL PENGURUSAN JAWHAR
Vol. 11, No. 2, 2017


Kalendar
2018
1439-1440H

PERISTIWA 2017

JANUARI	
18hb	Lawatan dan Perbincangan Wakaf oleh Tetuan Tawfek Badjenid & Partners
FEBRUARI	
14hb	Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat Bersama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ)
MAC	
9hb	Kunjungan hormat dari Association Of Islamic Banking Institution Malaysia (AIBIM)
10hb	Astro AOSIS bagi Siri Dokumentasi Imarah Wakaf
14hb	Lawatan Kerja Pengukuhan Sistem e-Khairat ke Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
15hb	Lawatan Kerja Pengukuhan Sistem e-khairat ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
22hb	Bengkel Pra-Pelan Strategik JAWHAR 2017-2020
29hb	Seminar Maqasid Syariah- Kerjasama Strategik JAWHAR dan INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS)
APRIL	
25hb	Bengkel Semakan Semula Manual Pengurusan Harta Syubhah
23hb -26hb	Bengkel Penyediaan Pembayaran Pelan Strategik 2017-2020
26hb-29hb	Bengkel Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001:2015
MEI	
11hb	KOLOKIUM Penghayatan Muamalat Zon Utara Kerjasama Strategik JAWHAR Dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
6hb-7hb	KOMUNAL 1.0 , “Wadah Diberdayakan, Muamalah Dibudayakan Dan Ekonomi Ummah Dibudi Dayakan”
14hb-20hb	Petugas Jawatankuasa Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran kali ke -59 di PWTC
JUN	
17hb	Munaqasyah ilmu BPKA JAWHAR bersama saudara baharu di Kompleks AsSaadah di Negeri Sembilan
JULAI	
11hb	Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat bersama MAIN dan AMZ bil.2/2017
26hb	JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Zon Malaysia Timur di Semporna Sabah bil.3/2017

OGOS	
1hb	Bengkel Dokumentasi ISO 901:2015 JAWHAR
16hb	Bengkel Pembaikan Peralatan ICT
23hb	Mesyuarat Pengukuhan Sumber Am bil.1/2017
23hb-24hb	Persidangan Serantau Fiqh Harta dan Mesyuarat Wassatiy (FIHAM) 2017
SEPTEMBER	
10hb	Majlis Penyerahan Kunci Surau Al-Barakah
26hb	Konvoi Kembara Zakat (KKZ) tema " Kembara Al-Barakah di Bumi Perpatih"
29hb	Munaqasyah Ilmu Bahagian Baitulmal tema " Hibah dan Wasiat"
OKTOBER	
1hb	Konvensyen Usahawan Islam " Peluang Kerjaya dalam Institusi Umrah"
18hb	Program Kacau Bubur Syura Perdana
20hb	Bengkel Pemurnian Manual Prosidur Kerja (MPK) JAWHAR dan Dokumentasi ISO 9001:2015
NOVEMBER	
9hb	Bantuan Banjir di Surau kepada penduduk Kepala Bukit, Kaki Gunung Jerai, Gurun Kedah
24hb	Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau tahun 2017
DISEMBER	
19hb	JAWHAR Indoor Games 2017
24hb-25hb	Program Bersama santuni Masyarakat (BERSAMA 1.0) di Pendang Kedah

INFORMASI MEDIA JAWHAR

Kos subsidi operasi haji meningkat RM400 juta

BH M/S:12 09/11/2017

(FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH)



Jamil Khir dan Abdul Azeez bersama *sebahagian penerima penghargaan pada Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji dan Penghargaan Sahabat Korporat Musim Haji 1438H/2017M di Kuala Lumpur, semalam.*

Kos tunai Rukun Islam kelima tahun depan masih kekal

Oleh Rozdan Mazalan dan Ilman Hafizuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kos subsidi bagi keseluruhan operasi haji dijangka meningkat sehingga RM400 juta tahun depan.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata ia berikutan peningkatan kos pentadbiran, perkhidmatan dan pertambahan kuota jemaah haji yang diluluskan kerajaan Arab Saudi bermula tahun ini.

"Tahun ini saja kos kesseluruhan subsidi yang diperuntukkan kerajaan sebanyak RM300 juta dan dijangka meningkat sehingga RM400 juta tahun depan.

"Bagaimanapun bayaran bagi mengerjakan haji tahun depan masih kekal sebanyak RM9,980 seorang, di mana subsidi kerajaan sebanyak RM12,470 diberikan kepada setiap jemaah daripada kos sebenar RM22,450 yang sepatutnya dibayar, tetapi dikekalkan sejak tahun 2009 lagi.

Jumlah subsidi lebih RM1b

"Bermakna jumlah subsidi yang mula diperkenalkan kerajaan sejak 2001 hingga tahun ini sudah melebihi RM1 billion," katanya pada Majlis Tamat Operasi Haji 1438H/2017 dan Penghargaan Sahabat Korporat Musim Haji 1438H/2017 di Menara Lembaga Tabung Haji (TH) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi TH Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Johan Abdullah dan Setiausaha Pertama Bahagian Visa, Kedutaan Arab Saudi Ke Malaysia, Ali Ibrahim A Alheji.

Sementara itu, pada majlis sama sebanyak 29 syarikat korporat yang terdiri daripada agensi, institusi korporat dan swasta serta persendirian diraikan bagi menghargai sumbangan yang diberikan dalam Program Sahabat Korporat TH Prihatin Kebajikan Jemaah Operasi Haji 1438H/2017.

> Bayaran bagi mengejarkan haji tahun depan masih kekal sebanyak RM9,980 seorang, yang mana subsidi kerajaan RM12,470 diberikan kepada setiap jemaah daripada kos sebenar RM22,450 yang sepatutnya dibayar, tetapi dikekalkan sejak tahun 2009 lagi."
>
> ***Jamil Khir Baharom,***
> *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*

Sebanyak RM5.3 juta sumbangan keseluruhan dalam pelbagai bentuk diterima TH dalam memberikan keselesaan dan kemudahan setiap jemaah negara ini dalam urusan menunaikan fardu haji tahun ini.

Program berkenaan mula diperkenalkan sejak tahun 80-an yang digelar Sumbangan Untuk Jemaah Haji. Bagaimanapun program itu diubah menjadi Sahabat Korporat TH sejak 2005 selepas ia dikaji semula dan dikemaskini bagi memperluaskan operasi dan pembabitan pihak luar.

Hasilnya TH berjaya menarik minat dan sokongan dari pelbagai badan dan organisasi korporat tempatan untuk menyalurkan sumbangan khusus kepada memberi keselesaan percuma kepada jemaah haji negara ini.

Muzakarah medan perhalusi kemaslahatan ibadah haji

UTUSAN MALAYSIA 29/11/2017 M/S: 9

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

PULAU PINANG 27 Nov. - Memasuki siri ke-34 penganjurannya tahun ini, program Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan anjuran Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) diakui sebagai medan terbaik dalam merungkai pelbagai kemaslahatan berkaitan ibadat berkenaan.

Malah, kepentingan muzakarah itu juga diakui dengan penglibatan peserta dari luar negara seperti Kemboja, Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei selain peserta negara ini iaitu Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (Pekta) dan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (Pihtas).

Berkongsi pengalaman menyertai muzakarah itu, Pekta Perlis, Ramli Ibrahim berkata, beliau banyak berkongsi ilmu dan pengalaman daripada peserta pelbagai negara dalam urusan pelaksanaan ibadat haji sekali gus memantapkan lagi pengetahuan mengenainya.

Beliau yang sudah enam kali menyertai muzakarah tersebut menambah, program itu banyak merungkai permasalahan yang dihadapi jemaah haji saban tahun seterusnya mencari jalan penyelesaian supaya ibadat tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh jemaah haji.

"Apa yang dibincangkan di dalam muzakarah ini akan dibawa ke dalam kursus-kursus haji yang dilaksanakan di peringkat negeri.

"Segala permasalahan hukum terkini berkaitan ibadat haji dikupas dengan mendalam bagi mengelak timbulnya pertikaian atau percanggahan dalam perkara-perkara tertentu yang mungkin boleh menyebabkan jemaah haji keliru," katanya ditemui pemberita ketika menyertai Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-34 yang diadakan di Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas, di sini baru-baru ini.

Sementara itu, bagi Pihtas Negeri Sembilan, Yusnah Yusof, meskipun sudah menyertai muzakarah tersebut sebanyak 13 kali namun beranggapan masih banyak permasalahan berkaitan haji yang boleh dipelajari dan difahami, bukan sekadar berkongsi tentang masalah haji tetapi turut memberi tumpuan tentang penyelarasan dan penilaian hukum sedia ada bertujuan memantapkan lagi kefahaman jemaah haji mengenainya.

"Hukum haji ini hidup mengikut keadaan dan suasana, jadi bila diadakan muzakarah di sinilah tempat kita berbincang dan mencari kesimpulan dan menyelaras supaya semua pembimbing dapat keluarkan satu hukum sama," katanya.

Ditanya berkenaan kos haji yang masih ditetapkan kerajaan sebesar RM9,980 bagi setiap jemaah daripada kos sebenar RM22,450 yang mencecah RM20,000, Yusnah beranggapan perkara itu adalah kelebihan dan keistimewaan yang wajar dibanggai setiap jemaah di negara ini.

"Harga yang ditetapkan kerajaan ini sangat berpatutan menganbil kira tempoh jemaah haji berada di tanah suci selain perkhidmatan lain yang disediakan Tabung Haji bermula peringkat awal sebelum menunaikan ibadat tersebut sehingga mereka selesai dan pulang ke tanah air," katanya.

Dalam pada itu, bagi peserta muzakarah luar negara dari Kemboja, Dr. Sos Norun, beliau melahirkan rasa kagum dengan peranan Tabung Haji menguruskan jemaah haji negara ini bermula dengan menyelaraskan muzakarah.

Menurutnya, jemputan menyertai muzakarah bersama Tabung Haji disifatkan sebagai peluang keemasan bagi umat Islam dari Kemboja sepertinya yang mana urusan berkaitan haji hanya dilakukan menerusi syarikat swasta atau ejen.

"Di Kemboja kemudahan seperti ditawarkan Tabung Haji tidak ada di sana, jadi kami umat Islam perlu berdikari malah kos untuk menunaikan ibadat haji juga sangat mahal iaitu antara RM15,000 hingga RM18,000 yang perlu dibuat menerusi ejen," katanya.

Pengalaman serupa dikongsi peserta dari Thailand, Dr. Amin Ghenu yang menyifatkan peluang menyertai muzakarah itu membantunya memantapkan kefahaman mengenai ibadat haji seterusnya dibawa pulang untuk berkongsi dengan umat Islam di negaranya.

Malah, beliau secara peribadi beranggapan pengurusan haji di Malaysia sangat jauh ke hadapan berbanding di Thailand terutama dengan adanya Tabung Haji yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji negara ini.

"Di Thailand urusan untuk ke Mekah dan Madinah juga dibuat menerusi ejen atau syarikat dengan bayaran yang hampir dua kali ganda berbanding di negara ini iaitu antara RM20,000 hingga RM25,000," katanya.

Bagi peserta dari Singapura pula, Hayati Haron, beliau yang pertama kali menyertai muzakarah bersama Tabung Haji turut mengambil peluang berkongsi permasalahan berkaitan ibadat tersebut yang sering dihadapi umat Islam di negara berkenaan.

Menurutnya, banyak perbezaan dalam pengurusan haji antara Malaysia dan Singapura yang mana negara berkenaan bergantung kepada tenaga sukarelawan bagi pengurusan jemaah haji memandangkan bilangan jemaahnya yang kecil.

"Kami juga perlu melalui proses urusan haji dengan syarikat yang menawarkan pakej haji dengan harga sekitar RM21,000



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (kanan) beramah mesra dengan peserta serta tetamu jemputan dalam majlis perasmian Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-34 di Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas, Pulau Pinang, baru-baru ini. • UTUSAN/SAZALI CHE DIN

> Apa yang dibincangkan di dalam muzakarah ini akan dibawa ke dalam kursus-kursus haji yang dilaksanakan di peringkat negeri."
>
> **RAMLI IBRAHIM**
> **Pekta Perlis**



RAMLI IBRAHIM



YUSNAH YUSOF



SOS NORUN



AMIN CHENU



HAYATI HARON

NEGARA 11
Kosmo 28/11/2017



Oleh WAN HASNAN WAN HASAN
Pengarang *Kosmo! Ahac*

Elak terjerat tipu daya pakej palsu ke Tanah Suci

KEJADIAN seramai 35 bakal haji berstatus orang kenamaan (VIP) yang mengalami kerugian sebanyak RM1.6 juta kerana dikatakan ditipu oleh sebuah syarikat pengurusan haji yang kononnya menyediakan perkhidmatan pakej Haji VIP ke Tanah Suci Mekah, Arab Saudi pada Ogos lalu mungkin mengejutkan banyak pihak.

Dalam kes pakej haji VIP itu, kesemua mangsa dikatakan telah membelanjakan antara RM50,000 hingga RM200,000 seorang untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut yang membolehkan mereka menunaikan ibadah haji di Tanah Suci Mekah pada musim haji yang lepas. Namun, semua mangsa hanya mampu bertepuk mata.

Sebenarnya, kes yang membabitkan 35 mangsa itu bukanlah pertama kali berlaku di negara ini. Malah, ia merupakan antara puluhan kes penipuan membabitkan jemaah haji atau umrah di negara ini membabitkan kerugian jutaan ringgit.

Kes-kes penipuan melibatkan jemaah-jemaah haji atau umrah ini sudah banyak kali dipaparkan di dada-dada akhbar, media elektronik dan sosial.

Bilangan mereka yang terpedaya dengan kegiatan licik oleh pihak tidak bertanggungjawab ini tetap bertambah dengan ada sahaja mangsa-mangsa yang terpedaya.

Malah, dalam sesetengah kes, mereka yang menjadi mangsa penipuan ini bukanlah calang-calang orang. Ada yang terdiri daripada golongan cerdik pandai.

Persoalannya, mengapakah kes-kes penipuan seperti ini terus terjadi dan ia berlaku seolah-olah masyarakat kita begitu mudah diperdaya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan duit secara haram.

Permasalahan itu sebenarnya boleh dielakkan jika semua bakal haji atau umrah bersedia untuk memilih syarikat pengurusan haji atau umrah yang berlesen.

Namun, ramai dalam kalangan kita yang suka mengambil jalan pintas seperti ingin menunaikan ibadah haji dengan kadar segera.

Dalam kes umrah pula, ramai sebenarnya yang mudah terpengaruh dengan tawaran pakej murah tidak masuk akal oleh pihak-pihak tertentu.

Sebagai contoh, orang ramai perlulah berhati-hati dan mula mempersoalkan pakej-pakej umrah yang ditawarkan dengan harga serendah RM3,500 dan ke bawah memandangkan harga tiket kapal terbang untuk pergi dan balik ke Tanah Suci sahaja sudah mencecah hampir RM4,000.

Sepatutnya, siasat dulu latar belakang sesebuah syarikat itu dan jangan mendaftar dengan syarikat-syarikat yang tidak berlesen.

Justeru, semua bakal haji atau umrah yang berhasrat menggunakan khidmat selain Tabung Haji atau Perkhidmatan Pengelola Jemaah Haji perlulah merujuk terlebih dulu kepada pihak berkuasa atau Tabung Haji sendiri.

Ini adalah kerana pihak berkuasa hanya memberikan lesen kepada beberapa syarikat tertentu untuk menguruskan segala urusan mengenai pakej menunaikan haji atau umrah.

Sebaik-baiknya segala urusan ke Tanah Suci perlulah melalui mereka yang bertauliah dan bukannya dengan syarikat-syarikat yang tidak diktiraf.

Langkah ini penting supaya ia boleh membendung gejala penipuan membabitkan janji-janji manis yang ditaburkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

Secara tidak langsung, penggunaan syarikat-syarikat bertauliah juga dapat memastikan orang ramai sampai ke Tanah Suci dan menunaikan ibadat haji atau umrah dengan sempurna.

Motac tolak permohonan lesen umrah syarikat perdaya pakej haji VIP

Kosmo M/S: 19
27/11/2017

KUALA LUMPUR – Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (Motac) menolak permohonan Lesen Khas Umrah (LKU) Syarikat Haji Harun Seb Umrah & Tours Sdn. Bhd. sekaran terlibat dengan kes penipuan pakej haji dan umrah dalam kalangan orang kenamaan (VIP) baru-baru ini.



MAS ERMIEYATI

Timbalan Menteriya, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, pihaknya melalui siasatan yang dijalankan mendapati syarikat itu hanya berhak mengendalikan aktiviti pelancongan dan bukannya perkhidmatan umrah dan haji.

"Syarikat tersebut mempunyai lesen pengendali pelancongan dan agensi pengembaraan yang mana tempoh sah lesen pelancongan syarikat adalah sehingga 31 Oktober 2019.

"Bagaimanapun, syarikat itu didapati tidak berada dalam senarai agensi pelancongan yang diluluskan oleh Tabung Haji (TH) untuk menawarkan perkhidmatan pakej haji bagi musim 2017," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Tambah Ermieyati, walaupun perkara haji di luar bidang kuasa Motac, namun pihaknya memandang serius kejadian tersebut kerana syarikat berkenaan berlesen dengan kementerian berkenaan.



beroperasi di Shah Alam tipu orang kenamaan termasuk Datuk

35 bakal haji VIP diperdaya

KERATAN *Kosmo!* 22 November 2017.

"Tindakan tegas seperti membatalkan lesen akan dikenakan sekiranya ia didapati menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudaratkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau pun ekonomi negara.

"Jadi, buat orang awam dan bakal haji adalah dinasihatkan agar berurusan dengan syarikat yang telah mendapat lesen pengelola haji daripada pihak THsahaja," ujarnya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, seramai 35 bakal haji berstatus VIP termasuk Datuk dan Datin mendakwa mengalami kerugian akibat ditipu Syarikat Haji Harun Seb Umrah & Tours Sdn. Bhd. yang kononnya menyediakan perkhidmatan pakej Haji VIP ke Mekah, Arab Saudi pada Ogos lalu.

MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 26 NOVEMBER 2017 M/S: 21 DALAM

Kes penipuan umrah membimbangkan

Oleh ROKIAH ABDULLAH
pengarang@utusan.com.my

■ IPOH 25 NOV.

ORANG ramai yang mahu menunaikan umrah atau haji perlu lebih berhati-hati dengan sebarang tawaran terutamanya jika harga pakej tersebut terlalu rendah berbanding pasaran semasa.

Pendakwah terkenal, Datuk Mohd. Kazim Elias berkata, pada masa sama, pihak berkuasa diminta memantau dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak berkenaan supaya orang ramai tidak terus ditipu.

"Kejadian menipu orang ramai ini dilaporkan berlaku setiap bulan. Walaupun sering kali diingatkan, masih ada lagi yang menjadi mangsa syarikat tidak bertanggungjawab ini.

"Selain pihak berkuasa seperti kerajaan, orang ramai sendiri perlu berhati-hati ketika memilih selain merujuk kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk memastikan syarikat pelancongan yang menawarkan pakej tersebut tidak menipu," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Pendidikan Al-Baraqah di sini hari ini.

> **Kejadian menipu orang ramai ini dilaporkan berlaku setiap bulan. Walaupun sering kali diingatkan, masih ada lagi yang menjadi mangsa syarikat tidak bertanggungjawab ini."**
>
> **MOHD. KAZIM ELIAS**
> **Pendakwah terkenal**

Sidang akhbar tersebut sempena mempromosikan program Umrah Bersama DUKE yang akan berlangsung dari 7 hingga 18 Disember ini.

Turut hadir, Pengarah Urusan Tri-D Travel & Tours Sdn. Bhd., Sarina Sharif.

Dalam program tersebut, seramai 251 jemaah telah mendaftarkan diri untuk mengikuti pakej umrah istimewa yang menawarkan lebih banyak pengisian ilmu yang disampaikan beberapa tokoh agama termasuk Mohd.Kazim sendiri.

Sementara itu, Mohd. Kazim berkata, pihak Pusat Pendidikan Al-Baraqah berterima kasih kepada Tri-D Travel kerana menyediakan pakej umrah sambil menderma kepada institusi pendidikan tersebut yang sedang dalam proses penambahbaikan melibatkan kos RM100,000.

18 NEGARA
KOSMO! JUMAAT 24 NOVEMBER 2017



ASYRAF (enam dari kanan) bergambar bersama peserta seminar dan penerima-penerima Anugerah Zakat Kebangsaan pada Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau di Kuala Lumpur semalam.

Majlis Agama Islam Negeri perlu kreatif agih wang zakat

KUALA LUMPUR – Majlis Agama Islam Negeri perlu lebih berinovasi dan kreatif dalam mencari kaedah pengagihan wang kutipan zakat serta mendekati masyarakat menerusi kaedah yang lebih canggih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki berkata, majlis-majlis agama perlu mengikuti perkembangan semasa dan tidak boleh berada di tampuk lama jika mahu menjadi lebih produktif.

"Perubahan itu penting supaya tidak terjerat dengan persepsi negatif yang seolah-olah institusi zakat hanya mengumpul wang rakyat tetapi tidak mengagihkannya secara sempurna.

"Kecanggihan teknologi maklumat perlu digunakan bagi menyalurkan informasi ke mana wang zakat tersebut disalurkan," katanya selepas merasmikan Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau di sini semalam.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan anugerah Zakat Kebangsaan 2017 kepada 10 penerima merangkumi lapan kategori iaitu akademik, asnaf usahawan, khas, syarikat dan institusi zakat terbaik.

Menurut Asyraf Wajdi, pihaknya mahu institusi zakat bukan sahaja membantu golongan asnaf melalui bantuan meneruskan hidup tetapi membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan dan lebih berdikari.

Kaedah agih zakat perlu transformasi

Utm 24/11/17 M/S: 6

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Kaedah pengagihan zakat perlu ditransformasi ke arah yang lebih sistematik mengikut perkembangan semasa bagi memastikan institusi zakat sentiasa berkembang dengan baik dan dapat dimartabatkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, sudah tiba masanya perubahan berkenaan dilakukan selari dengan kepentingan semasa supaya institusi itu tidak ketinggalan dan dicemuh masyarakat walaupun niat sebenarnya adalah murni iaitu untuk membantu rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Melalui penganjuran seminar seperti ini kita boleh mengenal pasti inisiatif yang boleh dipertingkat dan dikembangkan terutama dalam realiti dunia hari ini," katanya ketika berucap semasa merasmikan Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar), Ahmad Musadad Sulaiman dan delegasi jabatan agama dari Brunei, Indonesia dan juga Singapura.

Dalam majlis sama, Asyraf Wajdi turut menyampaikan Anugerah Zakat Kebangsaan 2017 kepada 10 penerima merangkumi lapan kategori iaitu akademik, asnaf usahawan, khas, syarikat dan institusi zakat terbaik.

Mengulas lanjut, beliau berkata, usaha membasmi kemiskinan adalah agenda berterusan negara dan memerlukan kerjasama secara kolektif.

"Kita juga perlu berkongsi kaedah agihan zakat supaya tidak terjerat dengan persepsi negatif rakyat, sebab itu kita perlu inovasi dalam kaedah agihan dan kutipan," ujarnya.



ASYRAF WAJDI DUSUKI menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima dalam Majlis Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan dan Seminar Pembangunan Asnaf Serantau di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

6 setempat 22-11-2017 **35** ››Jumlah individu ditipu agensi pengembaraan dan pelancongan

HARIAN METRO

Dua hari 'tawaf' KLIA



HADIM (dua dari kiri) bersama mangsa penipuan Pakej Haji VIP di Our Private Place@Villa Puteri Condominium.

Syawran Misr dan Muhamad Hasiq Fikri
am@metro.com.my

Kuala Lumpur

■ *Warga emas rugi RM200,000 ditipu agensi pelancongan ke Makkah*

Dua hari man dar mundir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sambil memikul beban antara perkara menyakitkan yang dialami warga emas apabila ditipu agensi pengembaraan dan pelancongan tiga bulan lalu hingga menyebabkan dia kerugian lebih RM200,000.

Malah, mangsa yang dikenali sebagai Mohd Noor Ibrahim, 76, berasal dari Ampang, Selangor, terpaksa menelan pahit terhadap segala-gala mara dan jiran apabila dia sudah membuat kenduri kesyukuran dengan harapan dapat pergi menunaikan umrah di Tanah Suci.

Menceritakan kembali kejadian malang itu, Mohd Noor bersama lima lagi rakan penipuan dan melanjutkan perjalanan ke kerajaan Arab Saudi dengan bayaran RM60,000 bagi pakej haji VIP yang menggunakan visa khas dan tempat penginapan yang lebih selesa berbanding jemaah haji biasa.

"Namun, saya tunggu punya tunggu dengan berpakaian ihram di KLIA rupanya penerbangan saya bersama kelasnya tiada kerana agensi berkenaan tidak membeli tiket penerbangan," katanya sebelum membuat aduan di Pejabat Persatuan Pengguna Islam Malaysia, semalam.

Mohd Noor antara 15 individu yang ditipu oleh sebuah agensi pengembaraan dan pelancongan yang mempunyai pejabat di Our Private Place@Villa Puteri Condominium, Bandar Puteri Klang.

Setiap individu yang ditipu agensi berkenaan dikatakan kerugian antara RM10,000 hingga RM30,000 seorang.

Mohd Noor berkata, pakej berkenaan menggunakan visa khas tanpa perlu melalui Tabung Haji lalu boleh terus menunaikan haji tanpa kawalan dan pemantauan daripada pihak berkuasa.

"Saya dijadualkan berlepas ke Tanah Suci pada 18 September lalu dengan penerbangan dari KLIA ke Dubai sebelum berlepas ke Makkah.

"Namun, saya tunggu punya tunggu dengan berpakaian ihram di KLIA rupanya penerbangan saya bersama kelasnya tiada kerana agensi berkenaan tidak membeli tiket penerbangan," katanya sebelum membuat aduan di Pejabat Persatuan Pengguna Islam Malaysia, semalam.

Mohd Noor antara 15 individu yang ditipu oleh sebuah agensi pengembaraan dan pelancongan yang mempunyai pejabat di Our Private Place@Villa Puteri Condominium, Bandar Puteri Klang.

Setiap individu yang ditipu agensi berkenaan dikatakan kerugian antara RM10,000 hingga RM30,000 seorang.

Mohd Noor berkata, pakej berkenaan menggunakan visa khas tanpa perlu melalui Tabung Haji lalu boleh terus menunaikan haji tanpa kawalan dan pemantauan daripada pihak berkuasa.

"Saya dijadualkan berlepas ke Tanah Suci pada 18 September lalu dengan penerbangan dari KLIA ke Dubai sebelum berlepas ke Makkah.

(JURADA) dengan nilai keseluruhan RM1.6 juta.

Berikutan penipuan yang dilakukan agensi yang berpangkalan di Shah Alam itu, polistelah lapor polis setelah dibuat namun setakat ini tiada tindakan susulan diambil terhadap pemilik yang bergelar haji dan hajah.

Sementara itu, Ketua Aktiviti (PIM Datuk Nadzmi Johan berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan wakil syarikat tersebut bagi mencari penyelesaian perkara berkenaan dalam masa terdekat.

"Setakat ini, kami masih lagi gagal menghubungi pihak syarikat berkenaan untuk mengadakan pertemuan bagi menyelesaikan masalah terbabit.

"Perkara ini tidak boleh dibiarkan kerana mungkin lebih ramai lagi akan menjadi mangsa penipuan agensi berkenaan yang dipercayai tidak mempunyai kebenaran untuk melakukannya," katanya.

KOSMO 21/11/17 M/S: 8

Pesara rugi RM25,360 ditipu pakej umrah palsu

KUANTAN – Seorang pesara kerajaan menanggung kerugian RM25,360 setelah diperdayai oleh seorang ustaz yang melarikan diri bersama duit berkenaan selepas mangsa menjelaskan bayaran bagi pakej mengerjakan umrah bersama keluarga.



MOHD. WAZIR

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa berusia 71 tahun telah membuat pembayaran pendahuluan pakej umrah sebanyak RM6,000 kepada suspek pada bulan Ogos 2015.

"Pengadu merancang menunaikan umrah bersama isteri, anak dan cucu pada musim cuti akhir persekolahan tahun 2015 dengan pakej RM6,290 bagi dewasa dan RM4,990 bagi kanak-kanak seandainya termoh bulan Oktober hingga November 2015.

"Pengadu kemudian telah beberapa kali menyerahkan baki wang pembayaran sehingga bayaran penuh sebanyak RM25,360 selesai pada penghujung 2015," katanya di sini semalam.

Katanya, pengadu kemudian cuba menuntut pakej umrah yang telah ditawarkan namun gagal selain membuat beberapa rundingan untuk mendapat kembali wang tersebut daripada suspek.

Beliau berkata, mangsa kemudian pergi ke pejabat suspek yang beralamat di Kuantan semalam yang didapati telah ditutup sebelum dia membuat laporan polis berhubung penipuan tawaran pakej umrah berkenaan.

Wazir berkata, polis telah mengenal pasti identiti suspek dan kes akan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan. – Bernama

Selasa, 21 November 2017 BH

MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Profesor Dr Ismail Omar
Pensyarah Pembudaan Profesional Tanah Malaysia (PEKTAMA) dan dilantik sebagai pakar wakaf di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



"Sesungguhnya, penubuhan bank wakaf (tidak semestinya dinamakan bank) boleh menjadi pelengkap kepada sistem perbankan Islam yang ada"

"Satu langkah untuk memperkasa dan memartabatkan lagi ekonomi ummah"

"Bank wakaf mampu menyediakan sumber pembiayaan melalui konsep dan amalan perbankan Islam yang lebih kompetitif di pasaran"

Tiba masa tubuh bank wakaf

Universiti awam (IA) sudah bersedia memperoleh wakaf tunai sebanyak RM25 juta dalam tempoh setahun bermula Jun tahun ini sebagai permulaan.

Berita ini cukup memuaskan. Tambah menggembirakan apabila diisytiharkan dana endowmen IA juga berjaya mengumpul RM1.8 bilion. Laporan sumbangan pihak kerajaan bagi menubuhkan dana wakaf korporat sebanyak RM50 juta juga cukup menggembirakan pewakaf dan orang ramai.

Begitu juga dengan dana wakaf tunai yang dikendalikan majlis agama Islam negeri yang berjaya mengumpul jutaan ringgit. Tidak kurang badan berkenaan juga berjaya memajukan wakaf tunai. Nampaknya, dana wakaf tunai yang terkumpul cukup membanggakan kita.

Dengan jumlah mencatat-cecah ditentukan daripada pelbagai sumber, kebiasaan duduk wakaf kian mendapat tempat di hati rakyat negara kita. Setelah hampir dijalankan, tiba masanya kita merangkan wakaf tunai sebagai strategik.

Justeru, timbul persoalan, berapakah wang yang banyak itu bersedia disimpan, dilabur dan digunakan ia boleh dijadikan untuk memajukan ummah?

Ilmuan menyatakan, wakaf tunai perlu diusur menjadi aset kekal dan tidak boleh diusahkan terus kepada penerima manfaat akan.

Tabung wakaf urus dana

Manfaatnya sahaja yang boleh dinikmati. Maka, wallah tiba masanya tabung atau bank wakaf ditubuhkan. Sesungguhnya, penubuhan bank wakaf (tidak semestinya dinamakan bank) boleh menjadi pelengkap kepada sistem perbankan Islam yang ada.

Malah, bank wakaf boleh merancang dan mengurus dana wakaf tunai dengan lebih profesional dan lebih efisien.

Begitu juga dengan pengurusan dana endowmen. Sesungguhnya, penubuhan bank wakaf boleh menjadi pelengkap kepada sistem perbankan Islam yang ada.

Malah, bank wakaf boleh merancang dan mengurus dana wakaf tunai dengan lebih profesional dan lebih efisien.

Begitu juga dengan pengurusan dana endowmen. Sesungguhnya, penubuhan bank wakaf (tidak semestinya dinamakan bank)

BERNAMA.com
English | Malay | Mandarin | عربي | Español
TENTANG BERNAMA AM POLITIK EKONOMI SUKAN RENCANA DUNIA E-NEWSLETTER WEB TV ARKIB INFOGRAFIK
Breaking News / Berita Tergempar
Laman Mikro » Perbankan & Kewangan • Auto • Penerbangan • Maritim • Pendidikan • Hartanah • Belia • eBiz

AM › BERITA

MAIPs Lancar Misi Bantuan Banjir MAIPs-DPIM 2017

Tarikh kemaskini: 08/11/2017

ARAU, 8 Nov (Bernama) -- Majlis Agama Islam (MAIPs) Perlis hari ini melancarkan konvoi Misi Bantuan Banjir MAIPs-DPIM 2017 bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kedah dan Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Mohd Nazim Mohd Noor berkata majlis itu menyumbang wang tunai dan barang keperluan harian seperti makanan, minuman, peralatan mencuci, dan menyediakan makanan kepada petugas dan ubat-ubatan bernilai RM25,000.

Raja Muda Perlis yang juga yang DiPertua MAIPs Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan menyerahkan sumbangan itu kepada timbalan pengerusi Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) cawangan Perlis, Mohd Isa Abdul Karim di Masjid Sematang Serdang, simpang Empat di sini, hari ini.

"MAIPs dan DPIM bekerjasama dalam program kemanusiaan ini termasuk berganding bahu membersihkan rumah-rumah mangsa sebagai lambang solidariti kedua-dua pihak dalam membantu mangsa-mangsa banjir," kata Mohd Nazim.

Katanya seramai 20 orang kakitangan MAIPs dan ahli DPIM Perlis akan menyertai petugas yang mewakili agensi-agensi pengurusan zakat seluruh negara termasuk Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di Gurun, Kedah bagi memulakan misi bantuan, esok.....

Untuk berita penuh sila langgan BERNAMA.com [Klik di sini]

>> Senarai Berita

Berita Utama Terdahulu

- PM Najib Terima Anugerah Kepimpinan Global Bagi Media Sosial
- Video KP SPRM: Beri Peluang Kepada AG Siasat
- Tiada Permohonan Ekstradisi Dr Zakir - Ahmad Zahid

Berita Terkini Lain

- Jentera UMNO Jangan 'Malu Alah' Sebar Kejayaan Najib - Annuar- politik
- Industri Automotif Perlu Disesuaikan Dengan Globalisasi - MAI- ekonomi
- Terengganu Sahkan Tempat Ke Slot Separuh Akhir- sukan
- Percutian Dipayungi Jutaan Bintang- rencana
- General Strike In Catalonia, Trains And Roads Blocked- dunia

Berita Pilihan Tertinggi

- Najib Akan Adakan Perbincangan Dengan 10 Pemimpin TPP Sebelum Sidang Kemuncak APEC
- PM Najib Terima Anugerah Kepimpinan Global Bagi Media Sosial
- Kereta Api Bukit Bendera Ditutup Sebulan Untuk Kerja Pembaikan

iklan
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
PRICEWATCH
BERNAMA.COM

BH Khamis, 9 November 2017

M/S: 67

JHEAT diarah siasat sindiket wakaf al-Quran kos mahal


Ghazali Taib

Ahli sindiket didakwa guna nama madrasah, akademi kumpul dana peribadi

Oleh Baharom Bakar
bhkt@bh.com.my
Kuala Terengganu

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) diarah menyiasat dan mengambil tindakan terhadap satu sindiket disyaki mengendalikan wakaf al-Quran dengan mengenakan bayaran tinggi.

Pengendali wakaf al-Quran tanpa kebenaran itu dikatakan mengenakan bayaran sehingga RM600 bagi setiap naskhah al-Quran kepada orang ramai untuk diwakafkan.

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan Tugas-Tugas Khas, Ghazali Taib, berkata bayaran itu lebih tinggi dibandingkan dengan wakaf tanah yang dibuat berdasarkan perkiraan kaki persegi.

Beliau berkata, ahli sindiket menggunakan nama madrasah dan akademi pengajian al-Quran bertujuan mengumpul dana untuk kepentingan peribadi.

"Ahli sindiket terbabit mengelirukan umat Islam apabila mendakwa setiap al-Quran yang diwakafkan untuk diserahkan kepada madrasah tahfiz dan akademi pengajian Islam.

Arah ambil tindakan

"Kerajaan negeri mengarahkan JHEAT menyiasat dan mengambil tindakan terhadap sindiket itu bagi mengelak penipuan menggunakan al-Quran dan kesucian Islam dikomersialkan bagi mengaut untung perniagaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Ghazali yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Ajil mengulas berita yang viral di laman sosial mengenai kegiatan pihak tertentu menetapkan bayaran sehingga RM600 bagi setiap naskhah al-Quran, kononnya untuk diwakafkan ke pusat pengajian Islam dan madrasah tahfiz, sejak akhir bulan lalu.

Katanya, berdasarkan Enakmen Wakaf Terengganu, kelulusan daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) negeri diperlukan setiap pertubuhan dan individu yang menjalankan operasi wakaf di negeri ini.

"Aktiviti itu perlu dipantau secara serius bagi mengelak sistem wakaf diperkenalkan kerajaan dikomersial sindiket dan pihak tidak bertanggungjawab demi mengaut keuntungan mudah," katanya.

4 DALAM NEGERI

8/11/2017 UM

Bayaran haji 2018 kekal

Oleh FADZIL ZAINOL
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 7 NOV.

LEMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) mengekalkan bayaran sebanyak RM9,980 bagi jemaah haji muassasah kali pertama untuk tahun depan meskipun kos sebenar meningkat 15 peratus daripada RM19,550 (2017) kepada RM22,450.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Johan Abdullah berkata, kos tersebut telah dikekalkan sejak 2009 atas inisiatif kerajaan yang prihatin terhadap rakyat untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.


JOHAN ABDULLAH

Katanya, Tabung Haji dijangka menanggung subsidi haji hampir RM400 juta dan menganggapnya sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) terbesar lembaga itu bagi mendukung aspirasi kerajaan untuk mengimbangi keunggulan duniawi dan ukhrawi.

"Menjadi hasrat kerajaan agar lebih ramai umat Islam di negara ini dapat menunaikan ibadah haji dengan kos yang tidak membebankan.

"Subsidi haji yang akan diberikan kepada seorang jemaah haji muassasah kali pertama ialah sebanyak RM12,470 iaitu 56 peratus daripada kos haji, manakala jemaah haji hanya perlu membayar sebanyak RM9,980 iaitu 44 peratus daripada kos haji," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurut Johan lagi, bayaran haji itu merupakan kos yang paling rendah di Asia Tenggara dengan kemudahan perkhidmatan yang disediakan secara percuma oleh Tabung Haji sepanjang menunaikan ibadah itu.

Selain itu, jelasnya, demi kebajikan serta keselesaan jemaah, pelbagai kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Haji di Tanah Suci serta di Malaysia ditambah baik tanpa sebarang bayaran tambahan antaranya kesihatan, kaunseling, bimbingan dan kewangan.

"Kerajaan sentiasa cakna dalam memartabatkan syiar Islam dengan memberikan sokongan berterusan kepada Tabung Haji melalui kerjasama kukuh yang dimeterai dengan pelbagai agensi kerajaan lain," katanya.

Dalam masa sama, kata beliau, Tabung Haji juga telah memulakan proses penghantaran surat tawaran menunaikan haji secara berperingkat bermula semalam.

"Oleh yang demikian, bakal-bakal haji yang berada dalam penggiliran kuota haji bagi 2018 dan 2019 dinasihatkan untuk mengemas kini maklumat peribadi seperti alamat dan nombor telefon masing-masing dengan segera," katanya.

KOS JEMAAH HAJI MUASSASAH KALI PERTAMA

	2017	2018
KOS	RM19,550 (100%)	RM22,450 (100%)
BAYARAN	RM9,980 (51%)	RM9,980 (44%)
SUBSIDI	RM9,576 (49%)	RM12,470 (56%)



8 DALAM NEGERI

SIDANG DEWAN RAKYAT

UM M/S: 8 7/11/17

Laporan C. SHEILA RANI dan

Kerajaan disaran wujudkan akta wakaf

KUALA LUMPUR 6 NOV.

KERAJAAN dicadang mewujudkan akta wakaf bagi menyusun semula dan memperkukuh pengurusan harta-harta wakaf di seluruh negara, seterusnya menjadikan wakaf sebagai satu cabang sumber kekayaan negara.

Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad (BN-Mersing) berkata, penggubalan akta itu akan memberi keyakinan kepada orang ramai untuk mewakafkan harta mereka yang akan diuruskan oleh sesebuah institusi supaya dapat memberi manfaat kepada orang ramai.

"Sebagai contoh di Turki, di mana sebelum akta wakaf ditubuhkan hanya terdapat 73 aset sahaja didermakan kepada institusi penaziran untuk diuruskan sebagai harta wakaf, tetapi apabila akta tersebut diperkenalkan pada 1967, lebih 4,000 aset didermakan sebab orang lebih yakin (untuk mewakafkan harta mereka) apabila ada akta.

"Di negara kita, saya mendapat maklum daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, terdapat lebih 11,000 aset wakaf yang bertaburan di seluruh negara," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 peringkat dasar pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.


LATIF AHMAD

Walaupun ketika ini pengurusan harta wakaf terletak di bawah bidang kuasa majlis agama Islam negeri-negeri, beliau berkata pengenalan akta itu boleh dilakukan seperti Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 yang memberi kuasa kepada sebuah suruhanjaya untuk mengawal selia pengurusan air walaupun komoditi itu merupakan aset kerajaan negeri.

Menerusi pengenalan akta itu, Abd Latiff turut mencadangkan agar sebuah institusi pengurusan harta wakaf ditubuhkan untuk menguruskan harta dan aset-aset wakaf di seluruh negara selain bertindak mengumpul data-data berkaitan dengan harta wakaf yang ada.

Katanya, menerusi pengurusan lebih sistematik dan tersusun, harta atau aset yang diwakafkan mampu digembleng untuk menjana pendapatan, kepada institusi pengurusan harta wakaf itu dan negara.

"Wakaf boleh wujudkan pekerjaan, wakaf boleh membantu kerajaan untuk membina hospital dan universiti, wakaf juga boleh menjadi antara penggerak ekonomi negara dan tidak mustahil aset wakaf ini boleh berkembang kepada jutaan dan bilion ringgit, seterusnya dapat membeli infrastruktur seperti Lebuh raya Utara Selatan," katanya. - BERNAMA

Faraid: Perlu titik berat hak dan tanggungjawab

UM M/S: 21 7/11/17

Al-Rakyu



Oleh ARIFFIN SABIRIN

TANGGUNGJAWAB PENERIMA FARAID


TANGGUNGJAWAB waris tidak berakhir setelah menerima harta faraid tetapi sebaliknya perlu turut menjaga nasib dan kebajikan waris terbabit. - GAMBAR HIASAN

Ms.16 Khamis, 2 November 2017 BH

JENAMA

Turun padang hebah kewajipan bayar zakat


Mohd Rais (empat dari kiri) bersama kakitangan PPZ-MAIWP pada Kempen Khas Hebahan Zakat Kaunter Zakat Bergerak PPZ-MAIWP di Galeria PJH Putrajaya, semalam.

Kerjasama PPZ-MAIWP, BH ajak orang ramai segera tunai Rukun Islam

Oleh Hasliza Hassan
hasliza_hassan@bh.com.my
Putrajaya

Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) menggunakan pelbagai pendekatan termasuk program turun padang membuat hebahan bagi meningkatkan kesedaran membayar zakat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Rais Alias, berkata program itu bertujuan menyampaikan maklumat mengenai kemudahan disediakan, sekali gus mengajak orang ramai menyegerakan pembayaran zakat.

Pada masa sama, katanya, PPZ-MAIWP memperkenalkan kaunter zakat bergerak di 10 lokasi tetap di Wilayah Persekutuan yang menyediakan perkhidmatan seperti di kaunter pusat pungutan zakat.

"Orang ramai boleh ke kaunter bergerak untuk mendapatkan maklumat, membuat pengiraan dan pembayaran. Inilah cara kita mendekatkan masyarakat kepada PPZ-MAIWP dan menarik perhatian pembayar baharu.

Boleh mohon kaunter zakat

"Malah, pihak berminat boleh hubungi kami untuk memohon kaunter zakat bergerak datang ke lokasi mereka," katanya pada Kempen Khas Hebahan Zakat Bergerak PPZ-MAIWP di Kaunter Zakat Bergerak, Galeria PJH, Putrajaya di sini, semalam.

PPZ-MAIWP bekerjasama dengan BH melalui penyiaran rencana mengenai kepentingan membayar zakat untuk memberi kesedaran kepada umat Islam mengenai tanggungjawab melaksanakan rukun Islam ketiga itu.

Melalui kerjasama itu, PPZ-MAIWP mengedarkan 5,000 naskhah BH secara percuma di tiga kawasan, iaitu Putrajaya, Damansara dan sekitar Kuala Lumpur serta Cheras.

Mohd Rais berkata, kerjasama dengan BH adalah strategi baharu menyebarkan maklumat mengenai hikmah membayar zakat, iaitu 2.5 peratus dalam setiap harta milik umat Islam adalah hak asnaf.

Ibadat umrah di hujung jari

UM M/S:21 1/11/2017

peristiwa



LANCAR... Jamil Khir Baharom (dua dari kanan) bersama Syed Ali Al Habshee (kiri) dan Syed Razif Al Yahya melakukan gimik pelancaran portal GoUmrah.Travel di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

PELUANG untuk beribadat di Masjidilharam (Mekah) dan Masjid Nabawi (Madinah) lebih terbuka melalui ibadat umrah berbanding haji.

Ibadat umrah tiada kuota jemaah dan boleh dilaksanakan sepanjang tahun, kecuali pada musim haji. Bahkan, kepadatan jemaah umrah di dua buah masjid berkenaan dalam satu-satu masa tidaklah begitu sesak seperti musim haji.

Rentetan daripada itu, bakal jemaah umrah akan memilih agensi pelancongan yang dibenarkan oleh kerajaan Malaysia dan Arab Saudi untuk menguruskan semua hal berkaitan bagi membolehkan mereka menjalani ibadat tersebut.



SYED RAZIF AL YAHYA

Namun, penggunaan khidmat agensi pelancongan itu memerlukan tetamu Allah itu terikat dengan jadual dan perkhidmatan yang ditetapkan tetapi amat berlainan dengan tawaran pakej GoUmrah. Travel oleh Sri Sutra Travel Sdn. Bhd. Pakej dalam talian tersebut menawarkan kebebasan kepada bakal jemaah umrah untuk mengurus sendiri jadual perjalanan dan pengurusan ibadat umrah mereka.

"Jemaah umrah boleh pilih dan tentukan mengikut kesesuaian serta bajet sendiri semua perkhidmatan berkaitan dengan ibadat tersebut. Semuanya dilakukan melalui dalam talian (*online*)," kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Syed Mohd. Razif Al Yahya.**

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran portal online GoUmrah.Travel yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Jamil Khir Baharom** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis ringkas itu turut dihadiri Pengerusi Kumpulan Sri Sutra Travel, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee.

Portal dalam talian yang dikatakan sebagai yang pertama di dunia itu menyediakan aplikasi tempahan penerbangan, hotel, pengangkutan, insurans, visa, mutawif dan perkhidmatan-perkhidmatan lain berkaitan.

Melalui portal tersebut juga, jemaah umrah boleh memilih sama ada untuk berada di Mekah sahaja atau Mekah dan Madinah sebelum berangkat pulang ke tanah air. Bakal jemaah perlu melakukan tempahan penerbangan 21 hari sebelum berlepas bagi memudahkan urusan dan pemprosesan dokumen.

"Namun begitu, portal kami ini tidak sama dengan perkhidmatan layan diri (DIY) yang sedia ada dalam pasaran kerana GoUmrah.Travel beroperasi mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan Arab Saudi," kata Syed Mohd. Razif.

Selain itu, beliau menyasarkan lima peratus atau 12,000 orang yang akan menggunakan portal ini terdiri daripada golongan muda, korporat serta pengembara yang kerap melakukan perjalanan ibadat itu.

"Kami juga bercadang memperluas perkhidmatan portal berkenaan ke Indonesia sebelum hujung tahun ini menerusi kerjasama dengan rakan kongsi di negara berkenaan," katanya.

Sementara itu, Jamil Khir menyifatkan kemudahan dalam talian itu memberi pilihan kepada bakal jemaah untuk memilih perkhidmatan terbaik dan beribadah mengikut kesesuaian serta kemampuan yang dimiliki.

"Usaha ini murni kerana mempermudah urusan para jemaah umrah dari negara ini untuk memilih sendiri tarikh, tempat tinggal, syarikat penerbangan dan atur cara ketika berada di Mekah dan Madinah," katanya.



NUR HAZIOAH IFFAH MAHABOB menunjukkan portal terbaharu perkhidmatan umrah dalam talian, GoUmrah.Travel.

INFO

- Dikatakan portal tempahan urusan umrah secara dalam talian yang pertama di dunia.
- Tempahan berkonsepkan DIY.
- Boleh juga untuk berada di Mekah sahaja.
- Mengikut undang-undang kerajaan Malaysia dan Arab Saudi.
- Boleh menentukan jumlah hari untuk berada di Mekah atau Madinah.
- Tempoh tempahan tidak boleh kurang daripada 21 hari sebelum berlepas.
- Disasarkan seramai 12,000 bakal jemaah umrah akan guna portal tersebut.

Maklumat lanjut, boleh hubungi talian 03-4026 6600 atau 03-4026 6677.

Dalang tipu pakej umrah direman tiga hari

TEMERLOH - Seorang lelaki yang dipercayai dalang utama kes penipuan pakej umrah dikenakan tahanan reman selama tiga hari bermula semalam.

Suspek berusia 40 tahun itu ditahan reman sehingga Jumaat ini selepas Penolong Pendaftar Kanan Mahkamah Tinggi, Ti Pei Si menetapkan keputusan tersebut.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Zundin Mahmood berkata, suspek ditahan reman bagi membantu siasatan.

Sebelum ini, suspek yang bekerja sebagai peniaga itu diberkas di sebuah rumah di Pangsapuri Birchwood Court, Bandar Tasik Puteri, Rawang, kira-kira jam 8.30 malam kelmarin.

Penahanan suspek itu berikutan susulan laporan polis yang dibuat oleh seorang wanita dari Felda Lakum, Lanchang, Disember tahun lalu.

Wanita berusia 50 tahun itu menjadi mangsa suspek selepas tertarik dengan tawaran pakej umrah yang ditawarkan sebuah syarikat seperti diiklankan pada gegantung yang dipasang pada pintu gerbang Felda Lakum, Mei tahun lalu.

Mangsa kemudian membayar pakej itu bersama ibu dan anaknya melalui beberapa transaksi pembayaran yang dibuat secara serahan tangan dan melalui akaun bank membabitkan jumlah keseluruhan RM19,364.

Selepas membuat pembayaran penuh, mangsa dimaklumkan syarikat itu telah menunda tarikh beberapa kali sehingga tarikh terakhir pada 17 Disember tahun lalu.

Wakaf tunai atasi isu rumah miskin bandar



Dasar beli, sewa kediaman jimat kos

BERITA HARIAN 24/10/2017 M/S 27

Oleh Nazura Ngah, Nurhayati Abllah dan Mahanum Abdul Aziz
bhbiz@bh.com.my

BICARA BH

Wakaf tunai boleh menjadi inovasi fiskal bagi membantu menyelesaikan isu pemilikan rumah dalam kalangan golongan miskin bandar, demikian kata pakar ekonomi.

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata dana daripada wakaf tunai boleh digunakan untuk membeli rumah di bandar dan kemudian disewakan kepada penduduk pada kadar sewa yang rendah.

Beliau berkata, menerusi wakaf tunai itu secara tidak langsung ia dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam membina rumah mampu milik untuk golongan terbabit.

"Pada tahun lalu, jumlah wang dalam edaran secara purata bulanan adalah sekitar RM92 bilion. Jadi, jika lima peratus diambil untuk diwakafkan, ia bermakna dalam tempoh Januari hingga Disember, kutipan dana wakaf tunai boleh mencecah RM55 bilion, sekali gus melebihi peruntukan perbelanjaan pembangunan kerajaan," katanya.

Lihat Ms.28

'Berduit' juga layak terima zakat

Ada potensi sebagai penerima walau pendapatan bulanan stabil

HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Penerima zakat tidak hanya terikat kepada golongan fakir dan miskin tetapi juga mungkin layak untuk golongan yang dilihat 'berduit'.

Ketua Operasi Agihan Daerah Petaling, Mohd Nur Fadhli Yohanan berkata, umum sering mengaitkan zakat untuk golongan susah sedangkan zakat sebenarnya untuk golongan yang berhak.

Justeru menurutnya, dalam memperluaskan definisi zakat sebenar, pihaknya kini mengambil inisiatif baharu menerusi pendekatan bersama golongan yang berpotensi sebagai penerima zakat walaupun mempunyai pendapatan bulanan yang stabil.

"Sebelum ini menerusi Skuad Jejak Kemiskinan, kita pergi mencari penerima zakat dari pintu ke pintu. Sekarang ini kami melebarkan lagi usaha untuk mengenal pasti penerima zakat dalam kalangan kakitangan agensi-agensi yang mungkin dilihat sebagai golongan yang berkemampuan namun mereka ini mungkin mempunyai tanggungan tertentu yang boleh melayakkan mereka menerima zakat.

"Golongan ini mungkin tidak layak dalam menerima bantuan fakir miskin tapi layak untuk bantuan-bantuan lain seperti bantuan langsaikan hutang, pendidikan dan juga kos rawatan tertentu.



Kakitangan Karangkraf mendengar taklimat oleh Lembaga Zakat Selangor, Daerah Petaling, semalam.

"Bagaimanapun, pemberian zakat kepada golongan ini bergantung kepada keperluan dan tekanan kehidupan yang dihadapi," katanya ditemui sempena Program Hari Bersama Zakat - Anda Dan Hak Anda di Dewan Sultan Muhammad ke-V, Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Nur Fadhli, berkata, pendekatan yang dilaksanakan terhadap organisasi bukan menunjukkan ketidakmampuan majikan dalam menyediakan pendapatan yang secukupnya untuk pekerja tetapi sebagai satu bentuk usaha memastikan kakitangan mengetahui dan mendapatkan hak mereka sekiranya layak menerima zakat.

Katanya, Kumpulan Media Karangkraf menjadi organisasi pertama bekerjasama dalam menjayakan program tersebut dan akan disusuli dengan dua lagi organisasi besar untuk sasaran pada tahun ini.

"Selalunya kita datang ke organisasi untuk cari pembayar zakat. Tapi kali ini kami datang untuk cari siapa mahu zakat. Kini untuk rekod, dalam Daerah Petaling sahaja, iaitu Shah Alam, Puchong, Petaling Jaya, Subang dan Damansara, seramai 8,000 keluarga fakir merupakan penerima zakat.

"3,000 daripadanya merupakan penerima bantuan bulanan sementara yang lain merupakan penerima bantuan-bantuan lain. Penerima bagi Daerah Petaling ini dikategorikan sebagai miskin bandar yang mampu melayakkan mereka menerima zakat," katanya.

Sokong pemerkasaan institusi zakat



SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini, Majlis Penasihat Kerajaan (MPK) telah memanggil beberapa buah institusi pengurusan zakat di Malaysia bagi tujuan mendapatkan pandangan untuk penambahbaikan.

Melalui pemerkasaan institusi pengurusan zakat, ia dapat membantu kerajaan membasmi kemiskinan khususnya dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Zakat adalah salah satu daripada sistem yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi tujuan memberi jaminan hidup kepada golongan asnaf khususnya golongan fakir dan miskin.

Sabagaimana sabda Nabi SAW; *"Allah mewajibkan zakat ke atas harta orang-orang kaya dari kaum muslimin, dengan kadar yang dapat memberikan jaminan kepada orang-orang miskin dalam kalangan mereka.*

Sekiranya kutipan zakat meningkat, maka secara tidak langsung dapat membantu golongan asnaf mengikut negeri masing-masing.

Golongan fakir dan miskin tidak akan menderita kelaparan dan kesulitan makanan, melainkan disebabkan perbuatan golongan kaya. Ingatlah bahawa Allah akan menghisab dan menyiksa mereka dengan azab yang pedih akibat daripada perbuatan mereka itu."

Berdasarkan sabda Nabi SAW ini dapat kita fahami bahawa sistem zakat adalah satu sistem yang dapat memberi jaminan kepada golongan fakir dan miskin di mana tidak akan ada golongan yang tidak makan dan minum melainkan disebabkan masih ada orang kaya yang tidak menunaikan zakat.

Di Malaysia, sebahagian besar penerima zakat dalam kalangan rakyat berpendapatan rendah (B40) manakala sebahagian besar golongan pembayar zakat pula terdiri daripada golongan berpendapatan pertengahan (M40) dan berpendapatan tinggi (T20).

Kami menyambut baik hasrat MPK untuk memperkasakan hal ehwal kutipan dan agihan zakat di Malaysia.

Sekiranya kutipan zakat meningkat, maka secara tidak langsung dapat membantu golongan asnaf mengikut negeri masing-masing.

Selain itu, bagi tujuan penyebaran hasil secara lebih adil, diharapkan MPK juga dapat mencadangkan kepada agensi-agensi korporat dapat mengagihkan zakat ke setiap negeri melalui institusi zakat masing-masing berdasarkan perniagaan agensi di negeri terbabit.

Hal demikian kerana, pada masa kini pembayaran zakat sebahagian agensi korporat lebih tertumpu di Lembah Klang tanpa melihat pusat zakat di negeri-negeri lain sehingga menyebabkan jurang pendapatan begitu jauh antara negeri-negeri ini.

Bagi negeri-negeri berasaskan pertanian, sudah tentu hasil zakat jauh lebih rendah daripada negeri-negeri yang menjadi pusat perindustrian dan tumpuan pentadbiran dan perdagangan.

Saranan ini adalah bagi merealisasikan hasrat pengagihan kekayaan diagihkan secara sama rata kepada golongan asnaf yang layak di seluruh negara.

MOHD. FAISAL MUSTAFFA
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Operasi Dakwah & Kutipan
Lembaga Zakat Negeri Kedah

Semak status pengelola umrah di portal *i-Umrah Jawhar*

26 Disember 2017 3:00 AM



SYEIKH HASBULLAH ABDUL HALIM (dua, kiri) menyampaikan bantuan pakaian sekolah kepada kanak-kanak, Nur Shahirah Mohd Yusoff, 7, (kiri) sempena Program Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Bersama Santuni Masyarakat di Kampung Pondok Chegar hari ini. Turut hadir Ketua Pengarah JAWHAR Ahmad Musadad Sulaiman (tiga, kiri). BERNAMA

PENDANG 25 Dis. – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) menasihati umat Islam menyemak maklumat status agensi pengelola umrah melalui portal i-Umrah jabatan itu terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pembayaran bagi mengelak menjadi mangsa penipuan.

Ketua Pengarah Jawhar, Ahmad Musadad Sulaiman berkata, ia bagi membendung masalah penipuan pakej umrah yang semakin berleluasa dan melibatkan mangsa yang banyak terutamanya golongan kurang berkemampuan.

Portal itu, menyediakan maklumat seperti senarai agensi pengelola umrah yang sah, boleh dilayari melalui laman web intranet.jawhar.gov.my/umrah, katanya selepas merasmikan Program Jawhar Bersama Santuni Masyarakat di Kampung Pondok Chegar di sini, hari ini.



Beliau berkata, i-Umrah ialah sebuah portal yang dibangunkan khas bagi menyalurkan maklumat mengenai agensi-agensi pengelola umrah yang sah sebagai rujukan dan panduan kepada bakal-bakal jemaah umrah negara ini.

Secara dasarnya, portal ini menyediakan maklumat-maklumat seperti senarai agensi pengelola umrah yang sah bagi menguruskan perjalanan jemaah umrah Malaysia dan butiran mengenai syarikat pengelola umrah seperti nama syarikat, nombor telefon dan faksimili.

Ahmad Musadad berkata, statistik Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia merekodkan kerugian berkaitan penipuan umrah lebih RM21 juta membabitkan 3,482 kes dari 2012 hingga Oktober tahun lepas.

Beliau tidak menolak kemungkinan kebanyakan kes penipuan itu berlaku disebabkan oleh sikap jemaah yang mahu pakej terlalu murah tanpa menyelidiki latar belakang sesuatu syarikat tersebut.

"Kerajaan telah menetapkan harga lantai bagi pakej umrah sebanyak RM4,900 dan mana-mana harga yang lebih rendah daripada itu adalah meragukan dan tidak boleh dipercayai.

"Berhati-hatilah dalam pembelian pakej umrah dan kalau ditawarkan bawah harga lantai RM4.900, siasat dahulu... kalau rasa ragu-ragu pilihlah syarikat dan agensi yang telah terbukti berwibawa dalam urusan berkaitan umrah ini agar urusan berkaitan visa juga berjalan lancar," katanya.

Ahmad Musadad berkata umat Islam juga perlu berurusan dengan ejen pelancongan berdaftar dan mempunyai lesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi pengendalian umrah agar tidak mudah tertipu dengan pihak tidak bertanggungjawab.

Terdahulu, seramai 500 asnaf fakir miskin dan pelajar sekolah di daerah Pendang menerima bantuan berupa barangan keperluan dapur, wang zakat serta pakaian seragam sekolah pada majlis itu. – BERNAMA



PORTAL i-Umrah yang dibangunkan oleh Jawhar bagi rujukan bakal jemaah yang berhasrat menunaikan ibadat umrah.

MKSU dan Jawhar boleh ganti Imams

SYUKUR alhamdulillah *Kalam* ucapkan atas tindakan pantas kerajaan membatalkan serta merta pelaksanaan Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (Imams) walaupun tujuan asalnya baik iaitu mahu mengelakkan berlakunya penipuan pakej umrah.

Yang pasti pelaksanaannya jika diteruskan akan menimbulkan seribu satu persoalan. Pertama, Imams diuruskan oleh sebuah syarikat swasta iaitu Integrated Manasik Monitoring System Sdn. Bhd. dan bukannya kerajaan. Kedua, syarikat berkenaan diterajui oleh seorang yang bukan Islam.

Hairan bin ajaib, bagaimana perkara seumpama itu boleh berlaku. Adakah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak menyedarinya sehingga isu yang begitu sensitif itu 'tiba-tiba' boleh terlepas pandang.

Bagi *Kalam* ini bukan soal rasis tetapi melibatkan soal urusan ibadat dalam Islam yang di dalamnya terkandung hukum-hakam, peraturan dan garis panduan syarak. Meskipun urusan yang dikendalikan oleh Imams itu di luar konteks ibadah secara khusus tetapi tujuannya adalah untuk membolehkan seseorang itu mengerjakan ibadah umrah di Tanah Suci.

Isu ini adalah satu isu besar yang sepatutnya tidak berlaku. Kementerian terlibat seharusnya lebih peka jika mahu memperkenalkan apa jua sistem terutama yang melibatkan kepentingan umat Islam kerana implikasinya cukup besar. Yang akan terpalit sudah tentu kerajaan memerintah.

Seperti mana kes Imams ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam satu sidang akhbarnya, Ahad lalu telah menyatakan bahawa pihak Kabinet tidak dimaklumkan tentang pengendalian Imams oleh syarikat swasta sambil mempersoalkan pelantikan orang bukan Islam sebagai peneraju syarikat tersebut.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam reaksinya berhubung keputusan pembatalan sistem itu turut menyifatkan langkah tersebut sebagai amat tepat.

Dalam pada itu, *Kalam* cukup tertarik dengan syor beberapa pihak yang mahu tanggungjawab Imams itu diserahkan kepada Tabung Haji. Syor itu ada asasnya kerana Tabung Haji sememangnya mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam menguruskan jemaah umrah dan haji sejak lebih 50 tahun lalu.

Bagaimanapun jika Tabung Haji mempunyai kekangan perlu ada satu agensi kerajaan lain yang mengambil alih tugas serta fungsi Imams. Antara agensi paling sesuai ialah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar).

Mungkin banyak pihak tidak menyedari bahawa Jawhar telah mempunyai Portal Maklumat Agensi Pengelola Umrah (i-Umrah) yang bertujuan membantu bakal jemaah umrah mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan ibadat umrah termasuk senarai pengelola umrah yang berdaftar.

Selain Jawhar kewujudan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 2014 juga adalah untuk memberi fokus utama terhadap kawalan kes penipuan pakej umrah dengan memperkenalkan syarat-syarat yang lebih ketat.

Setakat ini MKSU telah memperkenalkan satu ketetapan iaitu harga minimum pakej umrah tidak boleh kurang dari RM4,900. Imams sebenarnya tidak perlu kerana kewujudan MKSU dan Jawhar sudah cukup memadai untuk melakukan pembanterasan terhadap penipuan ibadat umrah.

Apa gunanya kedua-dua agensi itu ditubuhkan jika isu-isu melibatkan ibadat umrah tidak boleh diselesaikan. *Kalam* yakin sekiranya fungsi dan peranan MKSU serta Jawhar diperhebatkan termasuk dalam aspek penguatkuasaan masalah penipuan ibadat umrah mampu diatasi dengan berkesan.

Dengan kata lain kedua-duanya boleh menjadi badan pengawal selia ibadat umrah di negara ini melalui satu sistem baharu yang mungkin boleh difikirkan bersama. Fikir-fikirkanlah.



Ms.6 • Khamis, 21 Disember 2017

→ISU

TH teliti syor kendali umrah



Keratan akhbar BH, semalam.

● Institusi bersikap positif terhadap saranan demi kemaslahatan umat Islam

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my
► Kuala Lumpur

Tabung Haji (TH) akan meneliti syor semua pihak yang mahu institusi itu turut memikul tanggungjawab mengendalikan urusan umrah.

Pelbagai pihak sebelum ini mahu supaya TH membangunkan sistem pengurusan, pemantauan dan kawal selia bagi menangani kes penipuan pakej umrah oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Johan Abdullah, berkata pihaknya sedia maklum dan mengambil positif saranan berkenaan demi kemaslahatan umat Islam.

"Kajian lebih mendalam perlu dibuat daripada pelbagai aspek kerana pengurusan umrah berbeza daripada haji. Umrah diadakan hampir sepanjang tahun.

Perhalusi kajian
"Hasil daripada kajian ini perlu diperhalusi dengan teliti sebelum sebarang keputusan atau perubahan akta dicadangkan," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Beliau mengulas cadangan Pemuda UMNO yang mahu Akta Tabung Haji 1995 dipinda bagi membolehkan agensi pengurusan haji itu menjalankan pemantauan, sekali gus melancarkan urusan umrah umat Islam di negara ini.

Mengikut akta berkenaan pada masa ini, TH hanya diberi kuasa untuk mengendalikan urusan haji umat Islam yang meliputi semua urusan ibadah termasuk pengurusan visa dan kewangan menerusi perkhidmatan depositnya.

Struktur kos berbeza
Johan berkata, pihaknya perlu meneliti manfaat dan kesan yang bakal memberi impak kepada pendeposit TH kerana pengurusan umrah akan menyebabkan struktur kos berbeza.

"TH perlu mengadakan perbincangan lanjut dengan semua pihak berkuasa dan pihak berkepentingan supaya cadangan ini dapat dibentangkan secara menyeluruh demi kepentingan dan kebaikan semua pihak," katanya.

Sementara itu, jemaah yang berhasrat menunaikan umrah disaran menggunakan khidmat syarikat pelancongan yang memiliki Lesen Khas Umrah (LKU), yang dikuatkuasakan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC), Oktober lalu.



TH perlu adakan perbincangan lanjut supaya cadangan ini dapat dibentangkan secara menyeluruh demi kepentingan semua pihak"

Johan Abdullah, *Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH*

26 K2 KOSMO! JUMAAT 29 DISEMBER 2017

VARIA

Rebut peluang tunai zakat akhir tahun

AMALAN berzakat dituntut dalam Islam berupaya mengikis sikap terlalu cintakan harta dunia yang mendorong manusia bersikap bakhil serta tidak prihatin dengan kesusahan saudara seagama.

Pengurus Besar Operasi, Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) Mohammed Hassan berkata, zakat merupakan lambang kejayaan umat Islam sekali gus penting untuk menyemaikan iltizam serta niat dalam menunaikannya apabila cukup haul dan nisabnya.

Justeru, beliau berkata, pihaknya akan melanjutkan tempoh operasi di 11 kaunter PPZ-MAIWP dari pukul 8.15 pagi hingga pukul 8 malam setiap hari bermula dari 26 Disember lalu sehingga 31 Disember ini.

"Kaunter terlibat ialah Taman Shamelin Perkasa, Cheras; Wangsa Maju Seksyen 5; Masjid Negara; Anjung Nilam, Masjid Taman Tun Dr Ismail; Masjid Imam Al-Ghazali, Kepong; Masjid Abdul Rahman Auf, Jalan Puchong; Presint 9 dan 15, Putrajaya; Plaza RAH Jalan Raja Abdullah Kampung Baru dan Labuan Times Square.

"Sementara itu sebuah lagi kaunter di UTC KL, Pudu Sentral akan dibuka dari 8.15 pagi hingga 10 malam dalam tempoh tersebut. Ia meliputi kaunter khas taksiran serta pertanyaan, timbangan emas bagi zakat emas dan bayaran," jelasnya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.



MOHAMMED HASSAN

Menurutnya, kelebihan mereka yang menyempurnakan rukun Islam ketiga itu sebelum ketibaan tahun baharu ialah mereka layak menikmati rebat cukai taksiran tahun 2017 yang akan dikeluarkan pada tahun hadapan.

PPZ-MAIWP turut menyediakan cenderamata berupa cakera padat siri ceramah Mau'izati oleh Ustaz Ahmad Dusuki Abd. Rani, kalendar meja 2018, buku siri rukun Islam yang akan diberi kepada pembayar zakat yang membawa anak-anak mereka ke kaunter zakat dalam tempoh kempen tersebut.

Selain itu, pembayar zakat juga berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah berupa siri buku Irsyad Fatwa karya Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

"Satu set mengandungi tujuh siri naskhah tersebut. Sebanyak 10 set akan disediakan untuk cabutan undi pada Sabtu dan Ahad ini berbanding hanya sebuah pada hari biasa dalam tempoh ini. Pemenang akan diumumkan pada Januari depan.

"Terdapat juga penampilan maskot kartun Omar dan Hana serta kemunculan khas selebriti Man Raja Lawak dan Bell Ngasri untuk memeriahkan lagi suasana di kaunter PPZ-MAIWP," tambahnya.



OPERASI 11 kaunter PPZ-MAIWP dilanjutkan sehingga malam untuk memudahkan umat Islam menunaikan kewajipan membayar zakat.





26 Dis 2017: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) menasihatkan umat Islam menyemak maklumat status agensi pengelola umrah melalui portal i-Umrah jabatan itu terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran bagi mengelak menjadi mangsa penipuan.

Ketua Pengarah, Ahmad Musadad Sulaiman, berkata ia bagi membendung masalah penipuan pakej umrah yang semakin berleluasa dan membabitkan ramai mangsa terutamanya golongan kurang berkemampuan.

Portal itu, menyediakan maklumat seperti senarai agensi pengelola umrah yang sah, boleh

dilayari melalui laman web http://intranet.jawhar.gov.my/umrah/index.php, katanya kepada BERNAMA selepas merasmikan Program JAWHAR Bersama: "Bersama Santuni Masyarakat" di Kampung Pondok Chegar di sini.

i-Umrah ialah sebuah portal yang dibangunkan khas bagi menyalurkan maklumat mengenai agensi-agensi pengelola umrah yang sah sebagai rujukan dan panduan kepada bakal-bakal jemaah umrah negara ini.

Secara asasnya, portal ini menyediakan maklumat-maklumat seperti senarai agensi pengelola umrah yang sah bagi menguruskan perjalanan jemaah umrah Malaysia dan butiran mengenai syarikat pengelola umrah seperti nama syarikat, nombor telefon dan faksimili.

Ahmad Musadad berkata, statistik Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia merekodkan kerugian berkaitan penipuan umrah lebih RM21 juta membabitkan 3,482 kes dari 2012 hingga Oktober tahun lalu.

Beliau tidak menolak kemungkinan kebanyakan kes penipuan itu berlaku disebabkan oleh sikap jemaah yang mahu pakej terlalu murah tanpa menyelidiki latar belakang sesebuah syarikat.

"Kerajaan sudah menetapkan harga lantai bagi pakej umrah sebanyak RM4,900 dan mana-mana harga yang lebih rendah daripada itu adalah meragukan dan tidak boleh dipercayai.

"Berhati-hatilah dalam pembelian pakej umrah dan kalau ditawarkan bawah harga lantai RM4,900, siasat dahulu, ...kalau rasa ragu-ragu pilihlah syarikat dan agensi yang telah terbukti berwibawa dalam urusan berkaitan umrah ini agar urusan berkaitan visa juga berjalan lancar," katanya.

Ahmad Musadad berkata, umat Islam juga perlu berurusan dengan ejen pelancongan berdaftar dan mempunyai lesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi pengendalian umrah agar tidak mudah tertipu dengan pihak tidak bertanggungjawab.

453 jemaah umrah terkandas di Makkah sejak Jumaat lalu

Kuala Lumpur: Seramai 453 jemaah umrah dari negara ini terkandas di Makkah sejak Jumaat lalu apabila pesawat penerbangan yang sepatutnya membawa mereka pulang tidak kunjung tiba.

Difahamkan, semua jemaah itu ke Makkah pada 11 Disember lalu dan sepatutnya pulang menaiki pesawat sewa khas dijanjikan oleh agensi umrah tempatan 11 hari kemudian.

Bagaimanapun, sebaik berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohamad bin Abdulaziz di Madinah, pesawat berkenaan tidak sampai sebagaimana dimaklumkan oleh agensi umrah yang menguruskan perjalanan mereka.

Seorang mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Nazri berkata, mereka terpaksa menunggu di lapangan terbang dua kali iaitu pada 22 dan 26 Disember namun pesawat yang dijanjikan tidak tiba.

"Disebabkan pesawat tidak sampai, agensi umrah menempatkan kami di hotel jauh dari Makkah.

"Ada antara kami sepatutnya sudah bekerja sejak Isnin lalu, tetapi terpaksa mengambil cuti kecemasan selain ada yang risau dibuang kerja," katanya.

Menurut Nazri, sebelum ini masalah sama berlaku ketika mereka hendak bertolak mengerjakan umrah.

"Sebenarnya, sebelum ini lagi kami ada masalah dengan pesawat di mana sepatutnya kami ke Makkah pada 3 Disember tapi pesawat dijanjikan tiada.

"Jadi, pihak agensi umrah menyewa pesawat sewa khas untuk membawa kami mengerjakan umrah pada 11 Disember menggunakan nama agensi lain," katanya.

Nazri berkata, biarpun risau, mereka tiada pilihan dan berharap ia dapat diselesaikan oleh agensi umrah terbabit.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji (PAPUH) Datuk Seri Razali Mohd Sham menggesa jemaah berkenaan membuat laporan polis terhadap agensi terbabit.

"Ini kerana dalam urusan perjalanan umrah, agensi berkaitan sepatutnya mempunyai Lesen Khas Umrah (LKU) yang dikeluarkan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) dan mesti menyediakan tiket perjalanan pergi dan balik peserta sebelum peserta berangkat ke Makkah.

"Saya nampak di sini wujudnya elemen penipuan. Malah, menerusi maklumat diterima, agensi terbabit sudah disenarai hitam sebelum ini kerana terbabit kes penipuan umrah pada tahun lalu.

Ms.16 Rabu, 20 Disember 2017

→ ISU

SUSULAN PEMBATALAN IMAMS



Kalau sistem pengurusan umrah ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) atau dikelolakan oleh Tabung Haji (sebagai pemantau) iaitu pihak agama (Islam) sendiri, adalah jauh lebih baik"

Mohd Tamyes Abd Wahid, *Mufti Selangor*



Kalau boleh juga setiap cadangan yang dikemukakan selepas ini mesti disertakan dengan justifikasi dan alasan yang munasabah terutama yang berkait kesempurnaan urusan umrah ini"

Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Mufti Wilayah Persekutuan*



Tabung Haji juga akan menjadi pusat setempat atau 'one stop centre' dan ini memudahkan orang ramai melakukan semakan pakej umrah yang bersesuaian untuk mereka"

Abdul Hamid Nazahar, *Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kuantan*

IMAMS akur arahan henti khidmat serta-merta

Kuala Lumpur: Integrated Manasik Monitoring System Sdn Bhd (IMAMS Sdn Bhd) akur dengan arahan kerajaan menghentikan serta merta perkhidmatan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (IMAMS), bermula Jumaat lalu.

IMAMS Sdn Bhd dalam satu kenyataan semalam, memberi jaminan untuk terus bekerjasama kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta pihak terbabit dalam memastikan transisi peralihan data serta sistem perjalanan umrah berjalan lancar lancar demi kepentingan jemaah.

"IMAMS adalah sistem terbaik bagi menangani isu penipuan di sepanjang nilai rantaian pengendalian umrah, selain memperkasa aktiviti pemantauan, penyiasatan serta penguatkuasaan pengendalian pakej umrah di pasaran secara lebih sistematik.

Bantu agensi pelancongan
"Ia juga boleh membantu agensi pelancongan memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan kerana IMAMS adalah sistem bersepadu dan saluran yang berfungsi 24 jam.

"Antara lain, sistem ini berupaya menyelesaikan masalah penipuan secara khusus, sama ada dari segi urusan visa, jadual perjalanan ketika umrah, penginapan dan perlindungan insurans," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut, keberkesanan IMAMS terbukti menerusi beberapa sesi percubaan bersama pihak kedutaan dan pengendali pakej umrah di Malaysia.

Malah, katanya, IMAMS turut diperakui oleh kedutaan Arab Saudi di Malaysia sebagai yang terbaik di dunia buat masa ini.

IMAMS Sdn Bhd memberi jaminan terus bekerjasama kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta pihak terbabit dalam memastikan transisi peralihan data serta sistem perjalanan umrah berjalan lancar"

Kenyataan IMAMS

'JPM, Tabung Haji urus umrah'

● Tokoh agama setuju jabatan, agensi layak diberi kepercayaan kendali jemaah

Oleh Nik Sukry Ramli dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my
► Kuala Lumpur

Tokoh agama setuju supaya pengendalian urusan umrah dipindahkan ke jabatan dan agensi yang lebih layak bagi memastikan kesempurnaan dalam pengurusan ibadah itu, termasuk dari aspek pemantauannya.

Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abd Wahid, berkata perkara itu sewajarnya diperhalusi, memandangkan isu penipuan umrah masih berlaku biarpun tindakan dan pemantauan sudah dipertingkat sepanjang masa.

"Pada dasarnya, kalau sistem pengurusan umrah ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) atau dikelolakan oleh Tabung Haji (sebagai pemantau) iaitu pihak agama (Islam) sendiri, adalah jauh lebih baik.

"Kalau itulah cara terbaik dan boleh menyelesaikan masalah penipuan dan menjaga kesempurnaan ibadah umrah, maka kita laksanakan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pantau urusan umrah
Beliau mengulas cadangan beberapa pihak yang mahu pengurusan umrah dipindahkan ke JPM, dengan Tabung Haji yang ketika ini terbabit dalam pengurusan haji diberi tanggungjawab memantau dan melancarkan urusan umrah.

Cadangan itu timbul susulan isu pembatalan serta merta Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (IMAMS) oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Jumaat lalu, selepas mendapat bantahan banyak pihak.

Antaranya kerana sistem itu dikendalikan bukan Islam selain kos dikenakan akan membebankan jemaah.

Kelmarin, EXCO Pemuda UMNO, Nazir Hussin Akhtar Hussin, mencadangkan Akta Tabung Haji 1995 dipinda bagi membolehkan agensi pengurusan haji itu menjalankan pemantauan, memandangkan ketika ini Tabung Haji hanya diberi kuasa untuk mengawal selia urusan haji.

Tamyes berkata, sudah tiba masanya kerajaan mengenal pasti mana-mana agensi kerajaan dan syarikat berkelayakan terbabit dalam urusan mengawal selia umrah meliputi hal penginapan, visa dan tiket penerbangan.

"Sebab kita selalu mendengar ada pakej tertentu menawarkan harga lebih murah, penginapan yang terbaik, tetapi akhirnya ia hanya bersifat memperdaya.

"Kerajaan harus mengenal pasti syarikat yang berkelayakan ini yang terbukti memberi khidmat cekap dan sejarah pengurusan yang terbaik untuk melaksanakan tugas ini," katanya.

Sementara itu, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, mahu setiap cadangan disuarakan pihak tertentu seperti pindaan terhadap Akta Tabung Haji 1995 diperhalusi.

Katanya, penelitian semua cadangan dikemukakan itu berupaya menghasilkan satu keputusan yang terbaik dan bersifat menyeluruh.

Elak berlaku kekeliruan
"Kalau boleh juga setiap cadangan yang dikemukakan selepas ini mesti disertakan dengan justifikasi dan alasan yang munasabah terutama yang berkait kesempurnaan urusan umrah ini," katanya.

Di **Kuantan**, cadangan Pemuda UMNO supaya Akta Tabung Haji 1995 dipinda bagi membolehkan Tabung Haji memantau urusan umrah di negara ini perlu diberi perhatian serius oleh Kabinet.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Seri Abdul Hamid Nazahar, berkata perkara itu wajar diperhalusi Kabinet dan merumuskan satu pendekatan yang baik bagi mengelak berlaku kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

"Tujuan utama saranan berkenaan adalah untuk memperkukuhkan peranan Tabung Haji. Apabila ia (Akta Tabung Haji 1995) dipinda, sudah pasti lebih mudah untuk memantau semua urusan umrah umat Islam di negara ini.

"Tabung Haji juga akan menjadi pusat setempat atau one stop centre dan ini memudahkan orang ramai melakukan semakan pakej umrah yang bersesuaian untuk mereka.

"Paling utama, kita tidak mahu ada pihak atau syarikat mengambil kesempatan melakukan penipuan," katanya.



Keratan akhbar BH 19 Disember.

Pencarum boleh keluarkan simpanan daripada akaun dua

KWSP bantu tunai haji

Sidang Dewan Negara

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN dan FATTAH MOHD. SAPIAI

KUALA LUMPUR – Kaedah pengeluaran haji yang dilaksanakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) hanya menampung perbelanjaan asas pencarum untuk menunaikan haji dan bukan kos keseluruhan ibadah berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, organisasi keselamatan sosial itu hanya membenarkan pengeluaran haji dilakukan pencarum yang berumur kurang daripada 55 tahun menerusi simpanan akaun dua.

"Bagi pengeluaran berkenaan, pencarum perlu menerima surat jawapan berstatus terpilih daripada Lembaga Tabung Haji terlebih dahulu sebelum layak mengeluarkan simpanan KWSP.

"Pengeluaran itu turut tertakluk kepada perbezaan jumlah kos haji dengan baki simpanan Akaun Lembaga Tabung Haji pencarum pada jumlah maksimum RM3,000 untuk setiap pengeluaran," katanya di Dewan Negara di sini semalam.

OTHMAN



PENCARUM KWSP dibenarkan mengeluarkan simpanan dalam akaun dua untuk menunaikan haji. – Gambar hiasan

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator Muhamad Mustafa mengenai kebenaran pencarum menggunakan simpanan KWSP masing-masing untuk mengerjakan ibadah haji.

Othman menambah, syarat-syarat pengeluaran turut diperketatkan kerana KWSP bertanggungjawab untuk menyediakan perlindungan persaraan dalam bentuk simpanan wajib kepada pencarum.

Terdahulu, beliau menjelaskan KWSP tidak menyediakan kemudahan pinjaman kepada pencarum namun membenarkan ahlinya membuat pengeluaran bagi tujuan-tujuan khusus seperti pembiayaan perumahan.

SUSULAN PEMBATALAN IMAMS

Serah urusan umrah kepada Tabung Haji

EXCO Pemuda UMNO, Nazir Hussin cadang pinda Akta Tabung Haji 1995 bagi membolehkan agensi pengurusan jemaah haji itu pantau, sekali gus melancarkan ibadat umrah umat Islam

→ Ms.4



→ISU

SUSULAN PEMBATALAN IMAMS

Pemuda UMNO mahu Akta Tabung Haji 1995 dipinda



Tabung Haji diktiraf cemerlang dalam rangkakan jemaah haji.

- Langkah bolehkan agensi pantau, lancarkan urusan umrah

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

EXCO Pemuda UMNO, Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata Tabung Haji sememangnya berkelayakan mengalaman bagaimana dalam merangkakan jemaah haji setiap tahun.

Layak diberi tanggungjawab

"Saya berasakan Tabung Haji layak diberikan tanggungjawab terhadap berbagai pengalaman dan dikiktif cemerlang dalam mengurus jemaah haji setiap tahun.

"Tabung Haji pula boleh diberikan tanggungjawab untuk memantau, namun kerajaan perlu memindak terlebih dahulu Akta Tabung Haji 1995 bagi membolehkan mereka berbuat demikian," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengikut akta berkenaan pada



Nazir Hussin Akhtar Hussin

masa ini, Tabung Haji hanya diberi kuasa untuk menguruskan urusan haji umat Islam yang melibatkan semua urusan ibadah termasuk pengurusan visa dan kewangan menerusi perkhidmatan deposit-nya.

Selain itu, Nazir menyarankan kuasa mengurus dan mengeluarkan Lesen Khas Umrah (LKU) diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri, bukannya di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Sokong pembatalan IMAMS

"Isu kerosi umrah adalah satu ibadah, yang diwajibkan kepada kalau mampu yang mampu sebanyak hati, tidak sesuai jika ditangkerkan sebagai melancong.

"Peratusan LKU pula menetapkan hanya warga tempatan sebanyak 10 peratus sahaja, manakala selebihnya adalah warga asing yang mengikut kuota negara masing-masing," katanya.

DALAM NEGERI 11

Berikutan bantahan pelbagai pihak termasuk pengendali pakej umrah

Pelaksanaan Imams dibatalkan

Oleh SOFIAH BAHARON

PUTRAJAYA 19 DIS.

BERITAHAN bantahan daripada pelbagai pihak, kerajaan hari ini mengumumkan membatalkan pelaksanaan Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (Imams) sebagai syarat wajib kepada pencarum.

Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Rashidi Baharudin berkata, pembatalan tersebut diluar keputusan Kabinet yang dibuat pada 13 Disember lalu.

Katanya, kementerian akan mengkaji semula cadangan bagi memantau dan mengawasi syarikat pelancongan serta pengendali umrah daripada menipu para jemaah.

"Kerosi Imams ini bagus tetapi aspek-aspek yang diwajibkan kepada kalau mahukan umrah sahaja mampu sebanyak hati, tidak sesuai jika ditangkerkan sebagai melancong.

"Peratusan LKU pula menetapkan hanya warga tempatan sebanyak 10 peratus sahaja, manakala selebihnya adalah warga asing yang mengikut kuota negara masing-masing," katanya.

Pelaksanaan Imams yang bermula sebagai pemantau kepada pengendali umrah dan haji tahun Pemuda UMNO hari ini.

Ahli Exco Pemuda UMNO, Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata, pengurusan itu meliputi kepentingan kerajaan untuk memastikan jemaah haji dan umrah yang berangkat berbuat dengan selesa dan selamat.

"Saya berasakan Tabung Haji layak diberikan tanggungjawab untuk memantau kerana ia sudah berpengalaman dan mempunyai sistem yang sedia ada.

"Tabung Haji pula boleh

Umrah 'sangkut'

hm N/S:4 18/12/17

10 mangsa dakwa kerugian RM71,000 diperdaya 'ustazah'

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



MOHD Yusrizal menerima aduan daripada mangsa penipuan pakej umrah.

Alor Setar

"Kami sepatutnya berangkat menunaikan umrah hari ini (semalam) selepas dua kali ditunda sebelum ini, tetapi kecewa apabila individu yang bertanggungjawab menguruskan kami memberi alasan tiket penerbangan tiada petang semalam (kelmarin) sedangkan segala barangan sudah siap sejak awal bulan ini".

Begitu kata seorang mangsa yang enggan dikenali berusia 54 tahun dari Guar Chempedak yang mendakwa ditipu seorang wanita untuk menunaikan umrah buat kali pertama.

Malah, dia dan isteri turut mengadakan kenduri doa selamat dengan menjemput 300 jemputan termasuk penduduk kampung dan ahli keluarga, tetapi hingga sekarang tidak dapat pergi menunaikan umrah seperti yang diimpikan, selain menanggung malu.

Dia antara 10 mangsa yang diperdaya wanita mendakwa dirinya seorang ustazah dengan menawarkan pakej umrah membabitkan kerugian RM71,000.

Katanya, pada mulanya dia tidak kisah apabila penerbangan pertama pada 6 Disember lalu ditunda dengan alasan sama kerana tiket penerbangan tiada dan dijanjikan penerbangan seterusnya pada 9 Disember.

"Saya menggunakan wang simpanan RM14,200 hasil mengusahakan sawah dan tak sabar untuk membawa isteri, 53 tahun ke Makkah, tetapi kecewa apabila apa yang diharapkan tidak kesampaian, malah sudah menukar wang tunai RM2,000 kepada mata wang Riyal (Arab).

"Saya malu setiap kali jumpa orang kampung, mereka akan tanya kenapa masih ada di rumah kerana sepatutnya berlepas ke tanah suci dan setiap kali itu juga, saya memberikan pelbagai alasan untuk menyedapkan hati, tetapi kecewa dengan apa yang dilalui," katanya ketika ditemui di pejabat Persatuan Pengguna Kedah (CAKE) di Simpang Kuala di sini, semalam.

> **"Saya malu setiap kali jumpa orang kampung, mereka akan tanya kenapa masih ada di rumah"**
> Mangsa

Mangsa lain, wanita warga emas berusia 71 tahun yang menetap di bandar raya ini berkata, dia terkilan kerana seorang 'ustazah' yang dipercayai dan dikenali di sebuah masjid di Tandop, dekat sini, berjaya mempengaruhinya menyertai pakej umrah hingga dia mengajak birasnya untuk pergi bersamanya.

Katanya, walaupun tidak yakin wang RM7,100 seorang itu akan diperoleh semula, dia sedih kerana birasnya yang berusia 60-an sanggup menggunakan semua wang simpanan mengasuh kanak-kanak untuk membayar wang bagi membolehkan dia menunaikan umrah.

"Biras saya orang susah dan menetap di Perlis. Apabila saya mengajaknya untuk menunaikan umrah ke Tanah Suci dia tidak menolak dan sanggup tinggal bersama saya di sini hingga seminggu untuk mendalami ilmu agama sebagai bekalan ke sana.

"Apabila perkara ini berlaku, dia sangat kecewa dan pulang semula ke Perlis dengan hati yang berat walaupun sudah melakukan kenduri doa selamat sebelum ini di rumahnya sebagai persiapan sebelum berangkat ke Tanah Suci kerana mak cik dah selalu tunai umrah sebelum ini," katanya.

Lupakan Imams, perkukuh LKU untuk bendung penipuan umrah: Papuh

SH N/S:2 18/12/17



SHAH ALAM - Pembatalan Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (Imams) adalah tepat kerana sistem itu masih tidak jelas.

Pengerusi Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji (Papuh), Datuk Seri Razali Mohd Sham berkata, perkara itu telah diperjuangkan Papuh sebagai agensi yang membantah pelaksanaan Imams.

Katanya, kerajaan seharusnya memperkukuh sistem Lesen Khas Umrah (LKU) dengan menggalakkan lebih 400 agensi pelancongan berdaftar di bawah LKU bagi membendung kegiatan penipuan jemaah umrah.

"Kerajaan perlu lantik semua agensi itu, jangan hadkan dengan alasan perlu ditapis. Mereka yang menipu adalah mereka yang tidak berlesen," katanya.

LKU berkuat kuasa 1 Oktober lalu untuk semua agensi pelancongan yang menjual dan mengendalikan pakej umrah dan ziarah dan sehingga kini, terdapat 65 agensi pelancongan muassasah yang dilesenkan.

Dalam pada itu, Razali meminta kerajaan mempertimbangkan hanya pihak yang berkenaan dilantik menyertai Majlis Kawalan Selia Umrah (MKSU).

Beliau berkata, ia penting bagi memantau serta menangani kes penipuan umrah di negara ini.

Majlis itu dianggotai wakil Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Guna saluran betul elak terkandas di Tanah Suci

BERITA HARIAN 15/12/2017 MS: 11

Komentar



Harun Ahmu
Pengarah Urusan
Rayhar Travels Sdn Bhd

Cerita bakal haji sanggup mengeluarkan belanja besar semata-mata untuk mendapat tempat bagi menunaikan haji, tetapi akhirnya kecewa apabila mendapat tahu syarikat agensi yang sepatutnya menguruskan pemergian mereka ke Tanah Suci menipu, saban tahun kita dengar apabila tiba musim haji.

Sesiapa juga akan berasa sedih, marah dan kesal apabila terjebak dengan kes seumpama ini. Apatah lagi, sedang jiwa bergelora untuk mengerjakan ibadat haji dan bersusah payah mengumpul perbelanjaan, tiba-tiba terkandas serta tidak dapat berangkat ke Tanah Suci.

Baru-baru ini, dilaporkan 35 individu kerugian RM1.6 juta, apabila ditipu agensi pelancongan berpusat di Shah Alam, Selangor, menerusi Pakej Haji Orang Kenamaan (VIP) menggunakan visa Furada. Semua mangsa yang sepatutnya berlepas ke Tanah Suci pada Ogos lalu dilaporkan terkandas kerana masalah visa dan isu penerbangan. Dilaporkan juga, agensi terbabit didapati tidak mempunyai lesen pengelola jemaah haji dan lesen umrah.

Bagi mengelak terjebak dalam masalah ini, umat Islam di Malaysia mesti tahu saluran betul untuk memenuhi hasrat ingin menunaikan fardu haji.

Guna khidmat Tabung Haji

Dalam keadaan biasa, jemaah yang menunaikan haji menggunakan khidmat Tabung Haji Muassasah, TH Travel atau Pengelola Jemaah Haji yang dilesenkan, tidak berhadapan masalah.

Yang sering timbul masalah ialah dalam kalangan jemaah yang mendapat visa haji dikenali sebagai visa Furada iaitu hak milik Kedutaan Arab Saudi untuk memberi kepada sesiapa sahaja.

Saban tahun, pelbagai pihak mendapat visa Furada daripada pihak Kedutaan Arab Saudi yang bermurah hati meluluskannya. Kerajaan dan rakyat Malaysia seharusnya bersyukur serta berterima kasih di atas kelulusan itu.

Bagaimanapun, semua pihak mendapat visa Furada diharap tidak membelakangkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), supaya isu penipuan dapat dibendung.

Selain itu, punca berlakunya isu penipuan seperti ini adalah sebab ramai umat Islam di negara kita ini tidak sabar menunggu giliran yang ditetapkan Tabung Haji (TH) dan sanggup menerima pelawaan dari pihak tidak berlesen yang akhirnya merugikan mereka sendiri.

Rancang tunai haji

Umat Islam disarankan, merancang untuk menunaikan haji seperti panduan berikut: Membuka akaun simpanan TH; Mendaftar seawal mungkin dengan TH untuk menunaikan fardu haji dan sabar menunggu giliran; Sebaik sahaja giliran tiba, berhubung dengan TH untuk membuat pilihan pakej, sama ada melalui Tabung Haji Muasasah, TH Travel atau Pengelola Jemaah Haji yang dilesenkan Tabung Haji; Bagi yang mendapat visa haji Furada dinasihatkan, berhubung dengan TH bagi mendapatkan senarai nama pengelola jemaah haji yang dilesenkan untuk menempah pakej haji atau menggunakan khidmat TH Muasasah atau TH Travel.

Perancangan awal dan sabar menunggu giliran amat penting. Walaupun mungkin ada menyatakan, dia ada hak untuk ke Tanah Suci kerana ada kemampuan kewangan cukup, harus ingat negara kita mempunyai kuota ditetapkan Kerajaan Arab Saudi.

Hakikatnya, tindakan mengenakan kuota haji kepada semua negara seperti diputuskan dalam mesyuarat Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) adalah amat penting untuk dikuatkuasakan oleh Kerajaan Arab Saudi. Kebaikan pelaksanaan kuota haji ini ialah dapat menjamin keselamatan, kelancaran perjalanan masyaer, mengatasi kesesakan dalam Masjid Nabawi dan Masjidil Haram serta kesempurnaan ibadah jemaah haji.

Kita tidak nafikan, peraturan jemaah Malaysia yang sudah bersedia menunaikan haji adalah tinggi, sedangkan kuota diberi masih tidak cukup. Senario itu sekali gus, menyebabkan jemaah terpaksa menunggu lama giliran sehingga wujud perasaan tidak sabar. Akhirnya, ada jemaah tidak mengikut melalui saluran betul hingga jadi mangsa penipuan dan inilah yang di bimbangkan.

Berdasarkan rekod, TH adalah perbadanan yang berjaya dalam misinya. Jadi, sebaik-baiknya jemaah perlu merujuk dengan TH sebelum membuat pilihan dan keputusan.

Jumaat, 15 Disember 2017 BH

MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA
Prof Madya Dr Aminah Md Yusof
Timbalan Dekan (Pembangunan Program dan Hubungan Pelanggan)
Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Teknologi Malaysia



> "Mempelbagaikan sumber wakaf disepakati ulama dan fukaha amat perlu untuk memperluas peluang berwakaf"

> "Di universiti tersimpan khazanah harta ilmu yang banyak dan boleh dimanfaatkan"

> "Seandainya harta intelek boleh diwakafkan, tentu lebih peluang berwakaf dapat direbut anggota masyarakat, termasuk pelajar"

Wakaf harta intelek jana hasil universiti

BERITA HARIAN 15/12/2017 M/S 10

Malaysia menyaksikan kebangkitan wakaf di universiti. Kebangkitan ini didorong beberapa faktor seperti keperluan universiti berdikari dalam meneruskan kelangsungan peranan, terutama dalam era kos sara hidup tinggi.

Ini diperorpatkan dengan seruan kerajaan agar universiti meneroka peluang pendapatan dalam Lonjakan 5, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 iaitu Kemampanan Kewangan.

Usaha dijalankan oleh universiti awam (UA) dapat dilihat dalam pelbagai bentuk, contohnya penubuhan sekretariat wakaf UA tempatan. Penubuhan ini bertujuan menggiat, memperkukuh dan memperkasa inisiatif wakaf UA tempatan. Usaha pada peringkat universiti pula, contohnya pelancaran Dana Wakaf Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia pada Disember 2016 menyaksikan satu lagi kesinambungan, menyahut seruan Menteri Pendidikan Tinggi untuk memperkasa institusi wakaf bagi pelestarian pengajian tinggi.

Dana wakaf pendidikan ini memberi peluang kepada yang bermurah hati dan mengharapkan ganjaran pahala untuk membuat pelaburan akhirat dengan lebih mudah, ia dilaksanakan dengan akad wakaf sejumlah wang melalui potongan gaji bulanan.

Berwakaf tunai mengubah perspektif dan kefahaman masyarakat mengenai instrumen wakaf. Sebelum ini, umum memahami, wakaf adalah harta fizikal dan sering dikaitkan dengan tanah perkuburan dan masjid. Ini menjadikan, keinginan berwakaf terbantut, terutama bagi mereka yang tidak berkemampuan harta fizikal.

Mempelbagai sumber wakaf

Berwakaf tunai berjaya membuka peluang kepada orang ramai bersama memenuhi tuntutan agama. Oleh itu mempelbagaikan sumber wakaf yang disepakati ulama dan fukaha amat perlu untuk memperluaskan peluang berwakaf dalam konteks semasa.

Di universiti, tentu kita tercari-cari apa yang boleh dijadikan wakaf. Universiti tidak boleh selama-lamanya meminta sumbangan orang ramai atau kakitangan. Sama ada kita sedar atau tidak, universiti mempunyai harta bernilai yang berpotensi untuk diwakafkan, iaitu harta intelek. Di universiti tersimpan khazanah harta ilmu yang banyak dan boleh dimanfaatkan. Harta ini berpotensi diwakafkan kerana ada banyak persamaan dengan harta kekal.

Harta intelek sudah lama diiktiraf sebagai satu aset, buktinya kewujudan organisasi rasmi seperti 'World Intellectual Property Organisation' dan 'Malaysia Intellectual Property Association'. Badan ini menjadi pentadbir kepada pertubuhan harta intelek dunia.

Harta intelek adalah satu bentuk harta diiktiraf dalam Islam. Artikel 27, Deklarasi Hak Asasi Manusia memperuntukkan, hak dan faedah kepada pencipta, pemilik paten dan hak cipta. Kepentingan harta intelek juga diiktiraf dalam 'Paris Convention for the Protection of Industrial Property (1883)' dan 'The Berne Convention for the Protection of Literary and Artistic Works (1886)' ditadbir oleh 'World Intellectual Property Organization (WIPO)'.

Pemilik harta intelek diberi hak eksklusif serta perlindungan terhadap harta intelek hasil ciptaannya oleh undang-undang harta intelek. Ada pelbagai jenis harta intelek seperti paten, cap dagangan, asas reka bentuk perindustrian, hak cipta, reka bentuk susun atur litar bersepadu dan petunjuk geografi.

Contohnya, paten merujuk kepada ciptaan baharu dan inovasi terhadap produk sedia ada. Ciptaan baharu atau teknologi yang belum wujud di dunia ini boleh dilindungi di bawah paten. Setiap paten sah untuk tempoh 20 tahun dan boleh diperbaharui. Paten adalah hak yang diberikan kepada pemilik inovasi untuk menghalang pihak lain daripada menggunakan, mengimport atau menjual inovasi tanpa izinnya.

Reka bentuk perindustrian pula merujuk kepada penampilan bentuk, corak atau ukiran sesuatu produk, sama ada dalam bentuk dua atau tiga dimensi. Pemilik berdaftar harta intelek ini mempunyai hak untuk membuat, mengimport, menjual, menyewa atau menggunakan bagi tujuan perdagangan atau perniagaan.

Hak cipta merangkumi karya muzik, sastera, terbitan, siaran ataupun filem. Dalam hal ini pemilik hak cipta mempunyai hak perundangan, hak ekonomi, hak moral dan hak integriti sepanjang hayat pencipta/penulis dan untuk jangka masa tertentu bergantung kepada jenis karya dihasilkan.

Jelas, ada ciri-ciri pemilikan harta dalam harta intelek. Namun, apakah kedudukan harta intelek dalam Islam? Harta intelek atau al-milkiyyat al-fikriyyah menurut satu perspektif yang belum diputuskan, sama ada harta atau bukan harta. Ia bukan sesuatu boleh disentuh atau dilihat, tetapi lebih kepada hasil pemikiran intelek dan kepakaran individu.

Hal ini disepakati Imam Abu Hanifah yang berpendapat, bahawa hasil kepakaran tidak boleh dianggap harta kerana faedahnya tidak boleh disimpan untuk kegunaan pada masa tertentu.

Setaraf harta kekal

Namun, Jumhur ulama pula berpendapat, harta intelek boleh dikira sebagai harta kerana ia boleh dijual beli, boleh dipindah milik dan sebagainya, lantas hak eksklusif pemilikan atau lebih jelas nilai komersial meletakkan ia setaraf harta kekal.

Hal ini memerlukan kajian mendalam dan kesepakatan ulama. Seperti keperluan mempelbagaikan sumber wakaf, begitu juga keperluan untuk membuka luas peluang berwakaf kepada semua golongan masyarakat.

Seandainya harta intelek boleh diwakafkan, tentu lebih peluang berwakaf dapat direbut masyarakat, termasuk pelajar.

Bayangkan jika sebuah universiti mempunyai lebih ratusan paten, puluhan utility innovation dan reka bentuk industri serta ribuan hak cipta dan reka bentuk susun atur litar bersepadu dan diwakafkan oleh pemilik kepada universiti. Tentu ini akan membuka peluang kepada universiti menjana pendapatan. Meneroka wakaf harta intelek dan menentu sah kedudukannya sebagai harta yang boleh diwakafkan atau tidak, akan menjadikan Malaysia terkehadapan dalam hal ini.

Namun, harus diingat usaha meneroka dan memperkasakan wakaf daripada pelbagai sumber mesti menurut lunas ditetapkan Islam dan bukan semata-mata menjana pendapatan.

Kepada mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan dan diamanahkan mengeluarkan fatwa, kita sandarkan harapan untuk memutuskan duduk letak perkara ini. Pemahaman mereka yang mendalam terhadap kaedah dan pelaksanaan wakaf akan membantu mencapai matlamat menegakkan syariat Islam dan membantu pembangunan ekonomi ummah di negara kita.

SINAR HARIAN • RABU 13 DISEMBER 2017 — NASIONAL — 15

Fintech dalam zakat, wakaf

KUALA LUMPUR - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menggesa sarjana syariah menggunapakai teknologi baharu dalam keseluruhan kewangan Islam serta untuk menjangka bagaimana teknologi kewangan (Fintech) dapat dimanfaatkan bagi merevolusi kutipan zakat dan wakaf serta pengagihannya.

"Bayangkan buat seketika, dan tidak terlalu sukar untuk dilakukan. Bayaran zakat boleh dikira dan dibuat menggunakan aplikasi telefon pintar, yang akan membolehkan pembayar membuat pilihan sumbangan yang disesuaikan dengan keutamaan peribadi mereka," titah baginda.

Baginda bertitah, pelaksanaan sistem Fintech seumpama itu boleh dilakukan dengan kerjasama pelbagai pihak berkuasa agama dan zakat negeri.

"Dengan itu, kewangan Islam boleh digerakkan jauh lebih cekap, ... Ulang Tahun ke-20 Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia di sini, semalam.

Sultan Nazrin bertitah, pemodenan adalah satu-satunya cara ke hadapan untuk kewangan Islam, bukan sahaja dari segi meningkatkan kecekapan, mencapai skala lebih besar tetapi juga mencapai tahap lebih global.

Sebagai contoh, instrumen kewangan Islam seperti zakat, sedekah dan wakaf mungkin mempunyai peranan penting menangani, antara lain krisis pelarian.

Titah baginda, terdapat lebih 125 juta pelarian di seluruh dunia disebabkan, antara lain, kemusnahan alam sekitar akibat perubahan iklim kepada kekacauan dan penderitaan disebabkan pergolakan politik serta ketenteraan.

"Bagaimanapun, tahap sumbangan sukarela semasa tidak mencukupi untuk menyediakan keperluan asas sekalipun bagi semua ... kan alat kewangan sosial Islam sebagai kaedah yang mungkin dapat menangani kekurangan itu dan mewujudkan pendekatan baharu serta unik untuk pembiayaan kemanusiaan.

Sumber pendanaan ditawarkan kewangan Islam boleh diguna untuk menyokong kerja-kerja pertubuhan seperti IFRC, bukan sahaja dalam memberi bantuan penting ketika krisis, tetapi juga menyediakan lebih banyak sokongan kewangan jangka panjang yang diperlukan untuk menggalak daya tahan dalam kawasan berisiko sebelum bencana berlaku, titah baginda.

Baginda bertitah, zakat, wakaf dan sedekah telah lama diguna untuk membantu golongan miskin, berisiko serta melarat dalam pelbagai cara, contohnya menawarkan akses kepada perumahan mampu milik, meningkatkan taraf hidup, dan dengan melaksanakan kaedah yang lebih baik bagi penjagaan kesihat... ni, dan faedah telah diagih secara rambang, yang memerlukan sistem ...

> **"Bayangkan buat seketika, dan tidak terlalu sukar untuk dilakukan. Bayaran zakat boleh dikira dan dibuat menggunakan aplikasi telefon pintar, yang akan membolehkan pembayar membuat pilihan sumbangan yang disesuaikan dengan keutamaan peribadi mereka,"**
> - Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

... sambil menambah bahawa kitab suci itu menekankan pentingnya makanan, air, keselamatan dan jaminan, yang semuanya juga penting kepada SDG.

Matlamat utama SDG adalah menghapus kemiskinan, melindungi planet ini dan memastikan kemakmuran untuk semua.

Sultan Nazrin bertitah, jelas bahawa instrumen penting kewangan Islam - daripada sumbangan zakat dan wakaf kepada insurans takaful dan bon sukuk - dengan mudah boleh diarahkan ke matlamat terbabit.

"Ternyata sudah ada beberapa contoh yang sudah dipraktikkan. Beberapa bon sukuk Pelaburan Bertanggungjawab Sosial (SRI) telah ditubuhkan yang menyokong matlamat SDG.

"Beta berharap ia akan jadi pemangkin untuk lebih banyak lagi, bukan sahaja di Malaysia tetapi di semua negara Islam, dengan tuju-

KETUA PENGARAH JAWHAR



YBrs Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman
(7 Januari 2017 - Kini)



YBhg Datuk Haji Anan bin C Mohd
(7 Mei 2011- 4 November 2016)



Allahyarham
Dato' Dr. Haji Sohaimi bin Haji Mohd Salleh
(7 Mei 2007 – 6 Mei 2011)



YBrs Tuan Haji Mohd Zakri bin Haji Hussin
(1 Julai 2005- 4 Mei 2007)



Allahyarham
Dr. Ahmad Shah bin Mohd Nor
(1 Ogos 2004- Julai 2005)

Sidang Pengarang merakamkan sekalung penghargaan kepada semua warga JAWHAR di atas sumbangan dan kerjasama menjayakan penerbitan Laporan Tahunan JAWHAR 2017

Autograf

Autograf